Thamarat al-Muhimmah
Diyāfat li'l-Umarā'i wa'l-Kubarā'i
li-Ahli al-Mahkamah

Buah-buahan yang Dicita-cita
Ḥāl Keadaan Jadi Jamuan
bagi Raja-raja dan bagi Orang Besar-besar
yang Mempunyai Pekerjaan di dalam Tempat Berḥukūm

Raja Ḥāji 'Alī al-Ḥāj bin Raja Ḥāji Aḥmad Riau

KHAZANAH FATHANIYAH

ثمرة المهمة
ضيافة للأمراء والكبراء
لأهل المحكمة

Thamaratu'l-Muhimmah
Ḍiyāfah li'l-Umarā'i wa'l-Kubarā'i
li-Ahli al-Maḥkamah

راج حاج علي الحاج بن راج حاج أحمد ريو

Raja Ḥāji 'Alī al-Ḥāj bin Raja Ḥāji Aḥmad Riau

ثمرة المهمة
ضيافة للأمراء والكبراء
لأهل المحكمة

Thamaratu'l-Muhimmah
Ḍiyāfah li'l-Umarā'i wa'l-Kubarā'i
li-Ahli al-Maḥkamah

راج حاج علي الحاج بن راج حاج أحمد ريو

Raja Ḥāji 'Alī al-Ḥāj bin Raja Ḥāji Aḥmad Riau

KHAZANAH FATHANIYAH
Kuala Lumpur
2014

Cetakan Pertama 2014
© KHAZANAH FATHANIYAH 2014

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mencetak-ulang sebahagian atau kesuluruhan kandungan buku ini dengan apa dan bagaimana pun, samaada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, dan lain-lain sebagai dan sejenisnya sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit KHAZANAH FATHANIYAH. Urusan mengenai ini tertakluk kepada perundingan yang bersangkutpaut dengan royalti dan perundangan-perundangan yang berlaku.

ISBN : 978-983-9701-87-6

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Raja Ali Haji, 1808-1872
Thamarat al-Muhimmat Diyafat lil Umara'i walkubara'i li ahli al-mahkamat/
Oleh : Raja Haji Ali Al-Haj bin Raja Haji Ahmad Riau.
ISBN 978-983-9701-87-6
1. Islam and politics. 2. Islam and state.
3. Kings and rulers--Religious aspects--Islam. I.Judul.
297.272

Alamat:

Kedai Buku KHAZANAH FATHANIYAH,
No. 16-1 (Tingkat 1), Jalan Setiawangsa 8,
Taman Setiawangsa, 54200
Kuala Lumpur, Malaysia.
No.Tel: +603-4265 6444
Faks: +603-4265 6446

Pusat Pengajian Kitāb KHAZANAH FATHANIYAH,
No. 38, Jalan Batu Geliga Satu,
Taman Melewar, 68100,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
No.Tel: +603-6189 7231
Faks: +603-6188 3790

Laman Web Rasmi: www.khazanahfathaniyah.com.my
Emel: khazanahfathaniyah@yahoo.com
Facebook: Khazanah Fathaniyah

Disunting, direkabentuk dan diurus-cetak oleh:
كلسيكا ميديا - اكاديمي جاوي مليسيا
KLASIKA MEDIA-AKADEMI JAWI MALAYSIA
3-1, Jalan Seri Putra 1/2,
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
No. Tel: +603-8920 9800

Laman Web Rasmi: www.klasikamedia.akademijawi.my
Emel: klasika.media@yahoo.com
Facebook: Klasika Media-Akademi Jawi Malaysia

Jika memerintah lemah dan lembut
kepada tempat barang yang patut
Orang pun banyak suka mengikut
apa kehendak tidak tersangkut

Jika memerintah dengan cemeti
dengan perkataan pasti pasti
Sekalian orang bencilah hati
tiadalah suka berbuat bakti

Inilah naṣiḥat ayahanda nan tuan
kepada anakanda muda bangsawan
Nafsū yang jahat hendaklah lawan
supaya anakanda jangan tertawan

– Raja ʻAlī Ḥāji

PANDUAN PERUMIAN & TANDA BACA

Perumian 'Arab

Iṣṭilāḥ-iṣṭilāḥ bahasa Melayu-Jāwī yang beraṣal daripada bahasa 'Arab telah dirumikan mengikut qā'idah yang 'umumnya dipakai oleh sarjana dalam bidang kajian Islām.

'Arab	Rūmī	'Arab	Rūmī	'Arab	Rūmī	'Arab	Rūmī
ء	'	ز	*z*	ق	*q*	Saksi	
ب	*b*	س	*s*	ك	*k*	Panjang	
ت	*t*	ش	*sh*	ل	*l*	ا	ā
ث	*th*	ص	*ṣ*	م	*m*	آ	Ā
ج	*j*	ض	*ḍ*	ن	*n*	و	ū
ح	*ḥ*	ط	*ṭ*	ه	*h*	ى	ī
خ	*kh*	ظ	*ẓ*	و	*w*	Pendek	
د	*d*	ع	'	ى	*y*	ـَ	a
ذ	*dh*	غ	*gh*	ة	*-ah*	ـُ	u
ر	*r*	ف	*f*	dalam bentuk penuh	*-at*	ـِ	i

Tanda-Tanda Baca

Tanda-tanda yang digunakan dalam buku ini adalah sebagai yang berikut:

i. **(....)** Digunakan untuk penjelasan maqṣūd perkataan yang sebelum atau di belakangnya. Adakalanya juga digunakan untuk persamaan erti.

ii. **(..... pen:)** Perkataan **"pen:"** bermaksud **"penulis"**.

iii. **[....]** Digunakan untuk sisipan tambah ḥurūf atau perkataan atau kalimat yang tidak terdapat dalam manuskrip atau teks asal. Contoh sisipan atau tambahan pada ḥurūf seperti perkataan: **"upama"** (dalam teks) ditambah sisipan **"m"**, maka menjadi **"u[m]pama"**. Contoh sisipan atau tambahan kalimat berikut: *"yang kurang pandai* **/ (yang terdiri)** *daripada segala tuan…."*.

iv. **/(...)** Digunakan untuk menandakan muka sūrat Jāwī yang diruju' dalam bahagian transliterasi (Rūmī).

DAFTAR ISI

Panduan Perumian & Tanda Baca	vi
Daftar Isi	vii
Pengantar Penerbit	ix
Pengenalan Pengarang Kitāb *Thamaratu'l-Muhimmah*	1
Silsilah Keturunan Raja 'Alī Ḥāji	11
Daftar Yang Dipertuan Muda Riau	12
Pengenalan Kitāb *Thamaratu'l-Muhimmah*	13
Bahagian Transliterasi Kitāb *Thamaratu'l-Muhimmah* (Rūmī)	16
Lampiran Kitāb *Thamaratu'l-Muhimmah* (Jāwī)	93

PENGANTAR PENERBIT

Jika hendak mengenal orang berbangsa,
lihat kepada budi dan bahasa,

Jika hendak mengenal orang yang berbahagia,
sangat memeliharakan yang sia-sia.

Jika hendak mengenal orang mulia,
lihatlah kepada kelakuan dia.

Jika hendak mengenal orang yang berilmu,
bertanya dan belajar tiadalah jemu.

Jika hendak mengenal orang yang berakal,
di dalam dunia mengambil bekal.

Jika hendak mengenal orang yang baik perangai,
lihat pada ketika bercampur dengan orang ramai.

- Raja 'Alī Ḥāji, *Gurindam Dua Belah*: Fasal V.

Khazanah Fathaniyah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Khalif Muammar A. Haris, pensharah *Center for Advanced Studies on Islam, Science & Civilisation (CASIS), UTM* yang telah melakukan semakan; *Klasika Media-Akademi Jawi Malaysia* selaku pihak yang bertanggungjawab dari kerja penyuntingan hingga percetakan; Puan Syahira Alimi Mat Ali; al-Fāḍil Ustadh Syakirin Ahmad, al-Fāḍil Ustaz Muhammad Fakhruddin ar-Razi dan Sdr. Wan Faisal atas kerjasama dalam penerbitan *Thammaratu'l-Muḥimmah* sama ada secara langsung dan sebaliknya. Dengan ini diucapkan berbanyak-banyak terima kasih, moga sentiasa dalam rahmat dan keberkatan-Nya.

Pengenalan Pengarang Kitāb Thamaratu'l-Muhimmah

RAJA 'ALĪ ḤĀJI
Pujangga Melayu Termashhur

Oleh: Haji Wan Mohd Shaghir Abdullah

MENGENAI Raja 'Alī Ḥāji sudah cukup banyak ditulis. Tulisan *'Ulamā'* ini yang dimuatkan dalam artikel ini merupakan petikan dan penambahan saja dari buku penulis yang berjudul *Perkembangan Fiqh dan Tokoh-Tokohnya di Asia Tenggara*, jilid 1. Penulis memulakan kisah *'Ulamā'* ini dengan kalimat berikut,

> "*'Ulamā' yang bermazhab Shafi'ī* (pengikut 'aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah Imam Abū al-Ḥassan al-Ash'arī dan pengamal Ṭariqat Naqshabandiyyah dalam ṣufiyyah, yang berasal dari Riau ini) *lain pula kepopularannya.*
>
> *"Beliau lebih banyak mengarang di bidang ilmiah-ilmiah lain dari pengetahuan fiqh dan hukum-hukum keislaman, sehingga namanya sangat terkenal dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Indonesia dan Malaysia".*

Karangan mengenai bahasa Melayu menyerlahkan namanya menjadi tersohor bagi dalam mashārakat Melayu sendiri mahu pun pengkaji-pengkaji bahasa dari kalangan kaum penjajah terutama sarjana yang berasal dari Belanda.

Nama lengkap beliau ialah Tengku Ḥāji 'Alī al-Ḥaj bin Tengku Ḥāji Aḥmad bin Raja Ḥāji Al-Shāhid fī Sabīli'Llāh bin Upu Daeng Celak, yang lebih masyhur dengan sebutan Raja 'Alī Ḥāji saja.

Beliau dilahirkan di Pulau Penyengat Indera Sakti yang ketika itu menjadi pusat pemerintahan Riau-Lingga-Johor dan Pahang. Raja 'Alī Ḥāji dilahirkan oleh ibunya, Ḥamīdah binti Panglima Malik, Selangor, tahun lahirnya tercatat pada 1809. Raja 'Alī Ḥāji mempunyai beberapa orang saudara, semuanya ada 16 orang. Mereka ialah:

1. Raja ʿAbd al-Majīd
2. Raja ʿAbd al-Wadūd
3. Raja Ḥāji ʿUmar/Tengku Endut
4. Raja Ḥāji ʿAlī
5. Raja ʿAbdu'Llāh (Amir Karimun)
6. Raja ʿUthmān
7. Raja ʿAbd al-Ḥamīd
8. Raja Muḥammad Saʿīd
9. Raja Kecik
10. Raja Ṣaliḥah
11. Raja Fatimah
12. Raja Āʿishah
13. Raja Ṣafiyyah
14. Raja Maymunah
15. Raja Hawī
16. Raja Maryam

Beberapa orang adik-beradik Raja ʿAlī Ḥāji yang tersebut di atas, mahupun keturunan-keturunan mereka yang berperanan dalam mashārakat Melayu akan diceritakan lebih lanjut dalam siri-siri yang berikutnya.

Sambungan petikan daripada karangan penulis sendiri dalam buku, *Perkembangan Fiqh dan Tokoh-Tokohnya di Asia Tenggara*, jilid 1,

> "Kira-kira tahun 1822 sewaktu ia masih kecil, ia pernah dibawa oleh orang tuanya ke Betawi/Jakarta. Ketika itu orang tuanya, Raja Ḥāji Aḥmad, menjadi utusan Riau untuk menjumpai Gabenor Jeneral Baron van der Capellen. Berulang-ulang kali Raja Ḥāji Aḥmad menjadi utusan (kerajaan Riau) ke Jawa itu, waktu yang berguna itu telah dimanfaatkan oleh puteranya Raja ʿAlī untuk menemui banyak *'Ulamā'*, untuk memperdalam pengetahuan Islāmnya, terutama 'ilmu fiqh.
>
> (Di antara *'Ulamā'* Betawi yang sering dikunjunginya ialah Sayyid ʿAbd al-Raḥmān al-Maṣrī. Kepada *'Ulamā'* ini Raja ʿAlī Ḥāji sempat belajar 'ilmu Falak)".

Selain dapat memperdalam 'ilmu keIslāman, Raja 'Alī Ḥāji juga banyak mendapat pengalaman dan pengetahuan hasil pergaulan dengan sarjana-sarjana kebudayaan Belanda seperti T. Roode dan Van Der Waal yang kemudian menjadi sahabatnya. Kira-kira tahun 1827/1243H Raja Aḥmad pergi ke Makkah al-Musharrafah, puteranya Raja 'Alī Ḥāji ikut serta.

Raja Aḥmad dan Raja 'Alī Haji-lah di antara anak Raja Riau yang pertama menunaikan ibadah Ḥāji itu. Raja 'Alī Ḥāji tinggal dan belajar di Makkah untuk suatu masa yang agak lama. Semasa di Makkah Raja 'Alī Ḥāji sempat bergaul dengan Shaykh Dawūd bin 'Abdu'Llāh al-Faṭānī. Dalam beberapa bidang keislāman dan 'ilmu bahasa 'Arab, Raja 'Alī Ḥāji sempat belajar dengan Shaykh Dawūd bin 'Abdu'Llāh al-Faṭāni yang ketika itu adalah sebagai seorang besar (sebagai Ketua Shaykh Ḥāji dan sangat berpengaruh) di kalangan masharakat Melayu di Makkah.

Ia bersahabat dengan salah seorang anak Shaykh Muḥammad Arshad bin 'Abdu'Llāh al-Banjārī iaitu Shaykh Shihāb al-Dīn bin Shaykh Muḥammad Arshad bin 'Abdu'Llāh al-Banjārī. Barangkali ketika itu pulalah Raja 'Alī Ḥāji sempat mempelawa *'Ulamā'* yang berasal dari Banjar itu supaya bersedia pergi ke Riau, menurut rencananya jika mendapat persetujuan akan dijadikan Mufti di kerajaan Riau. Dalam perjalanannya ke Makkah itu, Raja Ḥāji Aḥmad dan puteranya Raja 'Alī Ḥāji pula mengambil kesempatan berkunjung ke Qahirah (Meṣir), setelah itu kembali ke negerinya Pulau Penyengat, Riau.

Di kerajaan Riau-Johor pada zaman dulu memang ramai *'Ulamā'* pendatang di antaranya Ḥabib Shaykh keturunan as-Saqqāf, Shaykh Aḥmad Jabartī, Shaykh Ismā'īl bin 'Abdu'Llāh al-Minkābāwī, Shaykh 'Abd al-Ghafūr bin 'Abbās al-Mandūrī dan ramai lagi. Apatah lagi saudara sepupu Raja 'Alī Ḥāji yang bernama Raja 'Alī bin Raja Ja'fār menjadi Yamtuan Muda Kerajaan Riau VIII (tahun 1845-1857) menggantikan saudaranya Raja 'Abd al-Raḥmān bin Raja Ḥāji Yamtuan Muda Kerajaan Riau VII (thaun 1833-1845). Apabila Raja 'Alī Ḥāji pulang dari Makkah, beliau disuruh oleh saudara sepupunya itu mengajar agama Islām, (Raja 'Alī bin Raja Ja'far juga ikut belajar kepada Raja 'Alī Ḥāji).

Agak lama juga Raja 'Alī Ḥāji terjun ke dunia pendidikan. Dikatakan bahawa beliau telah mengajar 'Ilmu Naḥw, 'Ilmu Ṣarf, 'Ilmu Uṣūl al-Dīn, 'Ilmu Fiqh, 'Ilmu Tasawwuf dan lain-lain. Raja 'Alī Ḥāji memang berkemampuan tentang berbagai-bagai 'ilmu pengetahuan Islām, bahkan beliau memang seorang *'Ulamā'* besar pada zamannya.

Ramai murid Raja 'Alī Ḥāji yang menjadi tokoh terkemuka sesudahnya, di antaranya Raja Ḥāji 'Abdu'Llāh yang kemudian menjadi Yamtuan Muda Riau IX (tahun 1857-1858); Sayyid Shaykh bin Aḥmad al-Hadī.

Dalam 'ilmu sharī'at, Raja 'Alī Ḥāji berpegang teguh dengan Madhhab Shafi'ī, dalam i'tiqād berpegang akan faham Shaykh Abū al-Ḥassan al-Ash'ārī dan Abū Manṣūr al-Maturīdī, sedang dalam amalan tasawwuf beliau adalah seorang penganut Ṭariqat Naqshabandiyyah dan mengamalkan ṣalawāt *Dalā'il al-Khayrāt* yang dibangsakan kepada Sayyid Sulayman al-Jazūlī, yang diamalkan secara beruntun sejak datuk-datuknya terutama Raja Ḥāji as-Shahīd fī Sabīli'Llah yang ketika akan meninggalnya masih tetap memegang kitāb selawat tersebut di tangannya, sementara pedang terhunus di tangannya yang satu lagi.

Sambungan petikan *Perkembangan Fiqh dan Tokoh-Tokohnya di Asia Tenggara*, jilid 1,

> "Nama kerajaan Riau-Lingga-Johor dan Pahang bertambah masyhur dengan kemunculan Raja 'Alī Ḥāji dengan pelbagai karangannya yang bercorak sejarah yang banyak dibicarakan oleh ahli bahasa dan sastera di Nusantara (Indonesia dan Malaysia), bahkan menjadi perhatian yang serius oleh orientalis Barat."

Riau dikatakan sebagai pusat kebudayaan Melayu dan pusat perkembangan 'ilmu pengetahuan keIslāman yang tiada tolok bandingnya di kala itu. Raja 'Alī Ḥāji sebagai tokoh sejarah, ahli bahasa/sastera Melayu dan yang terkenal dengan *Gurindam Dua Belas*-nya banyak dibicarakan orang. Akan tetapi belum begitu popular bahawa beliau adalah seorang *'Ulamā'* besar Islām (dunyā Melayu). Tentang penulisan 'ilmu Fiqh, Tawḥid dan Tasawwuf, Raja 'Alī Ḥāji bukanlah seorang penulis yang produktif seperti gurunya Shaykh Dawūd bin 'Abdu'Llāh al-Faṭānī.

Walau bagaimanapun diakui ada karya Raja 'Alī Ḥāji ke arah itu di antaranya *Jawharatu'l-Maknūnah.*

Sha'īr Sulṭān 'Abd al-Mulk pernah diterbitkan oleh Roorda van Eysinga dalam *Tijdshrift voor Nederlandsch-India*, IX, 4, 1847M, dan diterbitkan di Batavia 1958M.

Sambungan petikan *Perkembangan Fiqh dan Tokoh-Tokohnya di Asia Tenggara*, jilid 1,

> "Tentang karya-karya Raja 'Alī Ḥāji yang tersebut di atas, penjelasan satu persatu adalah sebagai yang berikut, *Gurindam Dua Belas* banyak dibicarakan dalam pelajaran sastera. Drs. Zuber Usman dalam bukunya, *Kesusasteraan Lama Indonesia*, beliau menyalin beberapa untaian gurindam itu. Di antara gurindam fasal kesebelasnya.
>
> "Dinamakan *Gurindam Dua Belas* ialah kerana terdiri dari dua belas fasal. Yang terkandung dalam *Gurindam Dua Belas* ialah perkara yang menyangkut ibadat individu, kewajipan-kewajipan para Raja dan sifat-sifat masyarakat, kewajipan orang tua kepada anak dan sebaliknya kewajipan anak kepada orang tua, dan lain-lain.

Sutan Takdir Alisjahbana memuat *Gurindam Dua Belas* dalam bukunya *Puisi Lama*, tahun 1969 diterbitkan lagi dengan suatu pembicaraan Drs. Shaleh Saidi tentang gurindam itu. Penerbitannya diusahakan oleh Direktorat Bahasa dan Kesusasteraan, Singaraja. *Gurindam Dua Belas* pernah dikumpulkan oleh Elisa Netscher dan diajarkan dalam Tijdshrift voor Indische Taal, Land en Volkenkunde No. 2, tahun 1853 dengan judul *De Twaalf Spreukgedichten.*

Bustānu'l-Kātibīn, ditulis tahun 1267H/1850M, diterbitkan dengan huruf batu (litografi) di Pulau Penyengat Riau. Kandungannya membicarakan penulisan bahasa Melayu, tatabahasa Melayu yang disesuaikan dengan tatabahasa (naḥw dan ṣaraf) dalam bahasa Arab. *Bustānu'l-Kātibīn* terdiri dari 31 fasal, tebalnya hanya 70 halaman.

Kitāb Pengetahuan Bahasa, ditulis tahun 1275 H/1858M, menggunakan nama pengarang pada halaman depan cetakan al-

'Ālim al-Fāḍil al-Marḥum Raja 'Alī Ḥāji ibni al-Marhum Raja Ḥāji Aḥmad ibni al-Marḥum Yang Di-Pertuan Muda Raja Ḥāji al-Shāhid fī Sabīli'Llāh Ta'ālā... , terbitan pertama, penggal yang pertama Matba'ah al-Aḥmadiyyah, 82, Jalan Sulṭān, Singapura, 10 Rejab 1348 H/11 Disember 1929.

Terbitan kedua telah penulis atau Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, usahakan tahun 1417 H/1996 dengan lampiran Sejarah Ringkas Matba'ah al-Aḥmadiyyah Singapura dan Raja Ḥāji Umar bin Raja Hasan (Cucu Raja 'Alī Ḥāji). Kitāb tersebut adalah kamus bahasa Melayu yang lebih menekankan loghat Melayu Johor, Pahang dan Riau-Lingga. Cetakan pertama setebal 466 halaman, cetakan kedua 483 halaman dengan pendahuluan setebal 32 halaman.

Kitāb ini tidak sempat selesai, hanya sampai pada huruf (*Chā'*) saja.

Thamaratu'l-Muhimmah, judul lengkap *Thamaratu'l-Muhimmah Ḍiyāfah li'l-Umarā'i wa'l-Kubarā'i li-Ahli al-Maḥkamah.* Diselesaikan pada hari Selasa, pukul 2, pada 10 Sha'bān 1275H/1858M. Tempat diterbitkan ada dinyatakan pada halaman depan Office Cap Gubernement Lingga, 1304H. Di halaman belakang dinyatakan *'Tercap di Lingga An Street Printing Office, Muḥarram 1304H/1886M'*. Diterbitkan lagi oleh Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, 1420H/1999M (cetakan yang kedua), nombor siri 28 dengan ukuran 20.4 x 13.5 cm, setebal 79 halaman. Kitāb tersebut adalah pedoman untuk Raja-raja, hakim, menteri serta pembesar-pembesar lain dalam sesuatu kerajaan atau pemerintahan.

Salāsilah Melayu dan Bugis (No. 6), ditulis pada 15 Rabi' al-Akhir 1282H/1865M. Naskhah asalnya adalah dari Sayyid Sharīf 'Abd al-Raḥmān bin Sayyid Qāsim, Sulṭān Pontianak, bin Sharīf 'Abd al-Raḥmān al-Qadrī, bahawa naskhah itu telah ditulis oleh Ḥāji 'Abdu'Llāh anak Khayr al-Din peranakan Juanah pada tahun 1282H atau 1865M. Diterbitkan buat pertama kalinya (Matba'ah al-Imām), Singapura, tahun 1329H/1911 M, kemudian diterjemahkan ke bahasa Inggeris tahun 1926 dan dimuat dalam JMBRAS. Pada 1956 diterbitkan di Johor atas perintah Mayor Jenderal Sir Sulṭān Ibrahim, Sulṭān Johor ketika itu, dicetak di

Pejabat Cetak Kerajaan Johor oleh Markum bin Ḥāji Muhammad Said. *Kitāb Salāsilah Melayu dan Bugis* yang ditulis dengan huruf Melayu/Jawi atau huruf Arab dalam bahasa Melayu/Indonesia itu pernah dirumi/latinkan oleh Sasterawan Negara, Arena Wati tahun 1972, diterbitkan oleh Pustaka Antara, Kuala Lumpur (Malaysia) dalam tahun 1973.

Kandungan *Salāsilah Melayu dan Bugis* ialah menceritakan asal usul keturunan Bugis di Luwu', Sulawesi, kemudian kejayaan di dalam pengembaraannya di bahagian Barat Nusantara setelah menghadapi pelbagai tentangan dan peperangan yang sangat hebat dan secara berentetan. Mereka dapat berkuasa di Riau, Selangor, Mempawah, dan tempat-tempat lainnya. *Salāsilah Melayu dan Bugis* adalah sangat penting untuk menyusun sejarah Riau, Kalimantan Barat, Sulawesi Selatan dan Malaysia.

Menyusul kitāb *Tuḥfat al-Nafis* ditulis pada 3 Sha'bān 1282H/1865M. Kitāb *Tuḥfat al-Nafis* dapat dikatakan sebagai kelanjutan dari *Salāsilah Melayu dan Bugis*. Kitāb *Tuḥfat al-Nafis* adalah yang paling terkenal daripada semua karangan Raja 'Alī Ḥāji. Kandungannya dimulakan dengan menjelaskan sejarah Singapura, Melaka dan Johor yang kemudian dilanjutkan tentang Riau dikalahkan oleh Belanda. Secara terperinci menguraikan kejadian-kejadian bersejarah mulai tahun 1677M hingga ke tahun disusunnya kitāb itu (1282H/1865M).

Dipaparkan dengan hebat kisah datuknya Raja Ḥāji putera Upu Daeng Celak sehingga beliau mangkat menemui *shāhid*-nya di Teluk Ketapang, Melaka. Kitāb *Tuḥfat al-Nafis* pernah diterbitkan oleh R.O. Winstedt dalam tahun 1932, dimuat dalam JMBRAS, dalam tahun 1965 oleh Malaysia Publication di Singapura dengan edisi tulisan Rumi/Latin, dan *Tuhfat Al-Nafis Sejarah Melayu-Islām* merupakan transliterasi oleh Virginia Matheson Hooker diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 1991.

Bagaimanapun, ada sarjana yang berpendapat kitāb *Tuḥfat al-Nafis* bukan karangan Raja 'Alī Ḥāji tetapi karangan ayahnya Raja Ḥāji Aḥmad yang terkenal itu.

Muqaddimah fī Intizām, judul lengkapnya ialah *Muqaddimah fī Intizām al-Waẓā'if al-Mulūk Khuṣūṣan ilā Mawlanā wa Ṣaḥibinā wa Akhīnā*

Yang Di Pertuan Muda Raja 'Alī al-Mudabbir li'l-Bilād al-Riyawwiyah wa Sā'iri Dā'iratihi, menurut Hasan Junus, ialah sebuah risalah tipis berisikan tiga buah wazīfah untuk dijadikan pegangan oleh seorang pemegang kendali dan kemudi negeri ketika mengangkat rencana ḥukūm sebelum menjatuhkan ḥukūman.

Seterusnya *Sha'īr Ḥukum Nikaḥ* atau *Sha'īr Kitāb al-Nikaḥ* atau *Sha'īr Suluh Pegawai.* Mengenai judulnya, Abu Hassan Sham menyebut,

> "Nama syair ini tidak pernah tercatat sebelum ini, tetapi ini bukan bermakna syair ini tidak disedari oleh sarjana-sarjana Barat. Mereka mengetahui syair ini dengan nama yang lain iaitu *Syair Ḥukūm Nikah* atau *Syair Kitāb an-Nikah".*

Sha'ir Sinar Gemala Mustika 'Ālam, sha'īr ini pernah diterbitkan oleh Matba'ah al-Riyawwiyah Pulau Penyengat, tahun 1311H/1893M].

Jawharatu'l-Maknūnah, dinamakan juga *Siti Ṣiyānah Ṣāhib al-Futuwwah wa al-Amānah* ditulis dalam bentuk sha'īr. Kandungannya mengenai pelajaran fiqh, atau pelajaran agama Islām, yang digubah dalam bentuk puisi.

Jawharatu'l-Maknūnah diterbitkan oleh Matba'ah al-Aḥmadiyyah, 50 Minto Road, Singapura, pada 7 Muḥarām 1342H. *Jawharatu'l-Maknūnah* ditaṣhih oleh Raja Ḥāji 'Abdu'Llāh bin Raja Ḥāji Ḥassan Riau, diterbitkan atas usaha Raja Ḥāji 'Alī bin Raja Ḥāji Muhammad Riau, Mudir Matba'ah al-Aḥmadiyyah yang ada hubungan keturunan kekeluargaan dekat dengan pengarangnya, Raja 'Alī Ḥāji.

Keturunan

Putera/puteri Raja 'Alī Ḥāji ada 17 orang iaitu:

1. Raja Ḥāji Ḥassan
2. Raja Malā'
3. Raja 'Abd al-Raḥmān
4. Raja 'Abd al-Majīd
5. Raja Salamah

6. Raja Kalthūm
7. Raja Ibrāhīm Kerumung
8. Raja Ḥamīdah
9. Raja Engku Awan ibu Raja Kaluk
10. Raja Khadījah
11. Raja Mai
12. Raja Cik
13. Raja Muḥammad Daeng Menambon
14. Raja Aminah
15. Raja Ḥāji Salmān Engku Bih
16. Raja Siah
17. Raja Engku Amdah.

Raja Ḥāji Ḥassan (No. 1) memperoleh 12 orang anak yang terkenal sebagai *'Ulamā'* dan tokoh ialah;

1. Raja Ḥāji 'Abdu'Llāh Ḥakim
2. Raja Khālid Hitam, meninggal dunyā di Jepun
3. Raja Ḥāji 'Abd al-Muṭallib
4. Raja Mariyah
5. Raja Manṣūr
6. Raja Qamariyyah
7. Raja Ḥāji 'Umar
8. Raja Ḥāji Andi
9. Raja 'Abd al-Rashīd
10. Raja Kalthūm
11. Raja Rahah
12. Raja Amīnah.

Senarai karangan Raja ʿAlī Ḥāji yang telah diketahui adalah seperti yang berikut:

1. *Shaʿīr Sulṭān ʿAbd al-Mulk*, hari Rabu, 8 Rajab 1262H/1846M
2. *Gurindam Dua Belas*, tahun 1846M
3. *Bustanu'l-Kātibīn li'ṣ-Ṣibyān al-Mutaʿallimīn*, tahun 1267 H/1850M
4. *Kitāb Pengetahuan Bahasa*, tahun 1275 H/1858M
5. *Thamaratu'l-Muhimmah*, diselesaikan hari Selasa, pukul 2, pada 10 Shaʿbān 1275H/1858M
6. *Salāsilah Melayu dan Bugis*, 15 Rabiʿu'l-Ākhir 1282H/1865M
7. *Tuḥfat al-Nāfis*, 3 Shaʿbān 1282 H/1865M
8. *Muqaddimah fī Intiẓām*
9. *Shaʿīr Ḥukum Nikaḥ* atau *Shaʿīr Kitāb al-Nikaḥ* atau *Shaʿīr Suluh Pegawai*
10. *Shaʿīr Sinar Gemala Mustika ʿĀlam*
11. *Jawharatu'l-Maknūnah*, dinamakan juga *Siti Ṣiyanah Ṣāhib al-Futuwwah wa al-Amānah*

SILSILAH KETURUNAN RAJA 'ALĪ ḤĀJI

La Maddusalat
Raja Bugis yang pertama memeluk Islām.
(Masuk Islām pada tahun 800H/1397 M)

Opu Daeng Rilaka
(? - 1697M)

Opu Daeng Perani
(? - 1726 M)
Berkahwin dengan Tunku Aishah (Kerabat Kesultanan Kedah)

Daeng Kemboja
(1697-1777 M)
Yang Dipertuan Muda Riau III

Raja 'Alī/Marḥūm Pulau Bayan
Yang Dipertuan Muda Riau V
(Memerintah 1784-1806 M)

Opu Daeng Menambon
(1697-1777 M)
Jalur keturunan Kesultanan Mempawah & Pontianak, Kalimantan Barat. Antara keturunan yang terkenal adalah Gusti Jamiril.

Opu Daeng Marewah
(? - 1728 M)
Yang Dipertuan Muda Riau I

Opu Daeng Chelak
(? - 1745 M)
Yang Dipertuan Muda Riau II

Opu Daeng Kemasi

Raja Lumu/Sulṭān Ṣalīḥu'd-Dīn
(1705-1778 M)
Sulṭān Selangor I
Punca jalur keturunan Kesultanan Selangor

Raja Ḥāji fī sabīli'Llāh
(1727 - 1784M)
Yang Dipertuan Muda Riau IV

Raja Aḥmad
(Berkahwin dengan Encik Hamidah binti Panglima Malik Selangor atau Putri Selangor)

Raja 'Alī Ḥāji
(1809-1872 M)

Raja Ja'far
(1770-1831 M)
Yang Dipertuan Muda Riau VI

Dan ramai lagi anak-anak Raja Ḥāji, antaranya :
Raja Idrīs, Raja Pahang, Raja Qāsim, Raja Salāmah, Raja Ḥāmidah (Engku Puteri), Raja Siti, Raja Buntit, Raja Tengah, Raja Amīnah, Raja Pasir dan **Raja Kemboja.**

DAFTAR
YANG DIPERTUAN MUDA RIAU

Berikut adalah daftar Yang Dipertuan Muda yang memerintah Riau, kesemuanya bersilsilah keturunan Raja ʻAlī Ḥāji.

No.	*Nama atau Gelar*	*Tahun Pemerintahan (Masihi)*
I.	Opu Daeng Marewah/ Sulṭān ʻAlāu'd-Dīn Riayat Shāh	1722 - 1728
II.	Opu Daeng Chelak/ Daeng Pali	1728 - 1745
III.	Daeng Kemboja	1745 - 1777
IV.	Raja Ḥāji fī Sabīli'Llāh	1777 - 1784
V.	Raja ʻAlī ibn Daeng Kemboja/ Marḥūm Pulau Bayan	1784 - 1806
VI.	Raja Jaʻfar ibn Raja Ḥāji	1806 - 1831
VII.	Raja ʻAbdu'r-Raḥmān ibn Raja Jaʻfar	1831 - 1844
VIII.	Raja ʻAlī ibn Raja Jaʻfar	1844 - 1857
IX.	Raja Ḥāji ʻAbdu'Llāh ibn Raja Jaʻfar	1857 - 1858
X.	Raja Muḥammad Yūsuf	1858 - 1899

Pengenalan Kitāb

THAMARATU'L-MUHIMMAH
Bicara Undang-undang

Oleh : Haji Wan Mohd Shaghir Abdullah

RAJA 'Alī Ḥāji, atau nama lengkapnya Raja 'Alī al-Ḥāji bin Raja Aḥmad al-Ḥāji, termasuk salah seorang golongan pengarang dunia Melayu yang paling terkenal. Riwayat beliau tidak perlu dibicarakan di sini, tetapi yang diperkenalkan ialah karya beliau yang berjudul "*Thamaratu'l-Muhimmah Ḍiyāfah li'l-Umarā'i wa'l-Kubarā'i li-Ahli al-Maḥkamah*". Judul yang diberikan dalam bahasa 'Arab itu beliau terjemahkan ke dalam bahasa Melayu "*Buah-buahan yang dicita-cita ḥāl keadaan jadi jamuan bagi Raja-raja dan bagi Orang Besar-besar yang mempunyai pekerjaan di dalam tempat berhukum*". Raja 'Alī Ḥāji selesai menulis kitāb ini pada hari Selasa, jam 2.00, pada 10 Sha'bān 1275 H/15 Mac 1859M. Kitāb ini pertama kali dicetak oleh Printing Office di Lingga, bulan Muḥarram 1304 H/Oktober 1886 M, iaitu percetakan milik kerajaan Riau-Lingga yang masih berkuasa pada ketika itu. Kemudian pada tahun 1420 H/1999 M telah saya perbanyak diterbit oleh Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur.

Secara garis besar kandungan *Thamaratu'l-Muhimmah* ialah membicarakan sistem pentadbiran pemerintahan Raja atau Sulṭān menurut ajaran agama Islām. Pada bahagian yang merupakan tambahan terdapat ungkap dalam bentuk puisi/sha'īr, Menurut pandangan Raja 'Alī Ḥāji pada muqaddimah, bahawa:

> "di dalam dunyā ini berlebih lebihan setengah atas setengah, seperti: segala *Anbiyā'*, *Awliyā'*, dan *'Ulamā'*, maka lebih daripada sekalian orang yang 'am (umum, pen:)."

Raja 'Alī Ḥāji menegaskan bahawa,

> "tiada sebab lain, melainkan sebab 'ilmu yang dikurniakan oleh Allāh kepada mereka."

Secara sindiran bijak, tulisan tajam yang berhikmah dan mengandung unsur naṣiḥat Raja ʿAlī Ḥāji menulis,

> "Maka barang siapa daripada Raja-raja, dan orang kuli-kuli, dan orang yang gagah berani merintangi, dan melawan, dan takbur atas segala *Anbiyā'*, *Awliyā'*, dan *'Ulamā' 'Āmilīn*, maka datanglah murka Allāh Ta'ālā atas mereka itu. Ada kalanya dengan tunai atau dengan bertangguh seperti kebanyakan ḥikāyat yang dahulu-dahulu beberapa banyak qawm yang dibinasakan oleh Allāh Ta'ālā ..." (hlm. 4).

Pada Bāb yang Pertama, Raja ʿAlī Ḥāji menulis,

> "Pada menyatakan mendirikan Raja. Dan menjadikan segala Orang Besar-besar yang memegang akan jabatan kerajaan. Dan menyatakan pula jalan yang diharuskan pada shara' dan pada 'ādat menurunkan dia daripada pangkatnya dan melepaskan dia daripada jabatan. Maka di dalamnya empat Faṣal." (hlm. 7).

Faṣal yang Pertama sampai Faṣal yang Keempat dihuraikan mulai hlm. 7 sampai hlm. 16, sekadar petikan ringkas, kata Raja ʿAlī Ḥāji,

> "Bermula mendirikan Raja pada agama Islām itu farḍu kifāyah. Adalah ṣaḥ perdirian Raja itu, iaitu dengan tiga sebab. Pertama dengan sebab bay'ah *Ahl al-Ḥal wa al-ʿAqd* daripada *'Ulamā'*. Ya'nī dengan sebab dilantik kemudian daripada selesai muafakat dengan mesyuarat beberapa laki-laki yang 'adil daripada orang baik-baik dan serta kepala-kepala dan serta daripada *'Ulamā'* yang hadir dan yang layak pada tempat itu." (hlm. 7).

Raja ʿAlī Ḥāji, menyebut sebab yang kedua ialah

> "dengan sebab istikhilaf, ya'nī menjadikan satu Raja akan gantinya masa hidupnya pada yang patut menjadikan Raja kemudian daripada pekerjaan meshuwarat dengan riḍā segala mereka itu..." (hlm. 7-8). Sebab yang ketiga pula ialah "dengan sebab taghallub, ya'nī dengan kekerasan seorang laki-laki yang mempunyai quwwat mengalahkan satu negeri itu kemudian menjadilah ia Raja dengan dirinya sendiri ..." (hlm. 8).

Mengakhiri Faṣal yang Pertama, Bāb yang Pertama, Raja ʿAlī Ḥāji menyebut sharaṭ menjadi Raja ialah

> "hendaklah Raja itu Islām. Yang teguh /[me]megang agama Islām. Dan laki-laki yang mukallaf, dan merdeka, lagi ʿādil, lagi yang mempunyai ijtihad (kebersunguh-sungguhan, pen:) yang elok. Dan mempunyai bicara yang baik, dan pendengaran yang baik, dan penglihatan yang baik. Dan mempunyai berani yang tetap, dan rajin tiada jemu dan malas daripada mendirikan kerajaan, lagi pantas, segera berbangkit pada tiap-tiap pekerjaan yang jadi kebajikan ..." (hlm. 8).

Pada Faṣal yang Keempat, Bāb yang Pertama, Raja ʿAlī Ḥāji menyebut rujukannya ialah kitāb *Sharḥ Iṯḥāf al-Murīd*. Sesudahnya disambung pula dengan yang beliau sebut "Bahagian" yang terdiri dari "Tiga Bahagian".

Halaman 20 sampai 40 membicarakan Bāb yang Kedua, yang terdiri dari sepuluh Faṣal. Pada Bāb yang Kedua, Raja ʿAlī Ḥāji memulakan dengan kalimat,

> "Pada menyatakan tertib kerajaan dan aturan maḥkamah pada meshuwaratnya dan ḥukumnya." (hlm. 20).

Pada Faṣal pertama Bāb ini Raja ʿAlī Ḥāji mentakrifkan pengertian "*maḥkamah*", kata beliau,

> "Iaitu tempat mendirikan ḥukūm atas segala hamba Allāh Taʿālā."

Dijelaskan lagi bahawa,

> "... di dalamnya beberapa orang besar yang memegang jabatan yang berlain-lainan masing-masing dan pekerjaan. Adalah kepala mereka itu, iaitulah *Qāḍī*. Di bawah *Qāḍī* itu, *Nāʾīb Qāḍī* dan Kātib, yaʿnī jurutulis, dua orang... Dan dua orang pula Tarjumān, yaʿni jurubahasa, ...Dan dua orang lagi Muzakkī, orang yang memeriksa ʿādil segala saksi." (hlm. 20-21).

Disimpulkan saja keseluruhan petugas *maḥkamah* ialah 10 orang.

Pada halaman 40 mulai membicarakan Bāb yang Ketiga, Raja ʿAlī Ḥāji menulis,

> "Barang yang tiada dapat tiada daripada Raja-raja dan Orang Besar-besar memeliharakan dia, iaitu tiga perkara. Pertama memelihara rūḥ, yaʿnī nyawa. Kedua memelihara bādan dan jasad. Yang ketiga memelihara nama." (hlm. 40).
>
> Dari ketiga-tiga itu Raja ʿAlī Ḥāji berkata "...rūḥ, yaʿnī nyawa dan hati. Bermula maʿnā rūḥ, dan maʿnā qalbi, dan maʿnā nafsu, dan maʿnā ʿaqal itu, iaitulah berpanjanganlah bicaranya di dalam kitāb yang panjang-panjang ..." (hlm. 41).

ثمرة المهمة
ضيافة للأمراء والكبراء
لأهل المحكمة

Thamaratu'l-Muhimmah
Ḍiyāfah li'l-Umarā'i wa'l-Kubarā'i
li-Ahli al-Maḥkamah

راج حاج علي الحاج بن راج حاج أحمد ريو

Raja Ḥāji ʻAlī al-Ḥāj bin Raja Ḥāji Aḥmad Riau

Fihrasat al-Kitāb

Thamaratu'l-Muhimmah
Ḍiyāfah li'l-Umarā'i wa'l-Kubarā'i
li-Ahli al-Maḥkamah

Khutbah al-kitāb

Muqaddimah ya'nī Pendahuluan

Pada menyatakan kelebihan 'ilmu

Bāb yang Pertama pada menyatakan mendirikan Raja dan menjadikan segala Orang Besar-besar yang memegang akan jabatan kerajaan dan menyatakan pula jalan yang diharuskan pada shara' dan pada 'adat menurunkan dia daripada pangkatnya dan melepaskan dia daripada jabatannya. Maka di dalamnya empat Faṣal dan satu Furu'

Faṣal yang pertama pada menyatakan mendirikan Raja

Faṣal yang kedua pada menyatakan ma'nā Raja

Faṣal yang ketiga pada menyatakan menjadikan *Wazīr* atau Kepala-kepala Negeri

Furu' – Ini satu cawang

Faṣal yang keempat pada menyatakan pekerjaan menurunkan mereka itu.

Bahagian yang pertama pada menyatakan menurunkan *Qāḍī*

Bahagian yang kedua pada menyatakan menurunkan *Wazīr*

Bahagian yang ketiga pada menyatakan menurunkan Biduanda dan seumpamanya.

Bāb yang Kedua pada menyatakan tertib kerajaan dan aturan maḥkamah pada meshuwārahnya dan ḥukumannya maka iaitu beberapa Faṣal

Faṣal yang pertama pada menyatakan ma'nā Maḥkamah
Faṣal yang kedua pada menyatakan adāb *Ahl al-Maḥkamah*
Faṣal yang ketiga pada menyatakan berbicara dan mushawarah *Ahl al-Maḥkamah*
Faṣal yang keempat pada menyatakan jika mushawarah itu mukhtalifah pada segala *Ahl al-Maḥkamah*
Faṣal yang kelima pada menyatakan ḥukūm-ḥukūm yang terpakai di dalam ugama Islām
Faṣal yang keenam pada menyatakan adalah yang dinamakan ḥukūm yang putus
Faṣal yang ketujuh pada menyatakan harus *Qāḍī al-Quḍāt* menentukan seorang gantinya
Faṣal yang kedelapan pada menyatakan ḥarām *Qāḍī* menerima pemberian
Faṣal yang kesembilan pada menyatakan memilih orang-orang yang akan dijadikan *Ahl al-Maḥkamah* atau hendak dijadikan Orang Besar-besar
Faṣal yang kesepuluh pada menyatakan apabila hasillah oleh Raja akan seseorang yang patuh menjadi *Ahl al-Maḥkamah* dan ahli memegang jabatan kerajaan

'Ahd al-Maḥkamah ya'nī perjanjian *Ahl al-Maḥkamah* iaitu
Setia yang pertama
Setia yang kedua
Setia yang ketiga
Setia yang keempat
Setia yang kelima
Setia yang keenam
Setia yang ketujuh
Setia yang kedelapan
Setia yang kesembilan

Setia yang kesepuluh
Setia yang kesebelas
Setia yang kedua belas

Balasan sumpah setia iaitu daripada pihak Raja
Setia yang pertama
Setia yang kedua
Setia yang ketiga
Setia yang keempat

Bāb yang Ketiga pada menyatakan barang yang tiada dapat daripada Raja-Raja dan Orang Besar-besar memelihara akan dia
Faṣal yang pertama pada menyatakan memelihara rūḥ
Faṣal yang kedua pada menyatakan memelihara bādan
Faṣal yang ketiga pada menyatakan memelihara nama

Khātimah pada menyatakan barang yang jadi cacat dan cedera kepada Raja-raja dan Orang Besar-besar
Pertama pada menyatakan Takbur
Kedua pada menyatakan Ghaḍab yaʿnī pemarah
Ketiga pada menyatakan Ḥasad
Pada menyatakan bahaya dan kebinasaan dengki
Pada menyatakan ubat dengki
Keempat Ṭamaʿ yaʿnī loba
Kelima Bakhīl
Keenam Mughaffal, yaʿnī lalai
Ketujuh Isrāf
Kedelapan al-Mazaḥ
Kesembilan al-Kadhib
Kesepuluh al-Jaz'u
Kesebelas ʿAjalah

Furu' – Ini satu cawang

Kedua belas Taswīf

Ketiga belas *Lam yajzā' al-khayr*

Keempat belas *Lā yubāla (bi-)al-Dīn*

Inilah sha'īr naṣīḥat kebajikan pada kesudahan kitāb iaitu naṣīḥat kepada orang yang menjadi Raja:

Faṣal yang pertama naṣīḥat kepada menteri

Faṣal yang kedua naṣīḥat kepada *Qāḍī*

Faṣal yang ketiga naṣīḥat kepada segala pegawai Sulṭān

Faṣal yang keempat naṣīḥat kepada Raja dan Menteri serta segala Pegawai

Faṣal yang kelima penghabisan naṣīḥat kebajikan orang yang mengarang

Bismi'Llāhi'r-Raḥmāni'r-Raḥīm

Al-ḥamdu li-Llāh Jalla Jalāluhu wa ʿAzim Sha'nuhu min qabl wa min baʿdi amruhu lahu al-mulk wa al-ḥukm wa ilayhi turjaʿūn. Wa Ṣallā'Llāh ʿalā Sayyidinā Muḥammad wa mawlānā Muḥammad nabī al-mabʿuth fī akhir al-zamān wa ʿalā ālihi wa aṣḥābihi wa khulafā'ihi min ahli al-ṣiddiq wa al-īmān

Amma baʿdu

Yaʿni kemudian daripada itu maka bahawa inilah satu kitāb yang mukhtaṣar yang akan dinamai akan dia *Thamaratu'l-Muhimmah Ḍiyāfat li'l-Umarā'i wa'l-Kubarā'i li-Ahli al-Maḥkamah* yaʿnī *"Buah-buahan yang dicita-cita ḥāl keadaan jadi jamuan bagi Raja-raja dan bagi Orang Besar-besar yang mempunyai pekerjaan di dalam tempat berḥukūm"* dan aku aturkan dia satu muqaddimah dan tiga bāb di dalamnya beberapa faṣal dan satu khātimah.

Muqaddimah Yaʿnī Pendahuluan pada Menyatakan Kelebihan ʿIlmu

Bermula adapun ʿilmu itu iaitu thābit kepada *naqal* dan *ʿaqal*. Adapun naqal daripada *Qur'ān al-ʿAẓīm, Qāla Allāh Taʿālā:*

يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ[1]

yaʿnī "Diangkatkan Allāh Taʿālā segala mereka itu yang berīmān daripada kami dan segala mereka itu yang diberi ʿilmu beberapa pangkat".

Adapun sabda Nabī *Ṣallā'Llāh ʿalayhi wa Sallam*

من يرد الله به خيرا يفقهه فى الدين ويلهمه رشده

man yuridi Allāh bihi khayran, yufaqqihu fī al-dīn wa yulhimuhu rushdah

yaʿnī "Barang siapa dikehendaki Allāh Taʿālā dengan dia kebajikan diberi paham ia pada ugama dan diberi ilham ia dengan cerdik".

---

1 Al-Mujādalah: 11.

Adapun kelebihan 'ilmu kepada 'aqal mereka /(4) iaitu amat nyata dengan dalīl yang mudah dan dengan pendapatan 'aqal yang singkat pun boleh juga sampai, kerana binatang dengan manusia pada kejadian setengah daripadanya bersamaan juga dengan manusia: seperti, berdaging; dan berdarah; dan bertulang; dan mendengar; dan melihat; dan bershahwāt; makan minum tidur jima' semuanya ada kepada binatang, terkadang lebih lagi ia daripada manusia seperti kuat gagah perkasanya seperti gajah dan harimau dan yang lainnya daripada binatang yang gagah-gagah, hanyalah yang tiada kepadanya 'ilmu dan 'aqal yang seperti manusia, maka jadilah kemudahan atas manusia menangkapnya dan memerintahnya. Inilah yang zahīr kelebihan 'ilmu dengan tiada berfīkir amat pada mendapat akan dia. Dan lagi kelebihan yang zahīr pula jika kita tilik kepada manusia, maka aṣalnya itu bersamaan semuanya Nabī Ādām semuanya.

Maka di dalam ḥāl itu di dalam dunyā ini berlebih-lebihan setengah atas setengah seperti segala *Anbiyā'*, *Awliyā'* dan *'Ulamā'*, maka iaitu lebih daripada segala orang yang 'am iaitu tiada sebab lain melainkan sebab 'ilmu yang dikurniakan Allāh Ta'ālā kepadanya. Maka dilakukan Allāh Ta'ālā 'ādat ḥāl mereka itu memerintahkan segala hamba Allāh yang 'am tiada hirau mereka itu akan Raja-raja dan orang kaya-kaya dan orang yang gagah berani, maka barang siapa daripada Raja atau orang kaya-kaya dan orang yang gagah berani mengṛintangi dan melawan dan takbur atas segala *Anbiyā'* dan *Awliyā'* dan *'Ulamā' al-'Āmilīn,* maka datanglah murka Allāh Ta'ālā atas mereka itu – ada kalanya dengan tunai atau dengan bertangguh, seperti kebanyakan ḥikāyat-ḥikāyat yang dahulu-dahulu beberapa qawm yang dibinasakan Allāh Ta'ālā sebab tiada mengikut serta menyeterui /(5) akan *Anbiyā'* dan *Awliyā'* dan *'Ulamā' al-'Āmilīn* dengan beberapa kebinasaan: Ada yang ditenggelamkan dengan air seperti qawm Nabī Allāh Nūḥ; dan seperti qawm Nabī Mūsā; dan lagi dibinasakan Allāh Ta'ālā dengan diangkat negerinya, dijatuhkan ke bumi hancur luluh iaitu seperti qawm Lūṭ; beberapa lagi qawm-qawm yang dibinasakan Allāh Ta'ālā dengan bermacam-macam 'adhāb sebab mereka itu menyeterui Allāh Ta'ālā dan rasul-Nya dengan *Anbiyā'* dan *Awliyā'* dan *'Ulamā' al-'Āmilīn,* kerana *Awliyā'* dan *'Ulamā' al-'Āmilīn* itu mewaris *Anbiyā'* – ya'nī menjalani akan jalan *Anbiyā'*, dan yang menyeterui akan mereka itu seperti menyeterui

Anbiyā' jua. Maka jikalau kita hendak kenyataan ḥāl yang tersebut itu, maka hendaklah kita menilik kepada segala qiṣah mereka itu inilah yang di dalam dunyā dan adapun yang di dalam akhirat.

Beberapa lagi pula yang dijanjikan Allāh Taʿālā seksa dan ʿadhāb akan orang yang menyeterui Allāh Taʿālā dan Rasūl-Nya itu dan menyeterui *Anbiyā'*-nya dan *Awliyā'*-nya seperti yang tersebut di dalam *Qur'ān* beberapa ayat dan beberapa *Ḥadīth* dan beberapa athār daripada Salaf *raḍiya'Llāhu ʿanhum ajmaʿīn.* Shahdān maka nyatalah dilebihkan Allāh Taʿālā akan ahli ʿilmu iaitu dengan ʿaqal dan naqli. *Intahā.*

Adapun kebinasaan jāhil iaitu amat banyak. Setengah daripadanya tiada mengenal Allāh Taʿālā dan Rasūl-Nya, dan tiada mengenal ʿālam ini *qadīm*-kah atau *muḥdath*-kah; atau diperbuatkah atau dengan sendirinyakah, seperti kebanyakan iʿtiqād orang kāfir yang menyembah berhala, dan ada yang bertuhankan bulan dan matahari ada yang menyembah kayu batu dan lainnya, seperti mendustakan Nabī-nabī dan inkarkan Kitāb-kitāb yang dari langit seperti *Suḥuf* dan /(6) *Tawrat* dan *Injīl* dan *Zabūr* dan *Qur'ān*, dan setengah daripada mereka itu inkarkan hari qiyāmat dan inkarkan bangkit daripada qubūr, dan inkarkan daripada padang Mahshar, dan inkarkan balasan ʿamal yang jahat dan ʿamal yang baik di dalam akhirat, dan inkarkan syurga dan neraka, dan barang yang bergantung dengan dia. Maka segala tersebut itu daripada sebab jāhil serta tiada mendapat ʿilmu daripada segala kitāb-kitāb yang tersebut itu; atau tiada selidik akan segala dalīl dan burhān yang tersebut di dalam segala kitāb Allāh itu sebab kerana bodohnya dan jāhilnya, dan setengah daripadanya kebinasaan jāhil tiada mengetahui ḥukūm ʿaqal dan ḥukūm ʿādat dan ḥukūm sharaʿ. Ada setengah daripada mereka itu mengiʿtiqādkan akan segala *Asbāb al-ʿĀdiyah* ini memberi bekas dengan quwwātnya dan ṭabiʿatnya dan *mulāzamah* setengah atas setengahnya dan lainnya daripada segala iʿtiqād yang baṭil, dan setengahnya daripadanya dengan sebab jāhil itu tiada mengetahui ḥāl ḥarām dan ṣaḥ dan baṭil farḍu dan sunnah dan tiada mengetahui segala maʿṣiyat yang bāṭīn, yaʿnī yang di dalam hati seperti takbur dan dengki dan khiyānat dan lainnya daripada segala maʿṣiyat yang di dalam hati dan yang pada anggota. Maka inilah bahayanya jāhil di dalam dunyā didapatinya celaka dan di dalam akhirat didapatinya ʿadhāb *naʿūdhu biʾLlāhi minhā*, dan tiada

boleh lepas daripada segala yang tersebut itu melainkan dengan menuntut 'ilmu serta di'amalkan adāb, *khuṣūṣan* pula segala Raja-raja dan Orang-orang Besar jika tiada dengan 'ilmu dengan apa hendak me[ng]hukumkan segala manusia dan bagaimana boleh mengetahui benar salahnya orang yang berda'wā itu. *Intahā.*

/(7) BĀB YANG PERTAMA

Pada menyatakan mendirikan Raja dan menjadikan segala Orang-orang Besar yang memegang akan jabatannya kerajaan dan menyatakan pula jalan yang diharuskan pada shara' dan pada 'ādat menurunkan dia daripada pangkat dan melepaskan dia daripada jabatan maka di dalamnya Empat Faṣal:

Faṣal 1

Pada menyatakan mendirikan Raja. Bermula mendirikan Raja itu pada ugama Islām farḍu kifāyah. Bermula adalah ṣaḥ perdirian Raja itu iaitu dengan tiga sebab:

1. Pertama dengan sebab *bay'ah Ahl al-Ḥal wa al-'Aqd* daripada *'Ulamā'*, ya'nī dengan sebab dilantik kemudian daripada selesai daripada *muwāfaqat* dengan *mushāwarat* beberapa lelaki-lelaki yang 'ādil daripada orang baik-baik dan serta kepala-kepala dan serta daripada *'Ulamā'* yang ḥādir dan yang layak tempat itu dan melafaẓkanlah setengah daripada mereka itu dan yang terlebih *Ūlī 'Ulamā'*, demikian bunyinya:

   "Kami semua *Ahl al-Ḥal wa al-'Aqd,* kemudian daripada *muwāfaqat* dan *mushāwarat* yang telah sudah putus mentawliyahkan fulan menjadi Raja kami di dalam kerajaan negeri ini dengan segala ta'luq daerahnya, dan berlakulah antara kami dengan Raja kami mengikut seperti ayat yang Maha Mulia firmān Allāh Ta'ālā di dalam Qur'an al-'Azīm:

   أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ[2]

   ya'nī "Ṭā'atlah kamu akan Allāh Ta'ālā dan ṭā'atlah kamu akan Rasūl-Nya dan yang mempunyai pekerjaan, ya'nī yang mempunyai ḥukūm daripada kamu."

2. Adanya kedua dengan sebab *istikhlāf,* ya'nī menjadikan satu

[2] Al-Nisā': 59.

Raja akan gantinya /(8) masa hidupnya pada yang patut menjadi Raja, kemudian daripada pekerjaan *mushāwarat* dengan rīḍā segala mereka itu, seperti yang telah diperbuat oleh segala ṣaḥābat Nabī kita *Ṣallā'Llāhu 'alayhi wa Sallam* iaitu Khalīfah al-'Adl, Sayyidinā 'Umar *raḍiya'Llāh 'anhu* pada masa hidupnya *muwāfaqat* dan *mushāwarat* dengan beberapa ṣaḥābat mendirikan gantinya kemudian daripada matinya, iaitu bermushāwarat dengan enam orang ṣaḥābat Rasūlu'Llāh yang besar-besar, iaitu Sayyidinā 'Uthmān ibn 'Affān dan Sayyidinā 'Alī ibn Ṭālib dan Sayyidinā Zubayr dan Sayyidinā 'Abd al-Raḥmān ibn 'Awf dan Sayyidinā Sa'ad ibn Abī Waqqaṣ dan Sayyidinā Ṭalḥah *raḍiya'Llāhu'anhum* maka memilih mereka itu akan Sayyidinā 'Uthmān ibn 'Affān.

3. Adanya ketiga dengan sebab *taghallab* ya'nī dengan kekerasan seorang laki-laki yang mempunyai quwwat mengalahkan satu negeri itu kemudian menjadilah ia Raja dengan dirinya sendiri.

Shahdān inilah segala sebab yang mengesahkan menjadi, Raja adapun segala sharaṭnya *'alā al-jumlah,* bahawa hendaklah Raja itu Islām yang teguh [me]megang ugama Islām; dan laki-laki yang mukallaf; dan merdeheka, lagi 'ādil, lagi yang mempunyai ijtihād yang elok; dan mempunyai bicara yang baik; dan pendengaran yang baik; dan penglihatan yang baik; dan mempunyai berani yang tetap; dan yang rajin tiada jemu dan malas daripada mendirikan kerajaannya, lagi pantas segera berbangkit pada tiap-tiap pekerjaan yang jadi kebajikan – maka inilah setengah sharaṭ Raja atas yang dihimpunkan.

Faṣal 2

Pada menyatakan ma'nā Raja dan ma'nā Menteri dan ma'nā *Qāḍī* dan barang /(9) yang bergantung dengan mereka itu, dan menyatakan pula kayfiyyat menjatuhkan jabatan kepada setengah mereka itu dan dengan segala sharaṭnya dan adābnya, dan menyatakan pula pengikut mereka itu.

Bermula ma'nā Raja itu, jika dekat Raja itu dengan ma'nā *Khalīfah*, iaitu khalīfah Rasūlu'Llāh *Ṣallā'Llāhu 'alayhi wa Sallam* pada mendirikan Islām dan me[ng]ḥukūmkan akan segala hamba Allāh dengan ḥukūman *Qur'ān* dan *Ḥadīth* dan *Ijmā'*. Jika dekat Raja itu

Raja akan gantinya /(8) masa hidupnya pada yang patut menjadi Raja, kemudian daripada pekerjaan *mushāwarat* dengan rīḍā segala mereka itu, seperti yang telah diperbuat oleh segala ṣaḥābat Nabī kita *Ṣallā'Llāhu 'alayhi wa Sallam* iaitu Khalīfah al-'Adl, Sayyidinā 'Umar *raḍiya'Llāh 'anhu* pada masa hidupnya *muwāfaqat* dan *mushāwarat* dengan beberapa ṣaḥābat mendirikan gantinya kemudian daripada matinya, iaitu bermushāwarat dengan enam orang ṣaḥābat Rasūlu'Llāh yang besar-besar, iaitu Sayyidinā 'Uthmān ibn 'Affān dan Sayyidinā 'Alī ibn Ṭālib dan Sayyidinā Zubayr dan Sayyidinā 'Abd al-Raḥmān ibn 'Awf dan Sayyidinā Sa'ad ibn Abī Waqqaṣ dan Sayyidinā Ṭalḥah *raḍiya'Llāhu'anhum* maka memilih mereka itu akan Sayyidinā 'Uthmān ibn 'Affān.

3. Adanya ketiga dengan sebab *taghallab* ya'nī dengan kekerasan seorang laki-laki yang mempunyai quwwat mengalahkan satu negeri itu kemudian menjadilah ia Raja dengan dirinya sendiri.

Shahdān inilah segala sebab yang mengesahkan menjadi, Raja adapun segala sharaṭnya *'alā al-jumlah*, bahawa hendaklah Raja itu Islām yang teguh [me]megang ugama Islām; dan laki-laki yang mukallaf; dan merdeheka, lagi 'ādil, lagi yang mempunyai ijtihād yang elok; dan mempunyai bicara yang baik; dan pendengaran yang baik; dan penglihatan yang baik; dan mempunyai berani yang tetap; dan yang rajin tiada jemu dan malas daripada mendirikan kerajaannya, lagi pantas segera berbangkit pada tiap-tiap pekerjaan yang jadi kebajikan – maka inilah setengah sharaṭ Raja atas yang dihimpunkan.

Faṣal 2

Pada menyatakan ma'nā Raja dan ma'nā Menteri dan ma'nā *Qāḍī* dan barang /(9) yang bergantung dengan mereka itu, dan menyatakan pula kayfiyyat menjatuhkan jabatan kepada setengah mereka itu dan dengan segala sharaṭnya dan adābnya, dan menyatakan pula pengikut mereka itu.

Bermula ma'nā Raja itu, jika dekat Raja itu dengan ma'nā *Khalīfah*, iaitu khalīfah Rasūlu'Llāh *Ṣallā'Llāhu 'alayhi wa Sallam* pada mendirikan Islām dan me[ng]ḥukūmkan akan segala hamba Allāh dengan ḥukūman *Qur'ān* dan *Ḥadīth* dan *Ijmā'*. Jika dekat Raja itu

dengan maʿnā *Sulṭān*, maka iaitu mengeraskan ḥukūman atas segala raʿyatnya pada segala ḥukūman yang ʿādil yang datang daripada Allāh dan Rasūl-Nya. Dan jika dekat Raja itu dengan maʿnā *Imām*, maka iaitu ikutan segala raʿyatnya pada segala ḥukūman dan perintahnya yang tiada membawa kepada kufur dan maʿṣiyat. Maʿnā *Imām* itu di hadapan yang diikut perintahnya, sebab itulah Banī Isrā'īl kemudian daripada Nabī Allāh Mūsā *ʿalayhi al-salām* minta' mereka itu akan mendirikan seseorang Raja yang jadi ikutan mereka itu pada berperang dengan jalan Allāh Taʿālā seperti yang tersebut di dalam *Qur'ān al-ʿAzīm*,

إِذْ قَالُوا لِنَبِيٍّ لَّهُمُ ابْعَثْ لَنَا مَلِكًا نُّقَاتِلْ فِي سَبِيلِ اللهِ (الاية)[3]

> yaʿnī "Pada ketika telah berkata mereka itu bagi Nabī mereka itu bangkitkan olehmu bagi kami akan seorang Raja jadi kepala serta kami pada pekerjaan perang dengan jalan Allāh hingga akhir ayat" yang mentamamkan qiṣahnya.

Bermula yang dikehendaki Nabī pada ayat ini iaitu Nabī Ishmūwīl(?) dan yang dikehendaki Raja pada ayat ini Raja Tālut.

Shahdān, inilah yang ku dapat setengah daripada *maʿnā Raja* pada *ishārat* setengah daripada kitāb-kitāb yang *mutaqaddimīn* dan yang *muta'khirīn* dan belum aku dapat maʿnā Raja itu dengan /(10) berbuat sebarang kehendak sepertiku dapat iṣṭilāḥ setengah negeri mentashbihkan yaʿnī me[ng]umpamakan Raja mereka itu dengan maʿnā berbuat barang sekehendaknya, terkadang tergelincir lidah mereka itu dengan diumpamakannya dengan Allāh *Subḥanahu wa Taʿālā*, dengan kata mereka itu Raja itu *"faʿāl limā yurīd"* atau *"faʿāl limā yashā'"* yaʿnī berbuat barang sesungguhnya maka *tashbih* ini tiada shak kepada ḥarāmnya, baik tak baik membawa kepada kufur *naʿūdhu bi'Llāhi minha.*

Shahdān apabila didapati jalan dan *maʿnā* dan *ishārat* yang tersebut itu atas suatu orang yang telah menjadi Raja, maka farḍulah atas segala raʿyat tenteranya ṭāʿat akan dia, yaʿnī menjunjung titah perintahnya dan ḥāramlah atas segala raʿyat melalui titah perintahnya yang tiada membawa kepada kufur dan maʿṣiyat, dan jika melalui perintah rajanya serta tiada didengarnya perintah rajanya itu, maka

---

3 Al-Baqarah: 246.

jadilah ia orang yang derhaka dan jika ra'yat-ra'yatnya itu berkumpul kepada satu tempat dengan mengukuhkan tempatnya pada melawan Rajanya, maka iaitu dinamakan ia orang *bughāt,* ya'nī orang derhaka dan berlakulah ḥukūm *bughāt* atas mereka itu seperti yang tersebut di dalam kitāb fiqh dengan harus memerangi mereka itu dengan sharaṭnya. *Intahā.*

Bermula adalah mentawliyahkan ya'nī melantik atau menggelar *Wazīr,* ya'nī Menteri, dan lainnya daripada segala Orang Besar-besar yang memegang jabatan kerajaan iaitu jadi cawang daripada pekerjaan Raja yang tersebut itu setengah daripadanya farḍu kifāyah.

Faṣal 3

Bermula menjadikan *Wazīr-wazīr* atau Kepala-kepala Negeri maka sayugianya hendaklah /(11) dipilih akan orang yang ahli memegang jabatan iaitu Islām; dan mukallaf; dan laki-laki; dan merdehaka yang mempunyai ijtihād; dan tadbir yang baik yang amānah; dan benar lidahnya; dan yang mempunyai marwah; dan beradāb; dan bersopan; dan ber'ilmu dengan 'ilmu yang muḥtāj kepadanya, ber'amal dengan 'amal yang baik tiada suka ber'amal dengan 'amal yang keji-keji seperti seperti yang lagi akan datang di dalam Bāb yang Kedua di dalam kitāb ini, pada faṣal yang dipilih orang yang akan jadi *Ahl al-Maḥkamah* adanya.

Adapun ma'nā *Wazīr,* ya'nī Menteri, maka iaitu dima'nākan pada lughah menolong dan menanggung pekerjaan yang berat mengquwwatkan dan mengaturkan pada pekerjaan kerajaan, seperti kata Nabī Allāh Mūsā berdatang sembah kepada Allāh Ta'ālā tatkala ia dititahkan Allāh Ta'ālā kepada Fira'ūn demikian katanya:

وَاجْعَل لِّي وَزِيراً مِّنْ أَهْلِي ﴿٢٩﴾ [4]

ya'nī "Jadikan bagiku seorang *wazīr* ya'nī menteri yang menolong daripada ahliku, iaitu Hārūn saudaraku."

اشْدُدْ بِهِ أَزْرِي ﴿٣١﴾ وَأَشْرِكْهُ فِي أَمْرِي ﴿٣٢﴾ [5]

[4] Ṭāhā: 29.
[5] Ṭāhā: 31-32

> ya'nī "Mengquwwatkan belakangku dan mengetuai pekerjaanku."

Shahdān jika demikian, nyatalah tidak dapat tiada atas Raja bermenteri, kerana pekerjaan pikulan seorang diangkat berdua, maka jadilah terlebih ringan, kerana dinisbahkan pekerjaan kerajaan itu dengan pikulan yang berat. *Intahā.*

Bermula sayugianya bagi Raja melafaẓkan mentawliyahkan Menteri, ya'nī memberi nama akan menteri dengan kata:

> "Telah kujadikan si fulan *Wazīr*, ya'nī Menteri, menyengutui (sekutu) kami dan menolong kami pada pekerjaan kerajaan. Telah kami idhinkan akan dia dengan idhin yang muṭlaq melakukan pemerintahnya kerajaan yang di bawah takhta kerajaan kami khāṣnya dan 'amnya telah kami serahkan kepadanya." /(12) *Intahā.*

Apabila selesai, maka hendaklah membaca du'ā-du'ā mana-mana yang munasabah dan hendaklah melafaẓkan pula menteri akan qabūlnya, demikian bunyinya:

> "Telah qabūllah aku menerima tawliyah Rajaku dengan cuci hatiku, *inshā' Allāh Ta'ālā*, bersungguh-sungguhlah aku mengerjakan Rajaku dengan cuci hatiku." *Intahā.*

Adapun ma'nā *Qāḍī* pada lughah, meluluskan ḥukūm pada shara', menceraikan segala ḥukūm antara dua orang yang berbantah diḥukūmkan dengan ḥukūm Allāh Ta'ālā. Maka iaitu farḍu kifāyah kerana firmān Allāh Ta'ālā di dalam *Qur'ān*:

وَأَنِ احْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ[6]

> Ya'nī "dan bahawa hendaklah engkau ḥukūmkan antara mereka itu dengan ḥukūm barang yang diturunkan Allāh Ta'ālā".

Bermula adalah sharaṭ *Qāḍī* itu bahawa adalah ia Islām, dan baligh, dan ber'aqal; dan merdeheka; dan laki-laki; dan 'ādil; dan

---

6 Al-Mā'idah: 49.

mengetahui segala ḥukūm Kitāb dan Sunnah Ḥadīth dan Ijmā' segala *'Ulamā'* dan mengetahui segala ikhtilāf dan jalan Ijtihād, ya'nī mengenal kayfiyyat mengambil dalīl daripada segala ḥukūm Allāh Ta'ālā dan Rasūl-Nya; dan mengenal pula daripada pihak bahasa 'Arab daripada lughah, naḥw dan ṣaraf; dan mengetahui pula ia akan tafsīr *Kitāb Allāh Ta'ālā*; dan bahawa hendaklah ia mendengar, dan melihat, dan bahawa hendaklah ia pandai menyurat pada qawl yang *marjūḥ* dan qawl yang *aṣaḥ* menyalahi akan dia dan bahawa hendaklah ia jaga dan ingat, dan tiada ṣaḥ daripada orang yang lalai. *Intahā.*

Adapun mentawliyahkan *Qāḍī* maka mendapat Raja itu melafazkan dengan lidah:

> "Telah kami jadikan engkau *Qāḍī* yang muṭlaq yang mengḥukūmkan segala manusia yang di bawah takhta kerajaan kami dengan idhin yang muṭlaq yang khāṣnya dan 'amnya."
>
> Hendaklah *Qāḍī* /(13) itu melafazkan qabūl dengan katanya:
>
> "Diperhamba terimalah titah perintah Rajaku pada menjadikan aku *Qāḍī* yang muṭlaq pada meḥukumkan manusia yang di bawah takhta kerajaan Rajaku".

Maka ṣaḥlah tawliyahnya dan luluslah ḥukūmnya dan qiyāskanlah pada pekerjaan mentawliyahkan yang lainnya sama ada yang mentawliyahkannya itu daripada pihak *Wazīr* atau daripada pihak *Qāḍī al-Quḍāt* demikian jua kayfiyyatnya. *Intahā.*

Furu'

Shahdān adapun di bawah *Wazīr*, ya'nī menteri, yang muṭlaq itu beberapa pula Menteri yang memegang jabatan yang khāṣ, ya'nī ditentukan sesuatu jabatan maka masing-masing namanya dan masing-masing pangkatnya atas 'uruf dan resam dan 'ādat negeri dan 'ādat bangsa orangnya. Bermula tersebut di dalam kitāb *Durratu'l-Manzūm* adalah tertib peraturan *Wizarā'* dan *Umarā'* dan *Ḥukkām* dan *Quḍāt* itu berpangkat-pangkat mereka itu.

Adapun *Wazīr al-A'ẓam* satu pangkat dengan *Muftī al-Islām*, ya'nī *Shaykh al-Islām*, ya'nī Peng[h]ulu orang Islām pada

ugama pada tempat itu, iaitu *'Ulamā'* yang besar memfatwakan segala shara' al-Islām pada segala manusia pada tempat itu.

Adapun *Amīr* iaitu di bawah pangkat *Wazīr*, maka iaitu satu pangkat dengan *Qāḍī al-Quḍāt*.

Adapun *Ḥākim* di bawah pangkat *Amīr* maka iaitu satu pangkat dengan *Qāḍī* yang khāṣ atau segala *Nā'ib al-Qāḍī*.

Adapun *Kātib*, ya'nī Jurutulis, jika daripada pihak *Qāḍī*, di bawah *Qāḍī*, dan jika daripada pihak *Ḥākim* di bawah *Ḥākim*, demikian tertibnya.

Adapun daripada tentera yang daripada pihak Amīr dan yang daripada pihak *Qāḍī al-Quḍāt* demikianlah tertibnya yang tersebut di dalam kitāb *Durratu'l-Manẓūm* itu.

Shahdān nyatalah /(14) peraturan segala menteri seperti yang tersebut di dalam kitāb itu berbahagi dua pihak; satu bahagi daripada *maṣāliḥ al-dunyā*, satu bahagi daripada *maṣāliḥ al-dīn*.

Adapun *maṣāliḥ al-dunyā* daripada *Wazīr* dan *maṣāliḥ al-dīn* daripada pihak *Muftī al-Islām*. Bermula harus pula bagi *Wazīr* itu menentukan beberapa orang memegang jabatan masing-masing dengan jabatannya yang khāṣ, seperti seorang memegang jabatan *Muhandisah*[7], ya'nī seorang tukang yang bijaksana yang pandai mematut aturan negeri seperti mengaturkan jalan dan lorongan mematutkan tempat memperbuat kawat dan benteng, dan mengukuhkan negeri rajanya, dan memeriksa segala tempat-tempat yang ada binasa, maka iaitu hendaklah dibaikkan dan diramaikan. Shahdān pegawai ini tiadalah ia tetap pada satu tempat, adalah ia berkeliling tempat di dalam satu tahun, sekalikah atau barang berapa kali yang menyempurnakan ḥajāt pada yang demikian itu.

Bermula harus pula bagi *Ḥākim* itu menjadikan *Nā'ib* yang memegang jabatan ḍābit segala pokok-pokok kayu dan segala bumi yang diperladangkan, dan mengetahui segala benih-benih dan tanam-tanaman suburnya dan tidak suburnya, dan carikan ikhtiyār supaya gemuk tanam-tanaman itu, kerana tanam-tanaman itu menjadi quwwat segala ra'yat di dalam kerajaan Rajanya dan harus pula menjadikan *Nā'ib* seorang lagi yang memegang jabatan *Ḥawādith al-Dahr*, ya'nī membaharui masa seperti bilangan segala ra'yat dan

---

7 Ar kejuruteraan

matinya dan beranaknya dan keluarnya daripada negeri dan masuk dan sebab keluar masuk hendaklah diperiksanya dengan jalan siyāsat bersungguh-sungguh adanya.

Bermula harus pula *Qāḍī al-Quḍāt* itu menentukan *Qāḍī* yang khāṣ pada memegang /(15)jabatan iaitu seorang memegang bicara mu'āmalāt dan seorang memegang bicara jināyāt. *Intahā.*

Shahdān ditentukan tiap-tiap seorang daripada mereka itu maḥkamahnya dan Jurutulisnya dan tenteranya dan hendaklah diberi 'alāmat tentera segala Orang-orang Besar yang tersebut dengan pakaian yang membezakan setengah atas setengahnya. *Intahā.*

Faṣal 4

Pada menyatakan pekerjaan menurunkan mereka itu hendaklah pula kita ketahui akan jalan lulusnya dan tiada lulusnya.

Bermula adalah pekerjaan menurunkan, ya'nī memecat dan meninggalkan jabatan segala mereka yang tersebut itu iaitu terbahagi atas empat bahagi:

1. Pertama, menurunkan Raja daripada pihak kerajaan;
2. Kedua, menurunkan dan meninggalkan jabatan *Qāḍī* daripada jabatannya,
3. Ketiga, meninggalkan *Wazīr-wazīr* daripada jabatannya,
4. Keempat, melepaskan pekerjaan hamba-hamba Raja dan tenteranya daripada pekerjaannya.

Sebermula adapun *Imām al-Aẓīm*, ya'nī Sulṭān, tiada boleh diturunkan daripada kerajaannya jika hilang ṣifat 'ādilnya sekalipun, inilah yang tersebut di dalam matan kitāb *Jawharat al-Tawḥīd* dengan katanya,

فليس يعزل ان يزول وصفه

Falaysa yu'zal in yazūl wasfuhu

ya'nī "tiada boleh diturunkan Raja itu daripada kerajaannya jika hilang ṣifat *'adalat*-nya sekalipun".

Kemudian maka me[ng]-*istithnā*[8]-kan pula dengan katanya,

---

8 mengecualikan

الا بكفر فانبذن عهده

Illā bi-kufrin fa'nbidhanna ʿahdahu

ya'nī "melainkan jika ia kufur berpaling daripada ugama Islām"

sama ada pada perkataan atau pada kelakuan atau me[ng]halalkan yang ḥarām dan *ʿakas* (sebalik)nya yang membawa kepada kufur, maka iaitu kita lepaskanlah janjinya, ya'nī tiadalah harus kita berajakan dia, akan tetapi tersebut pula di dalam sharaḥ *Jawharat al-Tawḥīd,* iaitu *Itḥāf al-Murīd,* serta sḥaraḥnya /(16) beberapa *ṭā'ifah* seperti Shāfi'ī, sekira-kira mengata mereka itu tiada boleh diturunkan Raja itu daripada kerajaan dengan sebab jahat dan *fāsiq*, akan tetapi harus diganti dengan yang lainnya. Jika tiada hasil dengan demikian itu fitnah dan harus pula turun daripada kerajaannya lemah ia daripada *maṣāliḥ al-Muslimīn,* ya'nī lemah ia daripada membaiki orang yang muslimīn yang di bawah ta'luq kerajaannya. Dan harus pula turun daripada kerajaannya dengan sebab tertawan oleh musuhnya yang tiada diharap akan lepasnya. Dan demikian lagi harus turun daripada kerajaannya jika ia gila yang *muṭābaqah* atau buta dan tuli dan bisu dan apabila diperolehnya segala ṣifat yang tersebut itu haruslah ia minta ganti kepada siapa-siapa yang patut akan gantinya. Inilah ḥukūm yang tersebut di dalam kitāb sharaḥ *Itḥāf al-Murīd. Intaḥā.*

Bahagian 1

Menurunkan *Qāḍī*, ya'nī *Qāḍī* yang Besar yang ditawliahkan oleh Sulṭān, ya'nī *Qāḍī al-Muṭlaq*. Bermula adalah pekerjaan menurunkan *Qāḍī* ditinggalkan daripada jabatannya itu iaitu dengan sebab hilang daripadanya *Ahl al-Qaḍā'* seperti gila dan pitam dan lalai dan tuli dan pelupa yang menghilangkan khabīt dan cerdik dan fikir jadi tiada berkentuan ḥukūm dengan sebab tuanya atau sebab sakitnya, dan jikalau kembali semula ṣifatnya ahli bagi *Qāḍī* tiada lulus ḥukumnya seperti wakil-wakil dan lainnya daripada segala 'aqad dan harus baginya menurunkan dirinya seperti wakil jua ḥukūmnya, dan harus bagi Raja menurunkan dia dengan sebab cacat yang ẓāhir daripadanya dan memadai dengan *ghālib ẓann* akan /(17) tetapi tempat harus menurunkan itu dengan sharaṭ diperoleh orang yang

lainnya yang patuh jadi *Qāḍī* atau ada yang lebih 'ilmunya daripadanya atau dengan maṣlaḥat yang mendiamkan fitnah. Dan jika tiada seperti sharaṭ yang tersebut itu, ḥarāmlah menurunkan dia daripada jabatan, jika diperoleh orang yang ṣāliḥ yang *Ahl al-Qaḍā'* sekalipun. Adapun *Khalīfah*-nya dan *Nā'ib*-nya haruslah *Qāḍī* yang besar menurunkan dia dengan tiada suatu sebab.

Shahdān inilah yang dinaqalkan mafhumnya sedikit perkataan Shaykh al-Islām Zakariyyā Yaḥya al-Anṣārī di dalam kitābnya yang bernama *Fatḥ al-Wahhāb.* Adapun yang didapati di dalam kalām *Fatḥ al-Mu'īn,* harus Raja itu menurunkan *Qāḍī* daripada jabatannya dengan sebab banyak adu-aduan orang dalamnya dengan ṣaḥ serta bayyinah, tiada memadai dengan sumpah. Adapun itu dan demikian lagi harus diturunkan *Qāḍī* daripada jabatannya dengan sebab fāsiq.

Bermula tiada turun jabatannya sebelum lagi sampai khabar turunnya dan apabila turun *Qāḍī*, turun pulalah *Nā'ib*-nya, akan tetapi jika *Nā'ib*-nya itu daripada Raja datangnya, tiadalah ia turunnya dengan sebab turun *Qāḍī* itu. Dan demikian lagi tiada turun *Qāḍī* atau pe[ng]hulu-pe[ng]hulu atas suatu negeri dan dusun dengan sebab mati atau dengan sebab lainnya. *Intahā.*

Bahagian 2

Pada menurunkan *Wazīr-wazīr*, ya'nī Menteri-menteri dan Orang-orang Besar yang memegang akan jabatan kerajaan.

Bermula patut diturunkan mereka itu daripada pangkatnya dan ditinggal daripada jabatannya dengan beberapa sebab, setengah daripadanya dengan sebab yang telah lalu daripada sebab harus diturunkan Raja dan *Qāḍī* yang telah tersebut pada bahagian /(18) yang pertama dan yang kedua itu, setengah daripadanya dengan sebab mungkir setia dengan rajanya, pada setia yang diluluskan shara'. Dan setengah daripadanya sebab khiyānat kepada Rajanya, dan kepada isi istana Rajanya dan pada harta benda Rajanya sekira-kira jadi binasa kepada ugama dan kepada nama. Dan setengah daripadanya ẓālim kepada isi negeri sama ada kepada ḥaqq atau kepada milik atau pada kehidupan orang dengan sebab takburnya atau dengan ṭama'nya atau dengan hawā nafsūnya. Setengah daripadanya menjual nama Rajanya pada tempat yang

bukan patut serta dapat dengan jalan yang lain daripada menjual nama Rajanya, maka keluar dengan ḥāl ini idhin Raja dengan idhin muṭlaq pada menyuruhkan ia pada suatu pekerjaan yang jadi kebajikan kepada ugama, atau kepada kerajaan yang dibilangkan indah dan patut kepada orang yang mempunyai mata hati, yaʿnī orang yang berʿaqal. Dan setengah daripadanya memperlakukan dirinya seperti kelakuan Rajanya, barang yang khāṣ kepada rajanya barang yang sudah termuwāfaqat atau terʿādat suatu pekerjaan yang tertentu Raja seorang yang boleh, sama ada pada perbahasaan, atau pakaian, atau adāb ḥāl keadaan dengan tiada rīḍā Rajanya dan tiada idhin daripadanya. Dan setengah daripadanya gugur marwah dan hilang malunya kepada mata orang yang *taʿfif,* yaʿnī orang yang memeliharakan ugama dan nama sekira-kira tersamar pekerjaannya dengan pekerjaan orang yang bangsat-bangsat dengan disehajanya[9] dan dengan keras hawā nafsūnya. Dan setengah daripadanya belot pekerjaannya kepada musuh Rajanya sama ada dengan kelakuan atau dengan muṣliḥat di dalamnya, sama di dalam ḥāl peperangan, atau di luar peperangan, sekira-kira dengan perbuatan menteri itu jadi sampai setengah daripada maqṣūd musuh Rajanya itu, sama /(19) ada binasa negeri Rajanya atau mengurangkan sesuatu kemuliaan Rajanya atau hasil Rajanya ini pekerjaan dinamai belot, dan setengah daripada bongkak, dan sūʾal adāb kepada Rajanya sama ada pada perkataan kelakuan pada tempat yang dibilangkan beradāb dan bersopan. Dan setengah daripadanya membukakan rahsia Rajanya yang disimpankan oleh Rajanya kepadanya, dan setengah daripada mencuri kerajaan dan kemuliaan Rajanya, iaitu dengan nyata ʿalāmat, seperti ia memburui dan mengambil hati segala raʿyat tenteranya di dalam kerajaan Rajanya, maqṣūd itu supaya segala raʿyat tentera meninggalkan ṭāʿat dan berhadap hati kepada Rajanya, dan berpaling taat dan berhadap hati kepadanya, kemudian Raja itu akhirnya tiada dapat kuasa dan tiada dapat quwwat dan tiada dapat mengerasi atasnya. Jika sekira-kira ia inkar akan amar dan nahī Raja itu, nescaya tiada kuasa Raja itu mengerasi atasnya sebab Raja sudah keseorangan, maka inilah sejahat-jahat niyyat pada *manzilah* pekerjaan *muluk.* Akan tetapi, jikalau ia memburui meng[h]ambat hati segala raʿyat tentera dengan *qaṣd wa al-murad,* yaʿnī dengan niat kehendak biar mereka itu ṭāʿat dan

[9] sengaja

berhadap hati kepada Rajanya, maka iaitu niyyat yang baik akan tetapi ada berdiri di sini tiga 'alāmat, ya'nī tiga pertandaan:

1. Pertama, apa dijalankannya segala maṣlaḥat kepada mereka itu dengan nama dan budi 'aqal Raja;
2. Kedua, apa-apa yang diperolehannya daripada mereka itu daripada *khurujat* atau kemuliaan, maka diperma'lumkannya kepada Rajanya, tiada tersembunyi rahsianya dengan mereka itu kepada Rajanya,
3. Ketiga, jika ada seorang taulannya yang mengerjakan /(20) seperti pekerjaan tiadalah menaruh dengki dan ḥasad adalah pada hatinya seperti orang yang membantu atasnya pada pikulan yang berat adanya.

Bahagian 3

Iaitu menurunkan biduanda Raja dan juak-juak dan khadām-khadām Raja yang diberi suatu jabatan yang kecil-kecil, seperti jadi teguh dan suruh suruhan ke pasar; dan yang menjagai api dan pelita Raja; dan yang memeliharakan hidupan-hidupan Raja dan yang menjagai balai dan istana Raja; dan barang sebagainya daripada pekerjaan yang dinamai khidmat. Maka adalah ia ditinggalkan daripada jabatannya dengan sebab tiada disampaikan sharaṭ khidmat dengan malasnya atau dengan khiyānatnya atau dengan lalainya, maka atas ijtihād Raja, sama dengan dita'zirkah atau dengan ditinggalkan daripada jabatannya supaya jangan mereka itu biasa mereka itu meringan-ringankan pekerjaan Raja serta jadi binasa harta Raja dengan jalan yang tiada patuh dan tiada tentu. *Intahā.*

BĀB YANG KEDUA

Pada menyatakan tertib kerajaan dan aturan maḥkamah pada meshūwaratnya dan ḥukūmannya maka iaitu beberapa Faṣal bermula adalah:

Faṣal 1

Pada menyatakan ma'nā maḥkamah itu, iaitu tempat mendirikan ḥukūm atas segala hamba Allāh Ta'ālā, maka di dalamnya beberapa orang besar yang memegang jabatan yang berlain-lain masing-masing dan pekerjaan adalah kepala mereka itu iaitu *Qāḍī*; /(21) di bawah *Qāḍī* itu *Nā'ib al-Qāḍī*; dan Kātib, ya'nī jurutulis dua orang, dengan sharaṭ bahawa ada ia 'ādil lagi laki-laki yang merdeka yang tahu akan segala sharaṭ perjabatan; dan dua orang pula Tarjumān ya'nī jurubahasa daripada jenis orang yang patut akan jadi saksi; dan dua orang lagi pula Muzakkī namanya ya'nī orang yang memeriksa 'adalah segala saksi; dan seorang pula Durrah namanya ya'nī orang yang memegang jabatan memukul dan memenjara orang yang salah, maka jumlah mereka itu sembilan orang, jadi sepuluh orang dengan *'Ulamā'*, jika diḥādirkan, maka cukuplah segala pegawai maḥkamah sekurang-kurangnya. Adapun yang lain daripada ini yang berkhidmat kepada mereka itu iaitu sekurang-kurangnya sepuluh orang Jundī ya'nī jumlah 'askar jua adanya.

Faṣal 2

Pada menyatakan adāb *Ahl al-Maḥkamah* di dalam maḥkamah, maka hendaklah *Ahl al-Maḥkamah* tatkala berhimpun di dalam maḥkamah jangan ia 'ujub dan takbur akan dirinya yang ia mendapat pangkat daripada jabatan menteri atau pegawai seperti merīḍākan diri 'ujub yang demikian itu, akan tetapi hendaklah tafakkur dan inṣāf pada memandang orang yang berda'wā itu, kerana adalah maḥkamah itu seolah-seolah satu bahtera di lautan besar dipukul ribut yang amat besar jika tiada baik-baik ahli bahtera itu membicarakannya, hampir tenggelam binasa dirinya di dalam dunyā dan di dalam akhirat, tiada lepas sekali-kali daripada yang tersebut itu melainkan dengan takutkan Allāh Ta'ālā serta 'ādil dan siyāsat dan periksa habis-habis serta ṣabar serta /(22) takut dan quwwat memegang dan mendirikan

tiap-tiap ḥukūman yang sebenarnya, serta berani jangan takut dan segan dicacat dan cela dan dikecilkan hati oleh orang yang berda'wā itu atau orang yang bodoh-bodoh sebab tiada menurutkan hawā nafsūnya. Dan demikian lagi hendaklah *Ahl al-Maḥkamah* itu jangan bersenda-senda dan bergurau-gurau dan tertawa gelak-gelak, atau suatu yang didapati daripada orang yang berda'wā itu menggelikan hati, maka sayugianya janganlah ia memperolok-olokkan yang demikian itu dengan tertawa gelak-gelak, hendaklah ia fikirkan pada waqtu itu seolah-olah padang Maḥshar. Adakah di dalam Maḥshar orang yang suka-suka? *Intahā.*

Shahdān hendaklah *Ahl al-Maḥkamah* itu beradāb bersopan dengan kelakuan yang tetap dan haybat, serta jangan hingar bingar di dalam maḥkamah itu dan memperlahankan suara pada perkataan melainkan kerana ḥājat, dan hendaklah *Ahl al-Maḥkamah* itu berhadap pada masing-masing pekerjaan jangan campur dan peduli pada yang bukan bahagian pekerjaan dirinya. Adapun jurutulis jika belum datang perda'wāan orang hendaklah mencatat pekerjaannya seperti menyūrat dan menyalin segala sijil dan *maḥḍarah* dan *ḥukmiyyah.* Adapun *Qāḍī* dan *Nā'ib* al-*Qāḍī* hendaklah ia memperingatkan segala ḥukūm Allāh Ta'ālā dan jika ia tiada ingat hendaklah muṭala'ah kitāb-kitāb. Adapun Tarjumān dan Muzakkī jika belum datang perda'wāan orang hendaklah mereka itu meṭalaah kitāb-kitāb yang mustaḥaq bagi jabatannya.

Faṣal 3

Pada menyatakan berbicara dan mushawarah *Ahl al-Maḥkamah.* Shahdān bermula pekerjaan /(23) itu iaitu yang disuruhkan Allāh Ta'ālā dan Rasūl-Nya seperti tersebut di dalam *Qur'ān al-'Aẓīm,*

وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ ۖ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾[10]

> Ertinya "Mushawarahlah engkau, ya Muḥammad, serta mereka itu pada segala pekerjaan. Maka apabila engkau mencita-cita ya'nī melakukan pekerjaan kemudian daripada mushawarah maka hendaklah engkau berpegang kepada

[10] Alī 'Imrān: 159.

> Allāh Ta'ālā ya'nī berpegang kepada Allāh akan pekerjaan yang hendak diperbuat itu, jangan berpegang kepada mushawarah. Bahawasanya Allāh Ta'ālā itu kasih akan orang yang berpegang kepadanya".

Dan telah berkata setengah ḥukamā':

> "Barang siapa diberi empat perkara tiada ditegahkan empat perkara: pertama barang siapa diberi shukur tiada ditegahkan bertambahnya; dan barang siapa diberi tawbat tiada ditegahkan qabūlnya; barang siapa diberi istikhārah tiada ditegahkan kebajikan; dan barang siapa diberi mushawarah tiada ditegahkan kebenarannya." *Intahā.*

Dan tersebut di dalam kitāb *Mustaḍrif 'alā al-Jumlah* hendaklah dipilih mushawarah itu waqtūnya dan orangnya. Adapun waqtūnya, jangan waqtu sangat lapar atau sangat kenyang dan jangan sangat hendak berak dan kencing dan mengantuk. Adapun orangnya, jangan mushawarah dengan orang yang jāhil; dan kepada seteru; dan kepada orang yang dengki; dan kepada orang yang riyā'; dan kepada orang yang penakut; dan kepada orang yang bākhil; dan kepada orang yang banyak sekedudukan dengan perempuan; dan orang yang mengikutkan hawā nafsūnya; kerana segala mereka yang tersebut itu barangkali didapati kecederaan pada mushawarah. *Intahā.*

Bermula apabila sudah duduklah *Qāḍī* pada tempat kedudukannya seperti /(24) yang tersebut adābnya dan sunnahnya di dalam segala kitāb fiqh, iaitu duduk pada tempat yang tinggi serta mengadap qiblat, hendaklah diperhamparkan tempat kedudukan *Qāḍī* itu dengan hamparan yang membezakan dengan yang lainnya, dan bersandar kepada bantal seraga dan sunnah memakai serban hitam, dan lainnya segala yang disunnahkan di dalam kitāb fuqahā'.

Maka apabila selesai daripada segala yang tersebut itu, maka hendaklah *Ahl al-Maḥkamah* itu berṣaf-ṣaf duduk pada pihak kanan kiri *Qāḍī* itu masing-masing pada *manzilah* tempat martabatnya dengan kelakuan yang haybat, serta diam dan tetap menantikan apa-apa perkataan yang didengarnya daripada *Qāḍī*. Dan apabila mengeluarkan *Qāḍī* suatu sū'āl atau suatu mushawarah kepada seorang yang dikhaṭabkannya akan pertanyaannya itu, maka tiada harus orang yang lainnya menjawāb atau mencampuri pertanyaannya

itu hingga dikhaṭabkannya pula kepadanya, baharulah harus ia menjawāb dan jangan menjawāb sebelum lagi habis pertanyaannya. Bermula apabila ada sū'al dan mushuwarah itu dituntutnya 'am atas sekalian jamā'ah yang ḥāḍir seperti katanya:

> "Aku tuntut daripada tiap-tiap salah seorang daripada kamu ikhtiyār dan mushawarah pada pekerjaan atau ḥukūman yang baginya—apa jawāb kamu?"

Maka hendaklah menjawāb salah satunya daripada mereka itu atas qadar pengetahuannya, akan tetapi dimulai daripada orang yang kurang pengikutnya, yang sedikit pengetahuannya—fa'īdahnya itu barangkali cukup pengetahuannya itu berbetulan dengan sharī'at dan qānūn yang diterima oleh jamā'ah serta ditentukan oleh *Qāḍī*, nescaya segeralah putusnya. Dinamakan keputusannya itu *Ittifāq Ahl al-Maḥkamah.* Juga memadailah tiada dipindahkan pertanyaan itu /(25) kepada orang yang di atasnya, kerana yang ghālib orang yang tinggi itu, tinggi murād daripada pengetahuan 'ilmu dan 'aqal yang jadi *maṣāliḥ al-dīn* juga pengetahuannya. Dan jikalau tiada dapat kepada pangkat yang di bawah itu, maka dipindahkan pula kepada orang yang di atasnya, hingga bertangga-tanggalah sampai ke atas, demikian juga tertibnya dan harus pula bermushawarah tiap-tiap seorang daripada mereka itu dengan *mastūr*, dengan setengah akan setengahnya, oleh kerana memeliharakan *ḥasad al-maḥsud*, ya'nī berdengki-dengkian yang tinggi himmatnya. Jika tidak *'illah* ini, terlebih baik *muḥāḍarah* dan *mukhāṭabah* antara mereka itu demikian juga.

Faṣal 4

Pada menyatakan jika mushawarah itu *mukhtalifah* pada segala *Ahl al-Maḥkamah*, ya'nī bersalah-salahan mereka itu pada fikiran dan pada ijtihād setengah atas setengahnya, maka iaitu ditilik jika terkena kepada perkara ugama, hendaklah rujū' kepada kitāb Allāh; dan dinamakan perkara sharī'at dan rujū'lah kepada siyāsat al-*'Ulamā'*, mengambil mushawarah kepada *'Ulamā'*, jika tiada memadai kepada pengetahuan *Qāḍī*. Akan tetapi, tersebut di dalam kebanyakan kitāb *al-Fuqahā'*, sunnah juga *Qāḍī* itu mengambil mushawarah kepada *'Ulamā'*, jikalau memadai kepada 'ilmunya sekalipun, kerana adalah segala *'Ulamā'* itu terlebih luas ijtihād yang didapatnya daripada nūr 'ilmu yang tersebut

di dalam kitāb-kitāb yang *mutaqaddimīn* dan *muta'akhirīn*, terkadang terkaya daripada undang dan mushawarah kerana undang-undang yang diperbuat yang lainnya daripada nūr *Qur'ān* dan *Ḥadīth* itu terlalu pendek dan singkat, terkadang banyak perkataan dan sedikit mafhumnya.

Adapun /(26) segala kitāb-kitāb yang dikarang oleh *'Ulamā'* yang *mutaqaddimīn* dan yang *muta'akhirīn* yang diambil daripada nūr *al-Qur'ān* dan *Ḥadīth*, iaitu seperti lautan yang tiada bertepi, dan terkadang adalah satu ḥukūm itu beberapa pecahannya daripada furu'nya, dan qawlnya yang jadi kemudahan dan raḥmah atas segala makhluk meng'amalkannya, seperti satu matan berpuluh jilid sharaḥnya dan satu sharaḥ berpuluh jilid ḥāshiyahnya, tiada meluaskan dia belakang unta dan perut kapal dan rumah, sehingga mas'alah yang mushkīl sekira-kira jika akan datang beberapa mas'alah yang nādir, maka sudahlah sedia memang jawābnya, seperti ḥukūm manusia berkepala dua dan manusia beranakan binatang dan binatang beranakan manusia dan lainnya daripada masalah yang nādir-nādir, maka adalah semuanya itu ḥukūmnya yang sudah disediakan oleh *'Ulamā' mutaqaddimīn* dan *muta'akkhirīn* di dalam beberapa masa yang panjang dan di dalam beberapa periksaan yang susah, ada yang sepuluh tahun ada yang hingga dua tiga puluh tahun dengan beberapa Guru dan beberapa *Ṣaḥābat* orang yang terbilang-bilang yang me[ng]ḥafaẓkan *Qur'ān* dan *Ḥadīth* dan tafsīr dan lainnya daripada 'ilmu alat, hingga dimuatkan seekor unta, tiada terbawa yang tersūrat itu pada ḥāl sekaliannya itu diḥafaẓkannya di dalam perutnya dan kepada hatinya tiada kurang suatu ḥuruf.

Shahdān wani[11] kiranya betapakah boleh melebihi mushawarah kita yang gelap gelita dengan masa yang singkat dan sedikit waktu yang ketika berkumpul dengan ṣaḥābat kita di dalam satu jam atau dua jam atau lebih akan boleh melebihi daripada segala kitāb *al-mutaqaddimīn* dan *al-muta'akkhirīn min al-'Ulamā' al-Rāsikhīn al-'Āmilīn—hayhāt! hayhāt!*— ya'nī telah jauhlah telah jauhlah /(27) daripada demikian itu! *Intahā*.

Maka sebab inilah sayugianya bagi *Qāḍī* hendaklah ia mushawarah dengan *'Ulamā'* dan memeriksai di dalam beberapa kitāb *mutaqaddimīn* dan *muta'akkhirīn* supaya luas mencari fikiran yang kebajikan adanya.

---

[11] Jw Berani, *Kamus Dewan Edisi Keempat*.

Shahdān jika terkena perkara yang bersalah-salahan itu kepada qānūn dan 'ādat, ruju'lah kepada undang-undang atau kepada athar, ya'nī bekas dan resam yang sudah dijalankan Raja-raja dan Orang Besar-besar yang dahulu-dahulu yang dibilangkan kepada indah dan patut dan 'ādil dan inṣāf yang tiada melanggar kepada sharī'at yang mulia. Dinamakan keputusan itu *Ittifāq Ahl al-Maḥkamah* jua, sama ada kepada perolehan atau bahagian atau milik atau ḥaq atau kepada adāb atau kepada mustaḥaq, *Intahā.*

Dan jangan sekali-kali mengikutkan undang-undang yang menyalahi sharī'at dan merosakkan rukun 'adil seperti setengah daripada negeri mendirikan satu undang-undang jika shubhah satu ḥukūman, maka didirikannyalah undang-undang. Ya'nī seperti menuduh seorang yang lalu pada satu tempat pada jalan raya pada tempat itu ada kehilangan, maka tiada dapat saksi dan tiada ia iqrār, maka didirikan undang-undang di sini dengan nama dan perbahasaan baharu, *Enggang Lalu Baharu Ranting Patah.* Maka ditangkaplah orang itu dengan kehinaan kemudian disuruhlah ia iqrār maka tiadalah mahu iqrār, maka dipersiksalah dengan berbagai siksa, seperti dituas terkadang sampai patah kaki atau diapit jarinya sampai pecah daripada sakitnya, mengakulah ia dengan sebab tiada tertahan sakitnya, maka ditanya pula, "Di mana engkau taruh benda dicuri itu?" Maka daripada sangat sakitnya ditunjukkannyalah kepada tempat yang sebarang-sebarang kehendaknya itu supaya merenggangkan daripada /(28) siksa itu sahaja. Tiba-tiba serta dicari sudah tiada, sebab ia tentu tiada kemudian kembali pula kepada disiksa dengan yang lebih keras lagi, maka daripada sangat tiada tertanggung bādannya, iqrār pula serta katanya: "Di tempat anu yang disimpan benda yang dicuri itu." Maka kembali pula semula mencari kepada tempat ditunjukkan dengan bohongnya itu, sebab hendak melepaskan sakitnya. Tiba-tiba serta dicari tiada dapat pula, Shahdān yang demikian itu beberapa kali berulang-ulang, terkadang sampai patah kaki tangan tiada boleh dipakai lagi, tiba-tiba tiada berapa antaranya dapat dengan keterangan dengan ṣaḥ orang yang lain mencurinya, maka yang dituduh dengan undang-undang baharu—*Enggang Lalu Baharu Ranting Patah*—tadi sudahlah binasa tiada siapa dapat mengganti kaki tangannya, apalagi nyawanya. *Wa lā ḥawla wa lā quwwata illā bi'Llāhi al-'Alī al-'Azīm.*

Dan setengah didirikan pula undang-undang pada pekerjaan yang shubhah pada dua orang yang beraku-akuan shay'[12], yang satu seperti kata seorang "aku punya" dan yang seorang pun mengata "aku punya". Maka didirikanlah ḥukūm undang-undang menyelam air, barang siapa yang lama di dalam air itulah dibenarkan, terkadang bercelur minyak yang tengah menggelegak, barang siapa yang tiada melecur itulah yang benar, terkadang yang cerdik dicarinya satu (h)ubatan yang tiada melecur tangan kepada minyak yang menggelegak maka didapatnyalah shay' itu dengan dustanya. Terkadang jika sangat sakit hati antara keduanya itu, maka memulangkanlah kepada Raja shay' itu atau kepada Menteri, maqṣūdnya, biar sama putih mata, maka daripada kurang himmatnya marwahnya Orang Besar-besar itu, maka menerimalah ia dengan suka hatinya, serta berkata, "Ini pekerjaan kamu kedua yang betul, tiada hendak menggaduhkan Orang Besar-besar." Dinamakan pula pekerjaan itu rezeqi merendah—konon! *Wa lā ḥawla wa lā quwwata illā bi'Llāhi al-ʿAlī al-ʿAẓīm.*

Shahdān maka segala keji-keji yang tersebut itu maka sekali-kali tiada menerima di dalam kitāb Allāh Taʿālā, demikian lagi di dalam segala kitāb yang dikarang oleh *ʿUlamā'* yang besar-besar yang mengambil daripada nūr *Qur'ān* dan *Ḥadīth*, maka jauhlah daripada segala yang tersebut itu dan suci daripada perkara yang ẓālim sebab keluasan dengan beberapa ribu kitāb-kitāb sebab mas'alah yang tersebut di atas ini, tiada memeliharakan macam orangnya tiada memeliharakan waqtunya dan tiada memeliharakan tempatnya adanya. *Intahā.*

Faṣal 5

Pada menyatakan ḥukūm yang terpakai di dalam ugama Islām yang diḥukūmkan atas segala raʿāyatnya, iaitu ḥukūm sharīʿat yang di dalam *Qur'ān al-ʿAzīm* dan di dalam *Ḥadīth Nabī Ṣallā'Llāhu ʿalayhi wa Sallam* yang sudah dibāyankan maʿnānya dan maqṣūdnya dan mafhumnya dengan jalan yang teguh dengan *ʿilmu naqlī* dan *ʿaqlī* dan dengan *qiyās* yang *jālī* daripada Ahl al-Sunnah wa al-Jamāʿah iaitu Imām yang maha besar lagi *mujtahid al-muṭlaq*, iaitu Mālikī dan Shafiʿī dan Ḥanafī dan Ḥanbalī yang mempunyai madhhab yang dipakai

12 Ar Sesuatu.

oleh *Ummat al-Nabī Ṣallā'Llāhu 'alayhi wa Sallam,* beberapa jenis daripada bangsa dan negeri dan benua iaitu Turkī dan Hindī dan 'Arab dan Shām dan Tātar dan lain-lainnya, tetapi kebanyakan benua-benua yang tersebut itu memakai madhhab Malikī dan Ḥanafī dan Ḥanbalī. Adapun kebanyakan pada pihak Jāwī ini memakai madhhab Shafi'ī, jadilah ḥukūman yang diputuskan di sini ya'nī pihak Jāwī /(30) ini iaitu ḥukūm madhhab Shafi'ī pada qawl yang mu'tamadnya dan yang aṣaḥnya. Adapun ḥukūm *ijtihād maṣāliḥ al-dunyā* yang membaik-baiki negeri dan menangguhkan kerajaan jika tiada jadi bid'ah yang sayyi'ah, maka iaitu ditilik atas beberapa perkara:

1. Pertama, jangan jadi muḍārat kepada nyawa bādan orang;
2. Kedua, jangan jadi khiyānat kepada harta benda orang;
3. Ketiga, jangan jadi sampai memberi malu 'ayb orang;
4. Keempat, jangan jadi membawa kepada cacat nama Raja dan nama menteri.

Maka iaitu haruslah dipakai wani kiranya hubaya-hubaya segala *Qāḍī-qāḍī* dan Orang Besar-besar yang memegang ḥukūman hendaklah ia bersungguh-sungguh *ṭālib al-'ilm* serta dengan rajin muṭalaah segala kitāb-kitāb fiqh, serta rajin berulang-ulang kepada *'Ulamā'* yang *rāsikhīn* memperiksai segala masalah yang mushkīl-mushkīl dan yang nādir-nādir, ya'nī yang jarang-jarang, supaya jangan tersalah kepada me[ng]ḥukūmkan manusia – istimewa pula *Qāḍī Ḍarūrat*, ya'nī *Qāḍī* yang tiada cukup sharaṭ, *Qāḍī* seqadarkan jangan hampa *maṣāliḥ al-muslimīn,* seperti kebanyakan *Qāḍī-qāḍī* pada tempat kita ini maka iaitu farḍulah tiap-tiap hendak menjatuhkan ḥukūman memeriksa segala kitāb-kitāb dengan sehabis periksa. *Intahā.*

Faṣal 6

Pada menyatakan adalah yang dinamakan ḥukūm yang putus itu, iaitu apabila selesai pemeriksaan serta dengan segala sharaṭnya maka iaitu menjatuhkan *Qāḍī* keputusan ḥukūm itu dengan lafaẓ lidahnya, dengan katanya: *"Ḥakamtu kadhā wa kadhā,"* ya'nī "Telah aku ḥukūmkan begini-begini jadi putus ḥukūmnya itu".

/(31) Bermula nama sūrat-sūrat yang dikerjakan jurutulis maḥkamah itu:

1. Pertama, Sūrat Muḥāḍir namanya, iaitu sūrat orang yang

berdaʿwā menyatakan daʿwā si fulān atas si fulān umpamanya barang yang jatuh sebelum ḥukūm;

2. Kedua, Sūrat Sijīl namanya, barang yang diperbuat di dalamnya ḥukūm, kemudian daripada daʿwā, dipeliharakan surat ini di rumah *Qāḍī*;
3. Ketiga, Sūrat Ḥukmiyyah namanya, iaitu sūrat ḥujah keputusan yang diberikan kepada orang yang berdaʿwā itu pada menangnya dan kalahnya, jika boleh dengan khat *Qāḍī*lah yang terlebih baik.

Shahdān, apabila selesailah *Qāḍī* daripada memutuskan ḥukūm dengan sudah melafaẓkan *"Ḥakamtu"*, yaʿnī "Telah sudah aku ḥukūmkan", maka ditaruh cop mohor pada Sūrat-sūrat Ḥukmiyyah yaʿnī sūrat keputusan yang diberikan kepada orang yang berdaʿwā pada menang kalahnya itu, serta disūratkan nama *Mudaʿī* dan *Mudaʿī ʿAlayh* serta dengan *Shahīd*-nya dan disebutkan pula keputusannya dengan *Mustandih*-nya, yaʿnī persandarannya, di dalam kitāb anu dan qawl anu umpamanya demikian kelakuan keputusan ḥukūm itu adanya.

Bermula apabila sudah diputuskan ḥukūman di dalam maḥkamah, maka iaitu tiadalah boleh dirombak semula melainkan apabila nyata ḥukūmnya itu menyalahi akan naṣ atau ijmāʿ atau menyalahi yang terlebih *marjūḥ* daripada madhhab Shafiʿī maka iaitu berombaklah ia sendirinya. *Intahā.*

Faṣal 7

Bermula harus pula bagi *Qāḍī al-Quḍāt* menentukan seorang-seorang gantinya menjabat suatu pekerjaan yang muṭlaq atau khāṣ. Adapun yang muṭlaq apa-apa pekerjaan *Qāḍī al-Quḍāt* digantikannyalah semuanya. Adapun yang khāṣ ditentukannya seorang memegang /(32) me[ng]ḥukūmkan perdaʿwāan orang yang *muʿāmalat* dan seorang ditentukan bicara *munākaḥāt* dan seorang ditentukan me[ng] ḥukūmkan pada ḥukūman *jināyat*, maka segala mereka itu berhadaplah masing-masing pada jabatannya inilah segala pekerjaan yang tersebut itu jika cukup orangnya serta mawjūd sharaṭnya.

Bermula jikalau tiada mawjūd orang yang sebanyak itu, mana-mana sahaja yang kuasa pada Raja atau kepala-kepala pada tempat meluluskan dengan jalan ḍarūrat aṣalkan jangan hampa dan sia-sia pekerjaan ugama Islām. *Intahā.*

Bermula barang siapa-siapa diidhinkan Raja atau *Qāḍī* memeriksa perda'wāan orang di dalam maḥkamah daripada seorang Menteri atau lainnya daripada segala pegawai yang lain, maka adalah ia menduduki pada tempat *Tarjumān.* Dan barang siapa diidhinkan menyūratkan di dalam maḥkamah adalah mendudukkan tempat Kātib dan barang siapa diidhinkan memutuskan perda'wāan orang di dalam maḥkamah adalah mendudukkan tempat *Qāḍī. Intahā.*

Faṣal 8

Bermula ḥarāmlah atas *Qāḍī* menerima pemberian orang yang tiada ber'ādat baginya dengan dia, sebelum lagi ia menjadi *Qāḍī* atau sudah ber'ādat ia memberi, akan tetapi ia sudah menjadi *Qāḍī* dilebihkannya pula daripada 'ādat sehari-hari—itupun ḥarām juga ia. Lagi ḥarām pula menerima pemberian orang yang berbantah kepadanya, jikalau ber'ādat sekalipun ia memberi sebelum lagi ia menjadi *Qāḍī* sekalipun, kerana pekerjaan itu akhir-akhirnya membawa kepada cenderung kepadanya bermula tempat ḥarām menerima pemberian orang itu pada orang yang di bawah pemerintahan. Adapun orang yang di luar pemerintahannya, maka iaitu harus menerimanya. Shahdān, /(33) apabila ia menerima barang yang tiada harus, maka hendaklah dimasukkannya kepada perbendaharaan *Bayt al-Māl* dan harus bagi *Qāḍī* pergi ke rumah orang yang mempersilakan dia kerana jamuan pengantin, akan tetapi jangan ia pergi kepada rumah jamuan orang yang berda'wāan, dan sunnah pula jangan berjual beli dengan dirinya sendiri. Demikian jika ketiadaan orang yang diwakīlkannya, maka iaitu harus sebab ḍarūrat. Dan ḥarām pula atas *Qāḍī* dan *Ahl al-Maḥkamah* menerima rashūwah, ya'nī pemberian orang minta menangkan berbicara jika ada ḥukūmnya dengan yang ḥaq sekalipun. *Intahā.*

Faṣal 9

Bermula hendaklah dipilih orang-orang akan hendak dijadikan *Ahl al-Maḥkamah* atau hendak dijadikan Orang Besar-besar yang lain daripada pekerjaan maḥkamah, maka hendaklah dipilih orang yang baik perangai lagi mempunyai marwah yang menaruh malu sopan dan beradāb dan tiada bongkak pongah pada perkataan atau kelakuan lagi berʿilmu lagi ghālib berʿamal dengan ʿamal yang baik dan tiada suka akan pekerjaan yang ditegahkan Allāh dan Rasūl-Nya daripada segala yang diḥarāmkan seperti judi dan sabung dan mādat apa lagi zināh dan lainnya daripada segala maʿṣiyat yang besar-besar yang mewajibkan *ḥadd* dan *taʿzīr*, kerana apabila seorang suka akan yang tersebut itu maka tiadalah ia marah pada hatinya atas seorang yang mengerjakan sepertinya, betapalah hendakkan dijadikan Orang Besar-besar dan hendak dijadikan *Ahl al-Maḥkamah* kerana maqṣūd Orang Besar-besar mendirikan ḥaq dan menjauhkan yang baṭil pada ḥāl /(34) dirinya berlumur dengan najis yang keji-kejinya akhir-akhirnya fiʿilnya itu nanti terbit juga keluar jadilah memberi busuk di dalam negeri dan memberi busuk pula pada majlis kerajaan apabila dibiarkan rajanya akan najis itu, tetapi di dalam negeri nanti berhamburan pula kepada negeri yang lainnya dan apalah nama Raja pada ketika itu hanyalah bersama-sama juga bersekutu pada busuknya itu adanya.

Faṣal 10

Bermula apabila ḥāṣillah dan diperolehlah oleh Raja seorang yang menyempurnakan ḥaq yang patut menjadi *Ahl al-Maḥkamah* dan ahli memegang jabatan kerajaan, maka harus atas Raja itu mendahului perjanjian sumpah setia *ʿAhd al-Maḥkamah* dan sumpah setia memegang jabatan kerajaan dahulu daripada ditawliyahkan dia yaʿnī sebelum lagi ia diberi nama atau gelaran yang memegang jabatan. Shahdān, sumpah setia yang tersangat dicita-cita pada pekerjaan ini iaitu dua belas yang lagi akan tersebut di bawah ini.

'Ahd al-Maḥkamah

Ya'nī perjanjian yang pertama akan segala *Ahl al-Maḥkamah. Qāla Allāh Ta'ālā:*

وَأَوْفُوا بِالْعَهْدِ ۖ إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْئُولًا ﴿٣٤﴾[13]

> Ya'nī, firmān Allāh Ta'ālā: "Sempurnakan oleh kamu akan janji. Bahawa sungguhnya janji itu adalah ia ditanya pada hari qiyāmat."

Bermula bahawa tak boleh tidak awal permulaan barang siapa yang hendak masuk apalagi sudah masuk di dalam maḥkamah, maka iaitu hendaklah *taṣdīq al-niyyat*, ya'nī membenarkan niyyat kepada Allāh Ta'ālā dan Rasūl-Nya, iaitu dengan niyyat mengikut sekuasanya apa-apa /(35) yang dirīḍākan Allāh Ta'ālā menguatkan ugama Islām dengan mendirikan menolong Rajanya berbuat 'ādil kepada segala ra'yatnya yang di bawah pemerintahannya yang muwāfaqat dengan jalan yang wājib dan yang *mandūb* dan yang *mubāḥ* adanya. *Intahā.*

Setia 2

Hendaklah bersumpah dan bersetia dengan Raja yang ia mengaku mengerjakan Raja dengan ikhlāṣ dan suci hati, jika jatuh di dalam pekerjaan itu menjadi perang atau perbantahan yang besar, maka iaitu adalah ia sebelah Raja, dan jika ada saudaranya atau qawm qarabatnya yang pada pihak sebelah musuh Raja itu, maka iaitu tiada boleh ia pandang lagi. Jika sudah jatuh di dalam perbantahan yang besar seperti perang umpamanya, adapun jika belum jatuh seperti yang demikian itu, maka iaitu boleh ia dima'āfkan dan menunjukkan dan memujuk qawm qarabatnya dengan naṣīḥat. Mudah-mudahan boleh ia mengikut akan dia satu pekerjaan jika diharap akan hasil maqṣūdnya itu adanya. *Intahā.*

Setia 3

Maka barang siapa yang masuk di dalam pekerjaan kerajaan dan pekerjaan maḥkamah, maka hendaklah ia satu jalan dan satu

---

[13] Sūrah al-Isrā': 34.

pekerjaan pada yang sama-sama di dalam pekerjaan itu pada segala ḥukūman yang sudah sah pada sharīʿat yang mulia yang sudah disebutkan *"Ḥakamtu"* oleh Raja atau *Nāʾibnya*, maka jangan siapa keluar dan inkār daripada yang demikian adanya. *Intahā.*

/(36) Setia 4

Maka barang siapa sudah masuk di dalam pekerjaan kerajaan dan maḥkamah itu menyembunyikan rahsia apa-apa yang diperbuat di dalam maḥkamah, sama ada rahsia maṣlaḥat pada ugama atau tipu ḥikmat yang hendak dilakukan kepada segala hamba Allāh atau siyāsah kerajaan, apalagi daripada segala sūrat-sūrat yang tiada harus dinyatakan kepada orang yang bukan ahlinya jika ia di dalam maḥkamah sekalipun, maka iaitu tiada boleh dibukanya rahsianya itu jika kepada anak isterinya atau bapanya sekalipun adanya. *Intahā.*

Setia 5

Hendaklah mengetahui semboyan kerajaan di dalam maḥkamah atau di luarnya dan tiada harus diẓāhirkan semboyan itu kepada orang yang bukan *Ahl al-Maḥkamah*. Adapun semboyan itu iaitu pada tiap-tiap hendak membuat satu pekerjaan, maka dimushawarahkanlah dahulu semboyan itu adanya. *Intahā.*

Setia 6

Hendaklah bertolong-tolongan atas sama-sama sepekerjaan di dalam maḥkamah ini daripada kesusahan atau keḍaʿīfannya atau kemaluannya atau kesakitannya yang disakiti oleh manusia mana-mana sehabis-habis qadar kuasanya menolong. Atas yang demikian itu, hendaklah mengikut jalan adāb bersaudara dan adāb berṣaḥabat dan adāb jīrān, yaʿnī adāb sama sekampung seperti yang tersebut di dalam *Qurʾān* dan di dalam *Ḥadīth* dan di dalam segala kitāb *al-Salaf min al-ʿUlamāʾ al-ʿĀmilīn al-Rāsikhīn. Intahā.*

/(37) Setia 7

Apa-apa yang dapat di dalam pekerjaan maḥkamah daripada *khurujat*-nya dan ḥāṣilnya atau daripada *ujrah al-mithil* yang bukan ditegahkan kepada Bāb yang Kedua kepada Faṣal yang kedelapan di

dalam bāb ini, yang diharuskan oleh shara' dan qānūn seperti barang yang dimuwafaqatkan dan ditetapkan oleh Raja pada tempat itu dengan mengeluarkan belanja seperti *ujrah al-qismah*, ya'nī upah membahagikan tanah-tanah dan bumi pada yang bersekutu dan lainnya barang yang diharuskan dan di'ādatkan oleh Raja, maka iaitu tiadalah ia boleh menerima melainkan diperma'lumkannya kepada Raja atau kepada penghulu maḥkamah ialah yang membahagikan dengan jalan yang 'ādil antara segala mereka itu. Maka hendaklah menerima dengan cuci dengan ikhlāṣ pada barang yang dipatutkan oleh Raja atau penghulu maḥkamah itu adanya. *Intahā.*

Setia 8

Apabila ada perselisihan antara mereka itu yang di dalam maḥkamah itu yang sama memegang di dalam kerajaan maka iaitu tiada boleh diḥukūmkan di majlis maḥkamah akan tetapi adalah diḥukūmkan dan dibicarakan satu tempat yang *mastūr* tiada boleh ḥāḍir orang yang bukan di dalam maḥkamah itu adanya. *Intahā.*

Setia 9

Jangan sekali-kali jika ada khilāf bebalnya yang sama sepekerjaan itu diumpat dan dicela kepada orang yang di luar maḥkamah apalagi kepada segala orang yang tiada masuk di dalam pekerjaan dengan dia. Maka khilāf bebal saudaranya itu /(38) hendaklah dikatakannya di hadapannya sama seorang. Jika malu, hendaklah dikatakannya kepada yang sama sepekerjaan, tiadalah harus diumpatnya kepada segala isi negeri dan kepada ra'yat negeri, apalagi negeri yang lain adanya. *Intahā.*

Setia 10

Jangan sekali-kali menaruh dengki dan dendam atas sama sepekerjaan sebab kurang darjatnya dan perolehannya kerana lebih dan kurang itu semata-mata kurnia Allāh Ta'ālā atas hamba-Nya dengan pemilihan-Nya yang azalī dan ḥikmat-Nya Yang Mengetahui akan *Ḥaqīqat al-Umūr.* Demikian lagi Raja itu melebihkan dan mengurangkan setengah atas setengahnya dengan ijtihādnya, maka

tiada harus kita *iʿtirāḍ* atas yang demikian itu. Shahdān, pekerjaan ini *amar qablī* dan penyakit hati barangkali tiada kuasa mereka itu memeliharakan dan menahan atas pekerjaan itu, kerana *ghālib* tiap-tiap yang niʿmat dan lebih itu tiada suci daripada ḥasad. Jika demikian hendaklah ia menahan bersungguh-sungguh daripada menẓāhirkan ḥasadnya serta dengan *istighfar* kepada Allāh Taʿālā serta minta *istiʿāzah* kepada Allāh Taʿālā:

مِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ۝٥[14]

Inshā' Allāh Taʿālā, mudah-mudahan dihilangkan Allāh dengan kurnianya dan kelebihannya dan hendaklah ia membaca segala kitāb-kitāb yang menyebutkan perkara *ḥasad wa al-maḥsūd* serta diʿamalkan bersungguh-sungguh hati adanya. *Intahā.*

Setia 11

Jangan sekali-kali mentaḥqīqkan suatu pekerjaan, baik atau jahat atau salah atau benarnya atau kebajikan atau kebinasaan kemudian daripada ẓāhir atas segala /(39) ikhwānnya yang di dalam sepekerjaan itu adanya. *Intahā.*

Setia 12

Apabila disuruh Raja atau yang sama satu pekerjaan itu daripada khabar kerajaan atau lainnya, jangan sekali-kali bohong dan jangan ditambah dan dikurangkan seperti hendak mengambil *waẓīfah* bahagian kebesaran diri sendiri dengan sebab sukakan kemegahan diri sendiri, dan dengan *qaṣad* menẓāhirkan bijaksana dan tinggi hemmatnya, apalagi berbuat bohong hendak menghinakan taulannya, dan membodohkan Raja dan membodohkan taulannya yang sama sepekerjaan dengan dia. Maka iaitu ḥarām lagi tertolak daripada pintu amanat—Allāh! Allāh! Allāh! Segala ikhwān, jauhkan sekali-kali daripada bohong ini, kerana apabila Allāh Taʿālā memberi kepada suatu hambanya bohong kehinaan atas hambanya dan memberi gugur pandang dan tilik saudaranya, yaʿnī hinalah kepada manusia kerana tiap-

[14] Al-Falaq: 4

tiap bohong itu kedapatan juga. Sudah berlaku ʻādat Allāh Taʻālā atas yang demikian itu adanya. *Intahā.*

Shahdān apabila tetaplah dan beraturlah segala setia-setia yang tersebut itu serta dipersembahkan kepada Raja setianya itu dengan rīḍānya serta dengan keterangannya, maka haruslah Raja itu membalas pula dengan dikurniakan atasnya, adapun janjinya itu demikian bunyinya:

> "Bahawa kami Raja anu memberi perjanjian kepada Menteri anu atau si anu atau lainnya apa-apa namanya bahawa dengan dikurniakan empat perkara: *Intahā.*
>
> *Pertama*
>
> Bahawa kami tiada memperbuat pekerjaan ẓālim di atas kamu, sama ada pada /(40) nyawa kamu atau bādan kamu atau harta kamu. Inshā' Allāh Taʻālā. *Intahā.*
>
> *Kedua*
>
> Bersungguh-sungguh kami memeliharakan nama kamu dan memeliharakan marwah kamu dan memeliharakan kemuliaan kamu sama ada pada diri kamu atau pada ahli-ahli kamu. *Intahā.*
>
> *Ketiga*
>
> Seboleh-bolehnya bahawa kami menyampaikan ḥājat kamu yang diharuskan di dalamnya pada sharīʻat dan pada ʻādat yang boleh sekuasa kami menyampaikannya pada pekerjaan yang layak dan yang patut kepada kamu. *Intahā.*
>
> *Keempat*
>
> Kami bebaskan kamu berjumpa kami dan berdatang sembah kepada kami jika ada perbuatan kami yang tiada berbetulan dengan sharīʻat dan ʻādat atau barang yang tiada sedap kepada hati kamu tingkah laku kami atau ahli-ahli kami, maka iaitu bebaslah kamu berjumpa kami dan berdatang sembah kepada kami kepada tempat yang patut dan pada masa yang patut dengan ḥāl kelakuan yang patut." *Intahā.*

BĀB YANG KETIGA

Barang yang tiada dapat tiada daripada Raja-raja dan Orang Besar-besar memeliharakan dia iaitu tiga perkara:

1. Pertama, memeliharakan rūḥ ya'nī nyawa;
2. Kedua, memeliharakan bādan dan jasad;
3. Ketiga, memeliharakan nama.

Shahdān maka didahulukan di sini pada memeliharakan rūḥ ya'nī nyawa

Faṣal 1

Pada menyatakan memeliharakan rūḥ ya'nī nyawa dan hati. Bermula ma'nā rūḥ dan ma'nā qalb dan ma'nā nafsū dan ma'nā 'aqal itu iaitu berpanjanganlah bicaranya di dalam kitāb yang panjang-panjang seperti di dalam *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* dan lainnya. Maka tiadalah boleh patut ditanggungkan pada kitāb *mukhtaṣar* ini, sehinggaku nyatakan atas ma'nā rūḥ yang *ghālib* atas pengetahuan orang yang 'awwam jua, kerana adalah pada pengetahuan orang yang 'awwam—adalah manusia iaitu tubuh bādan berhimpun kepadanya beberapa anggota seperti mata; dan telinga; dan lidah; dan hidung; dan tangan kaki; dan perut; dan zakar. Maka iaitu menerima penyakit yang ẓāhir yang dapat diubatkan oleh ṭābīb dengan beberapa ubat yang ẓāhir yang berlainan khaṣiyatnya dan fa'īdahnya. Adapun rūḥ dan hati itu memerintahkan segala anggota yang ẓāhir itu ḥāl keadaannya *jisim laṭīf*, ya'nī jisim yang halus yang tiada didapat oleh pancaindera yang ẓāhir, dan menerima ia akan penyakit yang bāṭin, dan tiada didapat diubatkan dengan ubat yang ẓāhir, dan seperti dipegang dan dijabat akan tetapi menerima pula ia ubat yang laṭīf yang halus-halus akan lagi datang sebutnya. *Intahā.*

Bermula pihak memeliharakan rūḥ dan memeliharakan hati dan nafsū itu farḍu kerana jika sakit segala yang tersebut itu membawa kepada membinasakan kepada anggota yang ẓāhir jua. Bermula adalah penyakit yang datang kepada Raja itu iaitu *Anwa' Balā'*, ya'nī kedatangan beberapa bagi balā' dan susah;

1. Pertama, pada rezeqī ya'nī sebab kepecikkan rezeqī ya'nī kehidupan sebab papa;

2. Kedua, sebab kedatangan /(42) penyakit kepada bādan dan kepada tubuh;
3. Ketiga, sebab bercerai dengan kekasih sayang sama ada kepada manusia seperti kematian anak isteri atau sanak saudara qawm qarabat dan ṣaḥābat handai atau sebab bercerai dengan kekasih sayang daripada pangkat dan kebesaran dan kemuliaan atau kasih sayang daripada harta benda emas perak seperti tinggal segala yang tersebut itu daripada genggamannya, ya'nī terlepas daripadanya dengan kehilangan atau kerugian;
4. Keempat, dengan sebab kedatangan susah daripada pihak yang ditakutkan hilang nyawa atau muḍārat kepada bādan, iaitu kesusahan pada pihak seteru seperti di dalam permusuhan dan pergaduhan atau lainnya yang segala pekerjaan yang ditakuti;
5. Kelima, sebab kedatangan dihina-hinakan manusia seperti diumpat orang dan dicela orang dan dinista orang atau barang sebagainya segala pekerjaan yang jatuh dirinya yang jadi menyusahkan dia.

Maka inilah segala yang tersebut itu yang mendatangkan penyakit rūḥ hendaklah bersungguh-sungguh mengubatkan dan memeliharakan dia kerana penyakit ini binasa kepada bādan, maka wājiblah memeliharakan dia dan mengubatkan dia. Bermula memeliharakan dia dan mengubatkan dia *'ala al-jamal*, tiada yang terlebih besar dan terlebih segera pada membaiki dia melainkan mendengar *Qur'ān al-'Azīm* dan *Ḥadīth Sayyid al-Mursalīn* dan perkataan dan naṣiḥat dan ajaran *Ṣaḥābat* dan *Awliyā'* dan *'Ulamā'* dan *Ḥukamā' al-mutaqaddimīn wa al-muta'akhirīn*, seperti memikirkan ma'nānya dan mafhumnya segala perkataan mereka itu, dan pada menyuruh ṣabar dan rīḍā dan tawakkal apabila kedatangan segala *anwa' al-balā'* yang telah tersebut itu kepada kita, kerana di dalam dunyā ini tiada hampa daripada *anwa' al-balā'* yang tersebut itu. Maka /(43) hendaklah jangan kita ikutkan susahnya kerana tiada berguna susah dan tiada tertolak perintah Allāh Ta'ālā dengan sebab susah kita itu dan tiada boleh kita menegahkan taqdīrnya, akan tetapi jika dilawan susah kita itu dengan ṣabar dan rīḍā dan tawakkal, mudah-mudahan bertemu kita dengan barang yang dijanjikan Allāh Ta'ālā di dalam *Qur'ān al-'Azīm*, iaitu Allāh Ta'ālā kasihkan orang yang ṣabar dan meluaskan orang yang tawakkal di dalam dunyā dan di dalam akhirat dan memberi

pahala pula orang yang ṣabar di dalam balā' dan mengganti pula Allāh akan orang yang ṣabar di dalam balā' dengan beberapa kelebihan di dalam dunyā dan akhirat seperti ḥikāyat segala *Anbiyā'-anbiyā'* yang tersebut di dalam *Qur'ān*, seperti Nabī Ya'qūb diberi balā' bercerai dengan anaknya Yusūf *'alayhi salam*, kemudian betapa akhirnya iaitu dipertemukan Allāh Ta'ālā dengan bapa dan dengan segala saudaranya di dalam negeri Meṣir, pada ḥāl dengan kemuliaan dan kebesarannya menjadi Raja di dalam negeri Meṣir dengan berkat ṣabarnya akan balā'. *Intahā.* Dan seperti Nabī Allāh Ayyūb *'alayhi salam* diberi balā' dengan penyakit dan kematian segala ahlinya, kemudian betapa pada akhirnya iaitu diṣiḥatkan bādannya terlebih baik daripada dahulunya dan dikembalikan segala anak-anaknya dan segala hartanya terlebih banyak daripada yang binasa itu dengan berkat ṣabarnya. *Intahā.* Dan Nabī Allāh Mūsā *'alayhi salam* diberi balā' dengan bermusuh dengan Raja Fira'ūn dengan beberapa masa kemudian betapa akhirnya iaitu ditinggalkan Allāh Ta'ālā Raja Fira'ūn dengan segala qawmnya dan lepas Nabī Allāh daripada balā'nya dan menggantikanlah ia akan kerajaan Fira'ūn dengan berkat ṣabarnya. *Intahā.* Seperti Nabī Allāh 'Isā *'alayhi salam* diberi /(44)balā' dengan disakiti oleh qawm Yahūdī kemudian betapa pada akhir pekerjaannya diangkatkan Allāh Ta'ālā ke langit dengan kemuliaan. Dan seperti Nabī kita Muḥammad *Ṣallā'Llāh 'alayhi wa Sallam*, beberapa balā' dipersakiti oleh qawm Quraysh dengan didustakan dan dengan diperangi dan diperusir dari negeri Makkah al-Musyarrafah sampai ke Madīnah, kemudian diperikut oleh qawm Quraysh kemudian dengan diperangi dengan sebenar-sebenar susah permusuhan yang besar-besar beberapa kali, kemudian pada akhir pekerjaannya betapa rupanya siapa yang ditolong Allāh Ta'ālā dan siapa yang dibinasakan. Fikirlah olehmu dengan fikiran yang sempurna sebab kerana inilah tiadalah yang terlebih besar ubat penyakit *anwa' al-balā'* daripada *Qur'ān al-ʿAẓīm* dan *Ḥadīth Sayyid al-Mursalīn* dan kitāb-kitāb karangan *'Ulamā' al-ʿĀmilīn* maka iaitu terlebih segera ubat me[ng]hapuskan segala *anwa' al-balā'* yang telah tersebut itu.

Shahdān setengah daripada yang memberi manfaat memeliharakan Raja iaitu hendaklah sekedudukan dengan orang yang ber'ilmu daripada *'Ulamā'* atau orang yang sāliḥ-sāliḥ orang yang baik perangai biasa ṣabar dan rīḍā akan qaḍā' Allāh Ta'ālā dan

tawakkal kepada yang dijanjikan Allāh Ta'ālā daripada rezeqī dan lainnya. Dan hendaklah jangan dihampiri segala sebab yang membawa dukacita dan susah yang tiada disuruhkan shara' di dalamnya. Dan jika datang susah dan dukacita dengan jalan disuruhkan Allāh Ta'ālā dan Rasūl-Nya, maka hendaklah ṣabar serta rīḍā serta berharap akan kebajikan dan tawakkal kepada Allāh dan minta tolong kepada-Nya dengan minta du'ākah atau dengan sembahyang ḥājat. Dan jika segera ditolong-Nya, maka hendaklah shukur kepada-Nya dan jika lambat ditolong-Nya, hendaklah ṣabar serta baikkan sangka kepada /(45) Allāh Ta'ālā sebab ḥikmat-Nya tiada kita ketahui – entahkan apa-apa yang jadi kebajikan kepada kita, janganlah kita keluh kesah mengadu-ngadu ke sana ke mari. Demikianlah kita kerajaan pada memeliharakan rūḥ. Shahdān jika hendak terang kenyataan perkara yang tersebut itu hendaklah muṭala'ah kitāb-kitāb *Ahl al-Ṣūfī* seperti kebanyakan kitāb al-Ghazālī dan lainnya. *Intahā.*

Faṣal 2

Pada memeliharakan bādan dan mentadbirkan ṣiḥat iaitu sangat berkehendak kepada Raja-raja dan Orang Besar-besar pada memeliharakan bādan itu kerana penyakit itu memutuskan beberapa pekerjaan bermula mentadbirkan bādan supaya ṣiḥat itu iaitu lima perkara:

1. Pertama, pada makan dan minum;
2. Kedua, tidur,
3. Ketiga, pada jimā',
4. Keempat, pada bergerak-gerak,
5. Kelima, pada berhawā.

Adapun pada makan minum hendaklah dengan beratur dan berḥad. Maka hendaklah makan pada ketika lapar, dan minum pada ketika dahaga. Apabila makan, jangan kenyang dengan hawā nafsū; jangan memasukkan makanan sebelum lagi hancur makanan yang baharu dimakannya; dan jangan makan akan makanan yang sudah basi; dan hendaklah memilih akan makanan yang berpatutan dengan ṭabī'at bādan serta berpatutan dengan ṭabī'at faṣal alam, kerana adalah ṭabī'at manusia empat 'anāṣir, iaitu, panas kering; dan

panas basah; dan sejuk kering; dan sejuk basah, dan falak langit pun empat peredaran juga, peredaran panas kering; dan peredaran panas basah; dan persedaran sejuk kering; dan peredaran sejuk basah, dan ṭabī'at makanan /(46) dan rempah-rempah pun demikian juga.

Bermula ṭabī'at bādan itu tiadalah tersembunyi kepada orang yang *Ahl al-Nabṭ* dan demikian lagi khaṣiyat-khaṣiyat makanan dan rempah-rempah pun tiada juga tersembunyi kepada *Ahl al-Ṭabīb* dan peredaran segala faṣal itu pun tiada tersembunyi kepada *Ahl al-Falakiyah* iaitu mengetahui segala buruj yang di langit dan manzilah matahari dan peredarannya dan berpindahnya daripada satu burūj maka tiap-tiap berpindahnya itu mengubahkan ṭabī'at hawā dunyā ini dan jika hendak akan tafsīlnya 'ilmu ini, hendaklah tanyakan kepada segala ahlinya. Dan patut juga Raja-raja dan Orang Besar-besar dan mengetahui 'ilmu ini supaya dapat ia membezakan bādannya dengan makanan dan dengan rempah dan dengan ṭabi'at faṣal-faṣal dunyā ini supaya diubatkannya bādannya dengan makanan dan dengan faṣalnya supaya menjadi ṣiḥat dan 'āfiyyat dan hendaklah makan minum dengan adābnya seperti di dalam *Kitāb al-Adāb, Adāb li-Akl.* Tuntut olehmu akan dia.

Adapun tidur hendaklah dengan hingganya jika malam jangan tidur melampaui delapan sā'ah[15] dan jika siang jangan melampaui satu sā'ah *qaylulah,* lebih kurang sedikit tiada mengapa sekira-kira mendapat awwal waqtu Ẓuhur iaitu yang *awla* dan membanyakkan tidur itu mensia-siakan waqtu dan menghilangkan cahaya muka dan mensia-siakan 'umūr.

Adapun jimā' hendaklah dengan waqtunya iaitu pada ketika datang shahwat serta sedia mani dan hendaklah dengan tertīb dan adābnya, seperti barang yang disunnatkan *Nabī Ṣallā'Llāh 'alayhi wa Sallam*, dan jangan bertelanjang bogel keduanya seperti binatang; dan jangan memandang kepada faraj perempuan itu. Apabila kita inzal dahulu /(47) hendaklah jangan lekas dicabut, biar selesai inzalnya perempuan itu. Apabila selesai hendaklah dibasuh zakar kita itu dahulu jikalau kita hendak jimā' sekali lagi pun. Shahdān membanyakkan jimā' melampaui daripada 'ādat sebab mengikutkan hawā nafsū kerana membanyakkan jimā' yang

15 Ar Jam.

demikian itu menyegerakan tua, mendatangkan penyakit lemah sendi-sendi, istimewa pula jika kita mempunyai ṭabī'at *sawdā'*, ya'nī sejuk kering iaitu terlebih sangat segera memberi muḍarat kepada bādan.

Adapun bergerak-gerak iaitu mendatangkan ṣiḥat jiwa kerana banyak diam bādan itu lampaui daripada waqtūnya tiada kuat perjalanan darah apabila sejuk darah tertahanlah ia daripada berjalan iaitu membawa kepada penyakit dan hendaklah kita gerakkan bādan kita itu tiap-tiap hari qadar yang patut, ada kalanya dengan mengenderai kuda atau dengan bersiar-siar atau dengan membuat suatu pekerjaan, istimewa pula lepas makan petang sekurang-kurangnya empat puluh langkah adanya.

Adapun mengenakan bādan dengan hawā dan angin yang lemah lembut iaitu menṣiḥatkan bādan jiwa dan hawa yang baik itu *ba'da al-Ṣubuḥ* dan *qabla al-ṭulū' al-shams*, ya'nī kemudian daripada sembahyang Subuh dan sebelum lagi terbit matahari. Adapun angin yang baik iaitu angin lemah lembut daripada pihak *mashrīq*. Shahdān inilah segala yang tersebut itu. Sayugianya Raja dan Orang Besar-besar mengamalkan barang yang tersebut itu *'ala qadar* kuasanya. *Intahā.*

Faṣal 3

Pada menyatakan memeliharakan nama. Bermula tiada dapat tiada Raja-raja dan Orang Besar-besar itu memeliharakan namanya, ya'nī memeliharakan nama yang jahat supaya disebut /(48) orang baik. Adapun sejahat-jahat nama kepada Raja-raja dan kepada Orang Besar-besar itu iaitu nama ẓālim; dan nama bodoh; dan nama lalai; dan nama penakut. Adapun nama ẓālim sekeji-keji nama Raja dan nama Orang Besar-besar dan erti ẓālim itu pada lughah kelima terbit daripada *ẓulmun-yaẓlimu-ẓalman, fahuwa ẓālim ism fā'il* yang kelima ya'nī kelima daripada membezakan ḥaq dengan bāṭil dan pada iṣṭilāḥ shara' dan dengan ma'nā aniayai, ya'nī melakukan atas seorang bukan dengan sebenarnya sama ada daripada ḥukūman atau kelakuan yang menyalahi dengan ḥukūman *Qur'ān* dan *Ḥadīth* dan *Ijmā'*, sama ada pada nyawa dan bādan orang atau pada harta benda orang atau pada kemaluan orang. Lawan ẓālim itu 'ādil, iaitu me[ng]ḥukūmkan atau melakukan suatu atas seorang dengan

patutnya dengan muwāfaqat dengan *Qur'ān* dan *Ḥadīth* dan *Ijmā'* atau melakukan suatu yang dibilangkan indah dan patut serta manfa'at kepada orang yang benar dan kepada orang yang mempunyai mata hati.

Shahdān, adalah pekerjaan ẓālim itu dua bahagi: Pertama menẓālimi dirinya; Kedua menẓālimi orang yang lain. Adapun menẓālimi dirinya seperti mengerjakan ia akan pekerjaan yang membawa muḍarat kepada 'aqalnya atau kepada bādanny,a seperti dikerjakan dengan dirinya berbuat ma'ṣiyat, atau melelahkan dirinya dengan permainan yang sia-sia, atau makan minum ia yang memberi muḍarat kepada 'aqal dan kepada bādan atau mensia-siakan 'umurnya dengan tiada mengerjakan yang kebajikan, maka iaitulah menzalimi dirinya. Adapun menẓālimi orang yang lainnya, maka iaitu terlebih ma'lūm seperti yang telah tersebut kepada ma'nā ẓālim itu. Shahdān apabila kita ketahuilah nama yang jahat dan nama yang baik maka tatkala kita berkehendak /(49) memeliharakan nama supaya mendapat nama yang baik tiada dapat tiada hendaklah kita ketahui tertīb segala kejahatan hati yang membawa kepada anggota yang ẓāhir iaitu yang lagi akan disebutkan pada khātimah kitāb ini. Inshā' Allāh Ta'ālā adanya. *Intahā.*

KHĀTIMAH

Pada menyatakan barang yang jadi cacat dan cedera kepada Raja-raja dan kepada Orang Besar-besar daripada ṣifat yang kecelaan yang di dalam hati atau lainnya yang jadi mendatangkan kepada dirinya muḍarat yang besar atau kepada lainnya, maka iaitu amat banyak akan tetapi pada kitāb ini tiada habis disebutkan sebab kerana yang disebutkan di sini yang muḍarat kepada dirinya terkadang membawa kepada lainnya maka iaitu inilah yang tersebut di bawah ini. *Intahā.*

Pertama

Takbur, ya'nī membesarkan diri pada yang tiada dan diidhinkan shara'. Adapun ma'nā membesarkan diri itu iaitu memandang seseorang makhlūq dengan tilik yang kurang daripadanya dan memandang dirinya lebih semata-mata, sama ada kepada 'ilmu dan 'amal; atau kepada rupa dan bangsa; atau kepada quwwat dan gagah; atau kepada harta benda. Maka dinamailah orang yang takbur. Bermula, kebinasaannya itu ada kalanya ẓāhir, ada kalanya bāṭin seperti sabda Nabī *Ṣallā'Llāh 'alayhi wa Sallam,*

من تكبر وضعه الله ومن توضع رفعه الله

Man takabbara, waḍa'ahu Allāh. Wa man tawḍi'a, rafa'ahu Allāh

> Ya'nī, "Barang siapa takbur ya'nī membesarkan diri, nanti direndahkan Allāh dan barang siapa merendahkan dirinya nanti diangkatkan Allāh".

Adapun yang ẓāhir itu amat banyak kerana *ghālib* kepada orang yang takbur itu tiada suka ia /(50) mendengar ajaran orang; dan suka ia mengingatkan orang; dan marah ia akan orang yang mengingatkan dia; dan jika ada perbuatan dia itu salah sekalipun, terkadang suka ia dibesarkan orang dengan ẓāhir; dan marah ia pada orang yang tiada membesarkan dia sampai jadi berbantah dan berkelahi. Terkadang tiada suka ia pergi ziyārah kepada orang; dan suka ia diziyārahkan orang dan suka ia ziyārah ke rumah Orang Besar-besar dan tiada suka ziyārah ke rumah faqīr-faqīr; dan suka ia mempergi jemputan Orang Besar-besar *Ahl al-Dunyā* kerana dunyānya; dan tiada suka ia

pergi jemputan dan jamuan orang yang faqīr-faqīr; dan suka ia didudukkan orang pada tempat yang tinggi, ya'nī yang mulia, marah ia didudukkan orang kepada tempat yang kurang jikalau layaknya didudukkan dia pada tempat itu sekalipun, terkadang keluar tutur katanya dengan kasar dan bongkak sebab ia memandang segala orang itu hina sahaja daripadanya. Shahdān maka perkara yang tersebut itu semuanya meliarkan dan membencikan hati orang yang mempunyai mata hati, ya'nī orang yang ber'aqal dan banyaklah perkara takbur ini tersebut di dalam kitāb-kitāb ahli al-ṣūfī, apalagi di dalam *Qur'ān* dan *Ḥadīth*. Qadarkan disebut di sini menjagakan bagi Raja-raja dan Orang Besar-besar daripada ṣifat yang keji ini. Jika berkehendakkan lebih seperti segala tafṣīlnya, rujū'lah kepada segala kitāb taṣawwuf yang menyebutkan perkara kecelaan hati.

Bermula ubatnya hilang takbur itu maka hendaklah ditilik datangnya ṣifat takbur itu – adakah datang daripada 'ilmu; atau rupa; atau daripada quwwāt dan gagah; atau daripada harta benda dan; atau kebesaran? Maka ia itu ubatnya *'alā al-jumlah,* hendaklah / (51) difikirkan mudah berganti-gantian segala yang tersebut itu, kerana beberapa orang yang ber'ilmu jadi bodoh sebab hilang 'aqal; dan beberapa orang yang berbangsa menjadi hina; dan beberapa orang yang baik rupa menjadi jahat rupa sebab kena penyakit dan beberapa orang yang kaya menjadi miskīn; dan beberapa orang yang gagah jadi lemah sebab penyakit atau lainnya. Betapakah kita hendak takbur segala ṣifat yang tersebut itu? Inilah setengah daripada ubatnya, *'ala al-jumlah.* Jika kita hendak habiskan segala bicara takbur itu, tiliklah kepada kitāb yang panjang-panjang adanya. *Intahā.*

Ghaḍab

Bermula pemarah ini ṣifat yang kecelaan yang di dalam hati hendaklah Raja-raja dan Orang Besar-besar menjauhkan ṣifat ini kerana Raja-raja dan Orang Besar-besar apabila pemarah pada yang bukan diharuskan shara', maka jadilah membinasakan beberapa orang yang kecil-kecil dan orang yang lemah sebab takutnya dan gerunnya atau sebab bencinya terkadang tiada sampai adu-aduan mereka itu setengah atas setengahnya sebab takutkan murka dan marah. Terkadang melarat pula sampai jatuh kebinasaan ra'yat isi negeri ada yang terkena palu; ada yang terkena ta'zīr; ada yang terkena 'ayb. Dan dengan sebab pemarah itu, jika tersangat

sampai menghilangkan ʿaqal dan malu dan sampai melalui ḥad shara' dan sampai menghilangkan marwah sebab berbantah dan berkelahi dan berbunuh-bunuhan dan berluka-lukaan sebab bertumbuk dan berpalu atau bermaki-makian. Semua yang tersebut mencederakan kerajaan dan mencederakan Orang Besar-besar adanya. *Intahā.*

[52]Al-Ḥasad

Bermula ḥasad yaʿnī dengki itu satu ṣifat yang maha besar kecelaannya barang yang di dalam hati wājib segala manusia apalagi Raja-raja dan Orang Besar-besar maka ia itu *min bāb al-awlā,* kerana ṣifat dengki itu membawa kepada kebinasaan dirinya hingga sampai membinasakan orang yang lainnya *naʿudhū biʾLlāh minhā.* Bermula maʿnā dengki itu ia itu suka seorang akan hilang niʿmat seorang yang lainnya sama ada nikmat dunyā atau niʿmat agama dan jika datang dengki kepada hati seorang dengan tiada ikhtiyār. Maka tidak diikutkan dengki itu dan tidak diẓāhirkan kepada anggotanya dengkinya itu serta benci ia akan gerak hatinya yang dengki itu bersungguh-sungguh, ia mencari daya upaya melepaskan dengki hatinya maka iaitu tidaklah menjadi muḍarat. Dan jikalau diikutkannya dengkinya itu serta diẓāhirkannya kepada anggotanya seperti keluar perkataannya mencela atau mencacat akan orang yang didengkinya itu, atau ditegahkannya apa-apa kebajikan yang hendak datang kepada orang yang didengkikannya itu sama ada biar pulang niʿmat orang yang didengkikannya itu kepadanya atau tidak, maka bernamalah dengki yang jahat lagi ḥarām dosa besar, kerana sejahat-jahat orang hendak menanggalkan niʿmat orang dan perolehan orang yang diberi Allāh Taʿālā kepada seorang dikehendaki-Nya, biar dia pula mendapat niʿmat itu atau perolehan itu. Allāh! Allāh! Inilah orang yang celaka bedebah yang didapatnya juga balas kejahatan itu di dalam dunyā dan di dalam akhirat. Adapun kecelakaan dengki dan bahayanya itu di dalam dunyā dan di dalam akhirat amat banyak seperti yang tersebut di dalam *Qurʾān* dan /(53) di dalam *Ḥadīth* beberapa kitāb *al-ʿUlamāʾ.* Akan tetapi, pada kitāb ini dipendekkan perkataannya sekadarkan disebut sekira-kira nyata bahayanya di dalam dunyā dan di dalam akhirat, jadi penjagaan kepada Raja-raja dan kepada *Ahl al-Maḥkamah* maka iaitu inilah ia. *Intahā* *

Bahaya dan Kebinasaan Dengki

1. Pertama, membinasakan amal ibadat tiada mendapat pahala sedikit jua pun habis amal 'ibādatnya itu dimakan oleh dengki seperti memakan api akan kayu yang kering;
2. Kedua, dengan sebab dengkinya itu membawa kepada ma'ṣiyat seperti mengumpat dan berbuat bohong dan terkadang sampai bermaki-makian dan sukakan orang yang didengkinya itu mendapat balā' atau sampai berbantah dan berkelahi dan bertumbuk dan bertinju dan bertikam *na'udhū bi'Llāh minhā;*
3. Ketiga, dengan sebab dengki itu, tertegahnya shafa'at Rasūlu'Llāh kepada hari qiyāmat kerana sabda *Rasūlu'Llāh Ṣallā'Llāh 'alayhi wa Sallam,* "Orang yang dengki itu bukan daripada aku";
4. Keempat, masuk neraka kerana perbuatannya yang dengki seolah menyalahkan Allāh Ta'ālā yang mengurniakan atas hamba-Nya, seolah-olah Allāh Ta'ālālah yang dimarahkannya itu;
5. Kelima, terkadang membawa kepada muḍarat kepada orang yang didengkinya itu, seperti diperbuatnya fitnah yang bukan-bukan patuh sebab inilah *Rasūlu'Llāh Ṣallā'Llāh 'alayhi wa Sallam* menyuruh berlindung kepada Allāh daripada kejahatan si pe[n]dengki seperti berlindung daripada kejahatan shayṭān yang kena rejam dan yang kena la'nat seperti yang tersebut di dalam *Ḥadīth*;
6. Keenam, orang yang dengki itu sentiasa di dalam balā' susah dan di dalam balā' duka /(54) cita serta bersama dosanya yang tiada bercerai kerana orang yang didengkikannya itu tiada lepas daripada ni'mat dengan sebab dengkinya itu jadi duduklah ia sehari-hari di dalam susah hendak mencari tipu ḥīlah biar orang yang didengkikannya itu jatuh, *na'udhū bi'Llāh minhā;*
7. Ketujuh, orang yang dengki itu dibutakan Allāh Ta'ālā mata hatinya hingga tiada mendapat faham suatu ḥukūman daripada ḥukūm Allāh Ta'ālā yang mulia sebab hatinya terlalu benak diselaputi oleh dengki itu;
8. Kedelapan, orang yang dengki itu tertegah daripada sampai maqṣūdnya dan ḥājatnya dan tiada ditolong Allāh Ta'ālā atas seterunya, sebab benci Allāh Ta'ālā akan dia dan orang yang didengkikan itu juga yang mendapat seperti kehendaknya dari

sebab si dengki itu orang yang ẓālim dan yang didengkikannya itu orang yang kena *maẓlūm*. Bermula Allāh Taʿālā itu ʿĀdil lagi Mengasihani akan hamba-Nya yang kena *maẓlūm*, yaʿnī yang teraniaya oleh si dengki adanya. *Intahā*.

Ubat dengki

Adapun ubat penyakit dengki itu iaitu dengan ʿilmu dan ʿamal adapun ʿilmu ingatkanlah baik-baik kejahatan dengki dan celakanya dan bahayanya seperti yang telah tersebut itu. Adapun ʿamal, maka hendaklah tilik benar-benar hati kita dan jaga-jaga benar-benar kehendak hati yang hendak dengki itu jangan terlepas keluar kepada anggota. Shahdān, jika datang dengki itu hendak mencacat atau mencela akan dia—tukarkan dan keluarkan dengan lidah membaiki dan memuji akan orang yang didengkikannya itu; dan jika datang dengki kita hendak takbur atasnya—tukarkan /(55) dengan kita rendahkan diri kepadanya; dan jika datang dengki kita itu hendak menjatuhkan orang yang didengkikan itu—cari ʿaqal dan ḥīlah supaya bertambah-tambah naiknya, yaʿnī naik kepada pangkat dan darjat; dan jika datang dengki kita hendak menahan niʿmat kepada orang yang didengkikan itu—gagahkan nafsū kita dengan menyampaikan niʿmatnya; dan jika datang dengki kita hendak menduʿākan dia dengan kejahatan—maka tukarkan dengan menduʿākan dengan kebajikan. Shahdān, apabila kita perbuatlah ubat ʿamal ini, inshāʾ Allāh Taʿālā, mudah-mudahan sembuhlah penyakit dengkimu itu, seperti berbanyak-banyak duʿā kepada Allāh Taʿālā, minta sembuhkan penyakit dengkimu itu, kerana dengki ini penyakit pusaka daripada Iblīs *laʿnatuʾLlāh*. Tatkala Allāh Taʿālā mula-mula hendak menjadikan datuk nenek kita, *Nabī Allāh Ādam ʿalayhi salam*, seperti yang tersebut di dalam *Qurʾān al-ʿAẓīm*. Sayogianya hendaklah Raja-raja dan segala Orang Besar-besar menjauhkan penyakit najis berdengki-dengkian itu kerana apabila banyaklah dan ẓāhirlah di dalam satu negeri akan ahlinya banyak berdengki-dengkian, ʿalāmat negeri itu akan binasa juga akhirnya, apa lagi orang besarnya berdengki-dengkian mungkin segeralah binasanya. Maka hendaklah Raja itu baik-baik benar siyāsat kepada qawm qarābatnya dan kepada Menteri hulubalangnya yang berdengki-dengkian itu dan jika didapat hendaklah cari ʿaqal dan ḥīlah supaya tertegah pekerjaannya dengan apa-apa jalan dengan dipujuk akan dia atau

disuluhkankah dengan pekerjaan yang patut. Dan jika tiada juga ia mahu menerima dengan dua jalan /(56) itu, maka dilepaskanlah ia daripada jabatannya atau dinyahkan daripada dalam negeri kerana jika mawjūd orang yang demikian itu di dalam negeri, tiada dapat tiada yang Raja itu susah juga diperbuatnya. Akhir-akhirnya kembali kepada kebinasaan negeri jua kerana apabila Orang Besar-besar di dalam negeri atau kebanyakan ra'yat di dalam negeri itu berdengki-dengkian, nescaya banyaklah aduan kepada Raja serta banyaklah adu-aduan yang dusta dan umpat puji dengan tiada sebenarnya. Terkadang jika banyak perda'wāan dan perbantahan di dalam negeri itu, serta lemah Raja daripada membicarakan dia, sehingga berpukul-pukulan atau berbunuh-bunuhan adanya, Raja pun mendapatlah kesusahan yang maha besar sebab negerinya gaduh. Shahdān, inilah kebinasaan dan kerosakan apabila banyak isi negeri itu berdengki-dengki dengkian bermula Raja yang 'adil itu bersungguh-sungguh ia pada mencarikan maṣlaḥah melepaskan daripada jalan yang membawa kebinasaan ini adanya. *Intahā.*

Keempat: Ṭama'

Ya'nī loba kepada perolehan dunyā dan loba pada perolehan hawā nafsū yang melampau daripada ḥad shara', iaitu sangat dicela kepada segala manusia apa lagi kepada Raja-raja dan kepada Orang Besar-besar kerana dengan sebab ṭama' itu mendatangkan beberapa kejahatan seperti menghilangkan malu atau melelahkan bādan berusahakan loba yang berlebihan-berlebihan. Terkadang dengan sebab ṭama' itu membawa kepada ẓālim dan aniaya kepada orang, sampai membawa khiyānat kepada harta benda orang; atau kepada nyawa bādan orang; atau kepada kemaluan orang; apa lagi Raja-raja dan orang /(57) besar-besar dengan ṭama' loba serta mengikut hawā nafsū yang jahat itu sampai khiyānat akan anak isteri orang dan dengan sebab ṭama' loba itu pula jadi aniayai kepada ḥukūman. Terkadang membawa pula cedera kepada nama serta membawa kepada yang diḥarāmkan, seperti menerima rashuwah di dalam membicarakan orang dan lainnya. Maka hendaklah Raja-raja dan Orang Besar-besar menjauhkan loba ini kerana membawa kepada menyakiti ra'yat dan isi negeri adanya. *Intahā.*

Kelima: Bakhīl

Setengah daripada ṣifat kecelaan bakhīl, ya'nī kikir. Bermula bakhīl itu ṣifat kecelaan yang membawa cacat kepada segala manusia, istimewa pula kepada Raja dan kepada Orang Besar-besar. Dan apabila Raja-raja dan Orang Besar-besar berṣifat bakhīl, nescaya putuslah pengharapan faqīr miskīn yang di dalam negerinya. Terkadang membawa pula kepada menghilangkan marwah pada pekerjaan yang mustaḥaq yang diharuskan mengeluarkan belanja, seperti membalas persembahan orang atau membalas hadiah Raja-raja dan Orang Besar-besar yang sedarjat dengan dia atau mengurangkan qadar pembalasannya itu sebab kerana bakhīl itu. Terkadang membawa pula kepada berdosa seperti tiada menyempurnakan dan memecukaikan ḥaq *maṣrūf*[16] ahlinya. Terkadang membawa pula kepada ẓālim dan 'ayb, iaitu seperti menahan atau mengurangkan upah dan nafkah segala biduanda yang berkhidmat kepadanya.

Shahdān, segala yang tersebut itu jadi cacat dan cedera kepada Raja-raja dan kepada Orang Besar-besar terkadang mendapat bahaya yang amat besar di dalam /(58) akhirat, seperti tiada mahu mengeluarkan zakāt yang difarḍu Allāh Ta'ālā dan berapa lagi bahayanya *khuṣūṣan* pula melarat bakhīlnya itu yang memberi cedera kepada kerajaan daripada pihak *maṣrūf* segala menteri-menteri dan Orang Besar-besar dan pegawai-pegawai yang tetap pada pekerjaannya; yang tiada memberi cacat di dalam pekerjaan, yang memberi endah kepada kerajaan. Maka tiada disampaikan *maṣrūf*-nya yang patut dan layak kepadanya atau diberinya, akan tetapi tiada mencukupi kepada ḥaqqnya dan kepada nafqah ahlinya serta kuasa Raja itu menyempurnakan dia, maka tiada disempurnakannya sebab bakhīl. Maka ia itu amat cedera kepada nama kerajaan kerana segala mereka itu yang tersebut itu jika tiada disempurnakan ḥaqnya, nescaya bimbanglah ia di dalam memegang jabatan dengan sebab mencari usaha atau ḥīlah supaya mencukupi ḥaq ahlinya. Maka apabila di dalam pekerjaan perhadapan satu, maka bercabang dua dengan yang lainnya, nescaya kuranglah sempurnanya pekerjaan itu. Terkadang jika mereka itu kurang-kurang ṣabarnya dan malunya sampai juga memberi 'ayb pada kerajaan seperti menerima pemberian orang di dalam bicara menang kalahnya atau menerima rashuwah yang diḥarāmkan, maka

16 Ar Perbelanjaan

iaitu jika salah pun pada pekerjaannya. Akan tetapi, berdiri ḥujahnya datang sebabnya itu daripada bakhīl Raja itu. Ingat hubaya-hubuya, hendaklah Raja itu ingat baik-baik pada kebinasaan ini demikian lagi hendaklah dipeliharakan bersungguh-sungguh menahan daripada bakhīl yang membawa kepada me[ng]hampakan negeri daripada orang yang *ṭalab al-'ilm*, iaitu hendaklah berani mengeluarkan belanja daripada tempat kanak-kanak atau orang yang 'aqil baligh *ṭalab al-'ilm* seperti dibelanjakan memperbuat madrasah dan kitāb /(59) dan serta maṣrufnya atas ahli ṭalab al-'ilmi 'alā qadar kuasa Raja khurujat yang ḥāṣil daripada kerajaan, supaya banyak orang yang ber'ilmu dan beradāb di dalam negerinya, kerana di dalam negeri apabila tiada berdiri madrasah—ya'nī tempat orang belajar 'ilmu dan belajar adāb dan barang sebagainya daripada 'ilmu yang dipuji shara' dan kitāb ya'nī tempat kanak-kanak belajar Qur'an—nescaya banyaklah ra'yat-ra'yatnya jadi jahil dan bangsat tiada beradāb dan bersopan serta kurang malunya serta tiada takut akan Allāh Ta'ālā sebab jahil akan ḥalāl dan ḥarām dan ṣaḥ dan baṭal dan farḍu dan sunnah. Maka apabila berpanjangan dengan yang demikian itu maka banyaklah orang yang jahat-jahat di dalam negerinya seperti pencuri dan perompak dan penyamun dan barang sebagainya.

Shahdān boleh juga dibuang kejahatan ini dengan kekerasan Raja seperti dilanggar dan diperangi dibunuh dan ditangkap dibuang dan dipersiksa dengan pekerjaan yang bersakit-sakit dan bersusah-susah terkadang hilang satu timbul satu yang lain hingga berganti-ganti dengan yang demikian berpanjangan sebab berhenti pekerjaan yang jahat itu kerana takut akan Raja juga, bukannya kerana takut akan Allāh Ta'ālā atau beradāb dan bersopan dan bermalu maka apabila alpa sedikit kawal Raja dan jika Raja kembali pula ia semula pada pekerjaannya demikianlah ḥālnya. Shahdān jika mereka itu takut akan Allāh Ta'ālā serta bermalu dan bersopan dengan sebab ada 'ilmunya di dalam hatinya yang menerangkannya bādannya daripada membezakan baik dengan jahat, maka iaitu diri sendirilah membawanya dengan tiada susah dan payah di atas /(60) Raja-raja dan Orang-orang Besar membuangnya—dan demikianlah segala siyāsah *Anbiyā'* dan *Awliyā'*. Sebab itulah firmān Allāh Ta'ālā di dalam *Qur'ān al-'Aẓīm*:

وَلْتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ[17]

> Ya'nī, "Hendaklah jadikan setengah daripada kamu itu seorang umat menyeru kepada kebajikan dan dengan ma'rūf dan menegah daripada yang munkar" hingga akhir ayat.

Bermula maksudnya hendaklah pada satu-satu negeri yang dusun seseorang itu Wu'āẓ, ya'nī orang yang mengajar dan menjaga akan menyuruh kepada berbuat baik dan melarang dengan berbuat jahat dengan mengajar takut akan Allāh Ta'ālā supaya mereka itu taat kepada Allāh Ta'ālā menjauhi ma'ṣiyat daripada yang diḥarāmkan Allāh Ta'ālā seperti menyamun dan merompak dan mencuri dan lainnya—segala yang ditegahkan Allāh Ta'ālā. Serta disukakan mereka itu dengan shurga jika ia menjauhi segala yang tersebut itu, dan menakuti dengan neraka jika mereka itu mengerjakan segala yang ditegahkan Alla Ta'ālā dan lainnya. Diajarkan atas mereka itu mana-mana yang disuruhkan shara', mudah-mudahan nipis hati mereka itu mendengar dan mengikut ajarannya itu. Maka jadilah manfa'at yang besar di atas negeri serta *āmān al-āmān*. Maka sepatutnyalah atas Raja-raja membuangkan belanja pada mengerjakan segala yang tersebut itu supaya jangan mendapat bahaya bakhīl itu seperti yang tersebut di dalam beberapa kitāb yang lainnya. Maka tiadalah disebut pada mukhtaṣar ini adanya. *Intahā.*

Keenam: Maghaffal

Setengah daripada ṣifat kecelakaan *maghaffal*, ya'nī lalai dan lengah pada /(61) mentadbirkan kerajaan. Maka ia itu sangat memberi cacat dan memberi cedera kepada Raja-raja dan kepada orang -orang besar. Adapun sebab lalai dan lengah itu beberapa sebab: Setengah daripadanya lalai dan lengah bermain dengan perempuan di dalam istananya, seperti isterinya dan gundiknya, sehingga kepayahan segala Orang-orang Besar dan segala ra'yat tentera hendak berjumpa mengadap hendak meshuwarat akan perkara negerikah atau lainnya, dan kepayahan pula ra'yat hendak mengadu ḥālnya dengan sebab Raja atau Orang-orang Besar tiada turun ke majlis pengadapan sebab lalai dan lengah dengan bersuka-sukaan

[17] Sūrah Āli 'Imrān: 104.

dengan isi istananya; dan setengah daripadanya sebab lalai dan lengah dengan permainan yang sia-sia atau dengan pekerjaan yang sia-sia yang terlampau daripada ḥad yang dibilangkan kepada ḥājat, seperti lengah dengan bermain catur dan tabal atau lengah dengan bermain biola dengan tepuk tari dan nyanyi. Sekira-kiranya dipenuhkan segala waktu dengan permainan yang sia-sia itu terkadang membawa kepada ḥarām seperti melupakan sembahyang dan lupakan wirid, dan setengah daripadanya lalai dan lengah dengan tidur dan baring sebab menurutkan hawā nafsū yang malas, terkadang berjaga sepanjang malam dan tidur sepanjang siang, dan terkadang di dalam sehari semalam empat lima kali berbalik-balik tidur dan jaga. Maka segala yang tersebut itu memberi cacat dan cedera kepada Raja-Raja dan kepada orang-rang besar adanya. *Intahā.*

Ketujuh: Isrāf

Setengah daripadanya ṣifat kecelaan *isrāf*, ya'nī berlebih-lebihan. Bermula adalah isrāf ini berapa macam, setengah daripadanya berlebih-lebihan pada membuangkan harta yang tiada /(62] memberi fa'īdah kepada shara' dan kepada 'ādat dan membanyak-banyakkan membuangkan harta pada pekerjaan lampau yang daripada 'ādat dan daripada ḥājat sebab mengikutkan hawā nafsū shayṭān. Adalah rupanya itu seperti membuangkan belanja yang lebih daripada marwah dan kemaluan, sekira-kira cukup dengan sedikit belanja pada menolakkan marwah dan kemaluan itu, maka tiba-tiba dibuangkan belanja dengan yang amat banyak harta ada mawjūd yang terlebih farḍu daripada itu. Bermula isrāf ini mendatangkan papa atau mengosongkan khazānah perbendaharaan, terkadang membinasakan kerajaan seperti datang suatu pekerjaan yang besar pada ḥāl harta tiada di dalam khazānah negeri, maka jadilah binasa. Terkadang ma'nā *isrāf* itu tiada hirau akan suatu daripada harta benda dan alat senjata dan tanam-tanaman dan rumah kampung. Adapun harta benda dibiarkan rosak binasa dimakan (h)ulat dan semut atau dibiarkan pecah belah tiada hiraukan; adapun senjata dibiarkan rosak dimakan karat serta tiada ditentukan seorang memeliharakan; adapun kampung halaman rumah tangga dibiarkan cemar-cemar dan sampah; adapun tanam-tanaman dibiarkan rosak binasa di makan (h)ulat dan tiada

digembu'kan dan tiada dibuang rumputnya, maka segala yang tersebut itu setengah daripada ma'nā *isrāf* juga. Maka hendaklah Raja-raja dan Orang-orang Besar itu memeliharakan kecacatan dan kecederaan ini supaya jangan hilang *'izzah*nya adanya. *Intahā.*

Kedelapan: al-Mazaḥ

Setengah daripada ṣifat kecelaan *al-mazaḥ* dan *mustahzā'* ya'nī bergurau-gurau dan mempersendakan orang dan memperolok-olokkan dia iaitu sangat pula cacat dan cela kepada /(63) Raja-raja dan kepada Orang Besar. Bermula dikehendaki bergurau-gurau dan bersenda-senda di sini yang melampaui daripada yang diharuskan shara', iaitu seperti bergurau-gurau dengan perkataan yang kotor atau dengan kelakuan yang keji-keji seperti bertumbuk-tumbuk dan berpukul-pukulan yang memecahkan kain baju atau yang menyakiti bādan, maka iaitu ditegahkan. Adapun bergurau-gurau yang sedikit dengan mulut serta dengan perkataan yang halus, maka ia itu tiada mengapa, terkadang diharuskan pula seperti bergurau-gurau kerana menyuka[k]an, jamuan atau hendak menyukakan hati ṣaḥābat handai kerana menunjukkan dia, maka ia itu pekerjaan yang patut. Adapun mempersenda-sendakan orang dan memperolok-olokkan dia dengan dihina-hinakan yang memecahkan hatinya seperti diconteng dengan (h)arang mukanya atau ditelanjangkan atau diikat kaki tangannya dan barang sebagainya daripada pekerjaan yang menghinakan dia ia itu ḥarām lagi tertegah adanya *Intahā.*

Kesembilan: al-Kadhib

Setengah daripada ṣifat kecelaan kepada lidah *al-kadhib,* ya'nī dusta; *mukhalaf wa'd*, ya'nī menyalahi janji; *al-kalam al-fāḥish*, ya'nī perkataan yang keji-keji. Maka hendaklah Raja-raja dan Orang-orang Besar itu menyucikan lidahnya ṣifat yang tiga perkara ini kerana apabila Raja-raja dan Orang-orang Besar itu berbuat bohong yang tiada diharuskan shara', nescaya kurang *'adalah*-nya hingga menjadi saksi pun tiada harus. Dan apabila Raja-raja dan Orang-orang Besar itu menyalahi janji dengan tiada 'uzūr shara', jadilah ia orang Munāfiq, ya'nī lain di luar lain di dalam. Dan apabila Raja-raja dan Orang-orang Besar itu bertutur kata dengan yang keji seperti mencarut dan memaki-maki di majlis pengadapan /(64) tertukarlah kebun bunga-

bungaan dengan tempat membuang najis, ya'nī diibaratkan tempat majlis Raja-raja dan Orang-orang Besar itu kebun bunga-bungaan dan perkataan yang keji-keji itu tempat orang membuang najis adanya. *Intahā.*

Kesepuluh: al-Jaz'u

Setengah daripada ṣifat kecelaan itu *al-jaz'u*, ya'nī keluh kesah ketika kedatangan sesuatu balā' dan susah. Maka hendaklah Raja-raja dan segala orang besar-orang besar jangan keluh kesah pada ketika kedatangan balā' dan susah, hendahlah ia tetap serta tajam memandang dengan mata hatinya segala balā' dan susah yang datang itu, serta ṣabar dan tawakkal kepada Allāh Ta'ālā berpegang kepada janji yang sebenarnya serta me[ng]ḥaybatkan diri dan merupakan berani kepada segala ra'yat yang di dalam negeri khuṣūṣan pula jika balā' dan susah itu daripada pekerjaan bermusuhan, ia itu maka hendaklah bersungguh-sungguh menetapkan kelakuannya. Akan tetapi, disertakan dengan jaga dan ingat dan sedia pada menolakkan balā' itu kerana ra'yat tentera di dalam negeri, keluh kesah mereka itu dengan sebab keluh kesah Raja. Dan lāzimlah Raja dan segala Orang-orang Besar menetapkan mereka itu supaya tiada huru-hara negeri adanya. *Intahā.*

Kesebelas: 'Ajalah

Setengah daripada ṣifat kecelaan dan memberi cacat dan cedera kepada Raja-raja dan segala Orang-orang Besar *'ajalah*, ya'nī gopoh kepada pekerjaan yang harus diperlahankan. Lawannya *ta'annī*, ya'nī berperlahanan serta lemah lembut pada pekerjaan yang /(65) dinanti-nantikan kebajikan di belakangnya. Shahdān gopoh itu ṣifat kecelaan kepada segala manusia dan jika mawjūd kepada Raja-raja dan Orang-orang Besar, maka terlebih segera pada membinasakan kerajaan. Dengan sebab gopoh ini kepada Raja-raja dan kepada Orang-orang Besar, banyaklah orang yang terkena ḥukūman sebelum lagi tetap salahnya atau tersamar salahnya dengan sebab pengakuan dan saksi yang tiada dapat dengan sharaṭ saksi atau dengan sebelum habis sharaṭ periksanya, jadi ada yang mendapat pukul dan ada yang mendapat bunuh, ada yang mendapat membayar wang dengan bukan mustaḥaqnya. Dan jika sekira-kira berperlahanan nescaya

mendapatlah kenyataan dan kebenarannya itu, maka inilah sebab ditegahkan gopoh, apa lagi gopoh pada menerima perkataan orang yang tiada ʿādil, maka iaitu sangatlah memberi muḍarat kepada Raja-raja dan Orang-orang Besar kerana orang yang tiada ʿādil dan orang yang fāsiq-fāsiq itu ghālib perangainya, kurang malunya. Jika kedapatan bohong dan tiada pula ia hiraukan jadi muḍarat kepada orang, sebab ia tiada takut akan Allāh Taʿālā *khuṣūṣan* pula jika ada perkhabaran itu fitnah kepada seterunya, maka iaitu tiada harus sekali-kali segera dipakai dan masuk pula pekerjaan seteru itu orang baik-baik dengan orang jahat-jahat dan orang fasiq dengan orang yang ʿālim-ʿālim yang mengamalkan ʿilmunya kerana mereka itu seolah-olah mata-mata Allāh Taʿālā, terlebih maʿlumlah kita barang siapa yang hendak berbuat jahat mencuri dan menyamun. Barang siapa baginya daripada melangar perintah Raja, maka bencilah ia akan mata-mata itu keranalah inilah *Nabī-nabī ʿalayhi al-salām* dan *Awliyā'-awliyā' raḥmat Allāh ʿalayhim,* beberapa seteru mereka itu daripada orang yang /(66) jahat-jahat seperti yang tersebut di dalam qiṣah-qiṣah segala *Anbiyā'* dan *Rasūl ʿalayhi al-salām* dan *Aṣḥāb raḍiya'Llāhu ʿanhum ajmaʿīn.*

Furuʿ

Ini satu cawang adalah muḍarat kepada diri Raja-raja dan Orang-orang Besar dan kepada orang lainnya. Inilah misalnya seperti seorang Raja atau seorang Orang Besar-besar serta datang seorang orang mengadukan kepadanya kejahatan seorang dengan katanya begini-begini, padahal Raja dan Orang Besar-besar itu belum tahu akan yang mengadu dan diadukan itu akan aḥwāl keduanya, ketiga perkara:

1. Pertama, fāsiqkah atau ʿādilkah salah seorang daripada keduanya itu;
2. Kedua, adakah ia sudah ber*ʿadāwah,* yaʿnī berseteru antara keduanya itu;
3. Ketiga, adakah keduanya itu berdengki-dengkian, serta yang diperbuatkannya sama ada pada harta atau pada kebesaran atau perolehan.

Maka sebelum ẓāhir kepada Raja dan kepada Orang-orang Besar ḥāl yang tiga ini, maka didahulukannya marah yang amat sangat

serta perkataan yang keji seperti dipermaki dan dipersumpah, terkadang disuruh *jundī* atau 'askar memanggilnya dengan keras, disuruh runtunkan dan dihilakan dengan kehinaan serta dihilangkan 'izzahnya seperti diikat dan dipasung atau dibelenggu. Maka tatkala diperiksa maka didapati kebenarannya, maka disuruhlah lepaskan pada ḥāl hamba Allāh itu sudahlah kena murka dan kena hinakan dengan diruntun rentak dan pasung belenggu seperti sudah setengah kena ḥukūman yang besar, istimewa pula orang baik-baik yang *ta'affuf,* satu kalimah perkataan yang keji-keji seperti seratus cemeti atasnya, maka Orang-orang Besar yang /(67) sudah memperbuat demikian itu disangkanya lepaslah dirinya daripada sebab sudah dilepaskannya daripada ḥukūman pada ḥāl lupa lalai ia yang sudah kena dengan kemaluan dan kehinaan orang yang diperbuatnya dengan gopohnya itu, maka tergantunglah kepada batang lehernya kemaluan dan kehinaan orang itu hingga mawt. *Intahā.*

Shahdān inilah atas orang yang *mastur*, ya'nī orang yang tertutup ḥālnya daripada orang yang baik-baik. Adapun orang yang ẓāhir sudah kejahatannya, dan tiada mempunyai malu dan marwah seperti pencuri dan penyamun yang mashhūr, maka iaitu atas ijtihād Raja-raja dan Orang-orang Besarlah pada menẓāhirkan mereka itu kepada orang yang jahat dengan sekira-kira layaknya jua. Shahdān lagi pula hendaklah Raja-raja dan jangan gopoh barang yang hendak dikurniakan dengan seorang melainkan dengan sehabis-habis meshuwarat dahulu iaitu empat pekerjaan:

1. Pertama, pekerjaan memulai perang;
2. Kedua, pekerjaan memberi nama dan gelaran;
3. Ketiga, pekerjaan memberi cap dan mohor dan tandatangan,
4. Keempat, pekerjaan memberi kuasa dan menyerahkan suatu kepada seorang.

Maka pekerjaan yang empat ini maka hendaklah didahulukan mesyuarat yang kebajikan adanya. *Intahā.*

Kedua Belas: Taswīf

Ṣifat kecelaan yang memberi cacat kepada Raja-raja dan kepada segala Orang-orang Besar—*taswīf*—ya'nī melanjutkan akan pekerjaan yang kebajikan tetap pada 'aqal dan pada 'ādat patut

dikerjakan maka dilambat-lambatkannya, maka jadilah binasa beberapa pekerjaan dan meluputkan beberapa kebajikan. Bermula *taswīf* ini bukannya seperti /(68) *ta'annī*, seperti yang telah disebut itu kerana ta'annī berperlahanan serta ṣabar dan lemah lembut pada pekerjaan yang dinanti-nanti akan kebajikan di belakangnya atau kenyataan benar salahnya di belakangnya pada ḥāl pekerjaan itu di dalam shubhat dan di dalam tersamar kenyataannya, maka *ta'annī*-lah yang dipakai di sini. Adapun taswīf melembutkan pekerjaan yang tetap pada shara' dan pada 'ādat patut dikerjakan sebab cukup sharaṭ dan tiada sesuatu *māni'*, maka dilambatkannya mengerjakan dia. Maka jadi *taswīf* itu beberapa sebab:

1. Pertama, sebab lalai yang telah tersebut pada yang keenam daripada ṣifat yang kecelaan itu;
2. Kedua, sebab malas dan sejuk rahsianya datangnya daripada jahil atau bodoh atau kurang malu atau kurang takut akan Allāh Ta'ālā;
3. Ketiga, *taswīf* itu sengaja jahat perangai dan ẓālim mengikutkan hawā nafsū shayṭān yang kena rejam.

Sebab inilah terlebih ḥaq ke atas Raja-raja dan Orang-orang Besar mendengar suatu pekerjaan yang mencacatkan kepada kerajaan dan negerinya, hendaklah segera diperiksa serta dibicarakan. *Intahā.*

Ketiga Belas: Lam Yajza' al-Khayr

Setengah daripada ṣifat kecelaan kepada Raja-raja dan kepada Orang-orang Besar itu tiada membalas orang yang membuat baik dan berbuat jasa kepadanya *khuṣūṣan* pula orang yang menambahi kebesarannya dan kemuliannya dan orang yang berani membuang nyawa sebab kerananya maka ia itu tiadalah layak kepada Raja-raja dan kepada Orang-orang Besar pekerjaan demikian itu. Shahdān maka hendaklah membalas Raja dan Orang-orang Besar kepada orang yang berbuat kebajikan kepadanya 'alā qadar layaknya, supaya rajin mereka itu /(69) mempersembahkan jasa kepadanya dan jika sudah mātī umpamanya yang berjasa itu, hendaklah juga ditampakkan kepada Ahl al-Baytnya yang tinggal. Adapun balasan Raja itu mana-mana qadar layaknya adanya. *Intahā.*

Keempat Belas: Lā Yubālā [bi-]al-Dīn

Setengah daripada ṣifat kecelaan kepada Raja dan kepada Orang-orang besar tiada hirau akan ugama dan meringan-ringakan ugama seperti meninggalkan sembahyang Juma'at dan meninggalkan puasa dan meninggalkan memberi zakāt dan meninggalkan menuntut 'ilmu, tiada hirau akan bulan-bulan yang mulia dan tiada membesarkan hari raya yang kedua, ya'nī Hari Raya Ramaḍān dan Hari Raya 'Ayd al-Aḍḥā serta hari tashrīqnya. *Intahā.*

Yang tersebut cacat itu yang besar kepada Raja dan kepada Orang-orang Besar kerana apabila Raja-raja dan Orang-orang Besar lemah kepada ugama dan tiada takutkan Allāh Ta'ālā, nanti segala ra'yatnya menurut kelakuan Raja dan kelakuan Orang-orang Besar, kerana apabila takut akan Allāh Ta'ālā keluar daripadanya beberapa kebajikan dan apabila tiada takut akan Allāh Ta'ālā keluar beberapa kejahatan, maka pekerjaan ini mujarab.

Bermula, kata setengah ḥukamā', bermula Raja itu tiga Raja:

1. Pertama, Raja Ugama, maka iaitu lāzimlah atas segala ra'yat mengikut akan dia kerana amar nahīnya muwāfaqat dengan segala ḥukūm shara';
2. Kedua, Raja yang memeliharakan segala yang diḥarāmkan, maka bahawasanya mendirikan ia pekerjaan ugama dan pekerjaan dunyā dan lazimlah atas segala manusia dengan mengikut shara' dan memeliharakan atas segala marwah dan jadilah ia yang menghimpunkan antara qalam dan pedang, maka barang siapa berpaling daripada *shaṭr*[18] /(70) qalamnya, tergelincir dengan dia tapak kakinya, maka dibetulkannya segala yang bengkok dengan ḥad yang memutuskan, ya'nī pedang. Dan terhamburlah 'ādilnya pada sekalian manusia
3. Ketiga, Raja Hawā, ya'nī Raja yang tiada tahu akan ma'nā Raja yang telah tersebut kepada Bāb yang Pertama dan kepada Faṣal yang Kedua di dalam kitāb ini. Ia itulah Raja yang sesat sangkanya pada ma'nā kerajaan kerana sangkanya, ma'nā Raja itu memperbuat apa sukanya di atas ra'yatnya jadilah ia mengikutkan hawā nafsūnya tiada tahu akan ḥalāl dan ḥarām dan dosa dan pahala dan ṣaḥ dan baṭal serta melalaikan dia daripada memenuhkan perutnya dengan makanan yang ladhat-

18 Ar Bahagian

ladhat dan membaṭalkan ʿaqal cerdiknya dengan membanyakkan sekedudukan dengan perempuan sebab memenuhi shahwatnya serta ṭamaʿ dan lobanya pada beristeri dan bergundik sehingga berjalanlah segala ʿaskarnya segenap dusun dan kampung-kampung raʿyatnya mencari perempuan yang baik-baik rupa supaya memenuhi nafsū shahwat rajanya. Jadi banyaklah segala raʿyat tenteranya pecah belah hatinya sehingga liar hati mereka itu kepada rajanya dengan sebab perbuatan yang amat *ḍalālah* ini. Shahdān, apabila selesai daripada memuaskan hawā nafsū sesat pula, ia dengan lalai pada permainan yang sia-sia dengan tepuk tari dan nyanyi dengan serunai dan kecapi biola tiadalah ia hiraukan negerinya kerajaannya betapa adanya dan betapa tiadanya, maka Raja yang ketika ini ditakuti atasnya cemeti Allāh Taʿālā datang kepadanya *ammā* di dalam dunyā atau di dalam akhirat.

Seperti firmān Allāh Taʿālā tersebut di dalam Al-*Qurʾān al-ʿAẓīm*, *Qāla Allāhu Taʿālā:*

وَلاَ تَحْسَبَنَّ اللهَ غَافِلاً عَمَّا يَعْمَلُ الظَّالِمُونَ إِنَّمَا يُؤَخِّرُهُمْ لِيَوْمٍ تَشْخَصُ فِيهِ الأَبْصَارُ (الاية)[19]

> [71] Yaʿnī telah berfirman Allāh Taʿālā, "Jangan engkau sangkakan Allāh Taʿālā itu yang lalai daripada barang yang dikerjakan oleh segala mereka itu, yang ẓālim hanya sesetengah barang yang dita'khirkan mereka itu bagi hari yang tercelik di dalamnya segala mata". *Intahā tamm.*

Inilah akhir-akhir barang yang dikurniakan Allāh Taʿālā untukku pada menẓāhirkan sedikit tertib kerajaan dan rahsia pekerjaan *Ahl al-Maḥkamah* atas fahamku yang singkat dan atas ʿilmuku yang kurang, akan tetapi daripada sangat ḥājatku hendak menẓāhirkan atas qawm qarabatku pada tempatku ini maka aku perbuat juga ʿalā qadar fahamku yang kurang, jikalau aku bukan ahli daripada demikian itu sekalipun serta mengharap aku akan diampun dan dimaaafkan oleh Allāh Taʿālā barang yang tersalah dan terkurang di dalam kitāb ini adanya. Shahdān lagi sangatlah harap aku akan siapa-siapa orang yang ʿālim-ʿālim yang bertemu dengan kitābku ini, memeriksa dengan sebaik-baik periksa, barangkali ada yang lebih atau yang kurang atau cacat cederanya sama ada daripada lafaẓnya

[19] Sūrah Ibrāhīm: 42.

atau ma'nānya atau aturannya, maka segera betulkannya kerana adalah aku yang menghimpunkan kitāb ini singkat faham dan sedikit 'ilmu adanya. Tamatlah mukhtasar kepada sepuluh hari bulan Sha'bān, malam Thalatha jam pukul dua, sanah 1275.

'Alā yadd al-faqīr al-ḥaqīr bi-zanbin kathīr wa al-taqṣīr
al-rājī ilā 'afuwi mawlāhu al-Ghanī al-Raḥīm wa huwa
al-Ḥāj 'Alī ibn Raja Aḥmad ibn Raja Ḥāji,
Yang Dipertuan Muda al-Marḥūm
al-Shahīd fī sabīli'Llāh.
Intahā.

/(72) Kemudian maka diiringi pula dengan beberapa bayt shaʿīr yang munasabah, yaʿnī yang berpatutan bagi yang *waqiʿ* daripada perkataan yang tersebut di dalam kitāb ini supaya menjinakkan bagi hati yang liar. *Intahā.*

****

Inilah ia shaʿīrnya
dengar olehmu

Tamatlah kitāb dikarang orang
ʿaqalnya pendek ʿilmunya kurang
Daripada sangat ḥājatku girang
diperbuat juga sebarang-barang

Melepaskan hati yang terbuku
pengajaran kepada sekalian anakku
Mudah-mudahan betul tingkah dan laku
perangai yang baik biar terpaku

Dengarkan tuan ayahanda berperi
kepada anakanda muda bistari
Naṣiḥat kebajikan ayahanda beri
ʿamalkan jangan malas dan ngeri

Ayuhai anakanda muda remaja
jika anakanda menjadi Raja
Hati yang betul hendak disahaja
serta rajin pada bekerja

Kerja kebajikan janganlah malas
ẓāhir dan batin janganlah culas
Jernihkan hati hendaklah ikhlāṣ
seperti air di dalam gelas

Menuntut ‘ilmu janganlah segan
‘ilmu yang benar jangan yang bukan
Ia itu ‘ilmu yang kebajikan
di kitāb ini sudah disebutkan

/(73) Hendaklah anakanda mengaji selalu
dari yang lain lebihkan dulu
Ḥad Shara‘ jangan dilalu
tidaklah anakanda beroleh malu

Segala perbuatan dengan ber‘ilmu
maka kebajikan boleh bertemu
Jika sebarang barang diramu
akhirnya anakanda jatuh tersemu

‘Ilmu itu besar fa‘īdahnya
membezakan ḥaq dengan baṭilnya
Mengetahui ra‘yat benar salahnya
supaya diḥukūmkan dengan ‘ādilnya

Jika ‘ilmu tidak diindah
sebab anakanda capek permudah
Ra‘yat datang membawa gundah
anakanda tercengang tunduk tengadah

Hendak mengḥukūmkan tiada tahu
hendak diam hati tak mahu
Berpeluk tubuh tangan ke bahu
mengeluh mengucap mengata Allāhu

Terkadang duduk mendiamkan diri
sepatah tidak mengeluarkan peri
Penat duduk bangkit berdiri
lalu masuk ke dalam puri

Orang berdaʿwā duduk menanti
serta dengan bersakit hati
Ḥayran taʿjub tidak mengerti
sebab bicaranya belumlah pasti

Terkadang diḥukumkan dengan balādah
bukannya Sharaʿ bukannya ʿadah
Ambil lekas jalan yang mudah
supaya jangan berhati gundah

Jika demikian apa jadinya
ḥukūm tak betul dengan jalannya
Di hadapan majlis diterimanya
di belakang kelak diumpatnya

Jika yang benar kita hukumkan
di belakang jangan kita hiraukan
Umpat dan puji kita biarkan
kepada Allāh kita saksikan

/(74) *Faṣal 1*
Jika anakanda jadi menteri
orang berʿilmu anakanda hampiri
Lawan meshuwarat lawan berperi
supaya pekerjaan jadi ugahari[20]

Hendaklah periksa adābnya *wazīr*
di dalam kitāb sudah terukir
Hendaklah jauhkan pekerjaan munkīr
supaya jangan jadi gelincir

Jika tergelincir pekerjaan salah
pekerjaan anakanda beroleh lelah
Raʿyat tentera tentu bencilah
barangkali datang murkanya Allāh

[20] Tiada berkurang, tiada berlebih, *Kamus Dewan*

Jika anakanda menjadi besar
tutur dan kata janganlah kasar
Jangan seperti orang yang sasar
banyaklah orang menaruh gusar

Tutur yang manis anakanda tuturkan
perangai yang lembut anakanda lakukan
Hati yang ṣabar anak tetapkan
kemaluan orang anakanda fikirkan

Kesukaan orang anakanda cari
supaya hatinya tidak lari
Mashhūrlah anakanda di dalam negeri
sebab kelakuan bijak bestari

Hendaklah anakanda jagakan nama
mendirikan ḥaqq dengan saksama
Pekerjaan bid'ah jangan diterima
walaupun kecil seperti hama

Kehidupan ra'yat fikirkan benar
supaya jangan berbuat (h)onar
Jangan diikutkan fikir yang nanar
tiada lain memenuhkan lesnar[21]

Hendaklah ṣabar lelah dan penat
mengerjakan Raja walaupun tenat
Jangan berṣifat menteri khiyānat
mengukir setia kurang amānat

Membuka rahsia jangan sekali
jahat adāb sangat pemali
Kepada rajanya yang ter'alī
supaya bernama bangsawan aṣlī

[21] Aṣal dari bahasa Indonesia, iaitu bermaqṣūd – meja kecil lipat (tempat meletakkan kitāb yg sedang dibaca).

/(75) *Faṣal 2*
Jika anakku menjadi *qāḍī*
hendaklah ikut salaf yang māḍī
ʿĀdil dan inṣāf di dalam arḍī
Allāh dan Rasul supaya rāḍī

Hendahlak meshuwarat dengan *ʿUlamā'*
supaya ḥukūman tiada cuma
Rashuwah dan sorong jangan diterima
supaya tuan beroleh nama

Kitāb *al-Fiqh*, *Ḥadīth* dan *Tafsīr*
hendaklah ṭalaʿah serta berfikir
Jauhkan ṭamaʿ loba dan kikir
keraskan makruf jauhkan munkir

Lepas berḥukūm banyakkan *istighfār*
kepada Tuhan *Ilah al-Ghaffār*
Sepertiga malam sejadah dihampar
berdiri mengata Allāhu Akbar

Janganlah sangat duduk termasa
dunyā nan tempat mencari jasa
Menjatuhkan ḥukūm habiskan periksa
supaya jangan mendapat siksa

Pada berḥukūm jangan pemarah
jangan perkataan keruh dan kerah
Khuṣūṣan pula bicara darah
jangan ẓālim barang sedharrah

Tatkala berḥukūm maniskan muka
padamkan sekali marah dan murka
Menghamburkan kalām dengan berjangka
supaya orang berhati suka

Inilah pesan ayahanda nan tuan
kepada anakanda muda bangsawan
Buangkan fi'il perangai ḥaywān
supaya mendapat pangkat dermawan

Faṣal 3
Ayuhai segala pegawai sulṭān
hendaklah jaga pada jabatan
Kamu itu seperti intan
jangan dibuangkan ke dalam hutan

/(76) Ya'nī jangan lengah dan lalai
pekerjaan Raja dihalai-balai
Lengah dengan nasi dan gulai
akhirnya kelak bādan tersalai

Kita menjabat pekerjaan orang
jangan diperbuat sebarang-barang
Jika Raja perangainya garang
kenalah kita murka dan berang

Terkadang kena maki dan nista
dapatlah malu nama yang lata
Kepada sesiapa hendak dikata
sebab salah daripada kita

Jika kita jaga dan ḥīmmat
tidaklah dapat mereka yang 'aẓimat
Nama kita tidaklah lumat
bādan kita dapat selāmat

Faṣal 4

Ayuhai segala Raja menteri
serta pegawai kanan dan kiri
Hendaklah jaga ingatkan negeri
perompak penyamun, ka(m)pak(?) pencuri

Kehidupan raʿyat janganlah lupa
faqīr miskīn hina dan papa
Jangan sekali tuan nan alpa
akhirnya balā' datang menerpa

Beberapa negeri terkena balā'
sebab perbuatan kepala-kepala
Kerana perbuatan banyak yang cela
datanglah murka Allāh Taʿālā

Jika datang murkanya Tuhan
ahli negerinya tidak ketahuan
Kelakuan seperti binatang dan ḥaywān
hilanglah malu hilanglah bangsawan

Kacaulah negeri tidak terperi
berdengki-dengkian sama sendiri
Umpat dan puji sehari-hari
kepada Raja tidaklah ngeri

Raja pun sudah hilang haybatnya
kepada segala raʿyat tenteranya
Sebab kerana lalai dan alpanya
serta dengan fāsiq dan ẓālimnya

[77] Aṣalnya jatuh demikian ini
ʿilmu dan ʿaqal habislah fānī
Dibunuh dengan gundik dan bini
nama pun buruk ke sana sini

Bergundik berbini tiada salah
aṣalkan jangan lupakan Allāh
Mendirikan ugama janganlah lelah
barang yang harus perbuatlah

Akan tetapi hendaklah ingat
akan segala tentera dan ra'yat
Hendaklah jagakan segala yang jahat
supaya kerajaan jangan muḍarat

Banyaklah Raja sudah terkena
duduk di dalam gundah gulana
Me[ng]ḥukūm yang jahat ke sini sana
kurangnya tidak mungkin merana

Dibunuh satu kurang sedikit
kemudian yang lain pula membangkit
Ditangkap pula dipersakit-sakit
yang lain pula keluar menggigit

Ada yang ditutup di dalam gua
ada yang diḥukūm dibuang nyawa
Dibuang satu timbullah dua
tanda kejahatan nafsū dan hawā

Jika demikian nyatalah terang
di dalam dunyā banyaklah orang
Yang baik itu sangatlah terkurang
yang kebanyakan melalui larang

Sebab itu bodoh selama
serta jāhil akan ugama
Tidak mengaji kepada *'Ulamā'*
dimanakan dapat fikir utama

Jika sekiranya Raja menerima
ada juga fikir umpama
Entahpun benar entahpun cuma
dicubakan perintah dua bersama

Perintah yang lama diquwwatkan
tangkap dan buang dijalankan
Perintah yang baharu dicubakan
peri ugama diajarkan

/(78) Tiap-tiap tempat dihantarkan guru
sembahyang mengaji dibaharu-baharu
Milik orang jangan dikaru
pekerjaan sharīʿat jangan keliru

Ajar yang baik diajarkan
ḥalāl dan ḥarām dikhabarkan
Murka Allāh ditakutkan
balasan shurga dinyatakan

Berbuat baik dipujukkan
berbuat jahat dihinakan
Jalan kehidupan ḍitunjukkan
berkebun berladang disukakan

Rezeqi yang ḥalāl diusahakan
dengan belanja dibantukan
Jangan diberi ianya penyegan
mencari nafkah minum dan makan

Mudah-mudahan berubah perangainya
kerana manusia begitu adatnya
Berganti-ganti fiʿil lakunya
dengan beberapa jalan sebabnya

Tiliklah edaran dunyānya
zamān dahulu bagaimana khabarnya
Zamān sekarang apa rupanya
berlain-lain ʻilmu kepandaiannya

Siyāsat ini hendaklah cuba
kepada segala raʻyat dan hamba
Jangan segera ṭamaʻ dan loba
mengeluarkan ḥāṣil bagi ditimba

Faṣal 5
Naṣiḥat ayahanda anakanda fikirkan
khiyānat shayṭān anakanda jagakan
Orang berʻaqal anakanda hampirkan
orang yang jahat anakanda jauhkan

Setengah orang fikir keliru
tidak mengikut pengajaran guru
Tutur dan kata haru biru
kelakuan seperti hantu pemburu

/(79) Tingkah laku tiada kelulu
perkataan kasar keluar selalu
Tidak memikirkan ʻayb dan malu
bencilah orang hilir dan hulu

Itulah orang ʻaqalnya kurang
hingga dirinya pandai seorang
Takbur tidak membilang orang
ke sana ke mari pergi menggarang

Setengah yang kurang ʻaqal dan bahasa
tingkah dan laku bagai rasaksa
Sharaʻ dan ʻādat kurang periksa
seperti harimau mengajar rusa

Ke sana ke mari langgar dan rempuh
apa yang terkena habislah roboh
Sedikit marah hendaklah memelupuh
inilah perbuatan sangat ceroboh

Anakanda jauhkan kelakuan ini
sebab kebencian Tuhan Raḥmānī
Jika dibawa ke sana sini
tidaklah laku satu *dīwānī*

Jika memerintah lemah dan lembut
kepada tempat barang yang patut
Orang pun banyak suka mengikut
apa kehendak tidak tersangkut

Jika memerintah dengan cemeti
dengan perkataan pasti-pasti
Sekalian orang bencilah hati
tiadalah suka berbuat bakti

Inilah naṣiḥat ayahanda nan tuan
kepada anakanda muda bangsawan
Nafsū yang jahat hendaklah lawan
supaya anakanda jangan tertawan

Inilah akhir kalām tersurat
kepada medan 'ilmu meshuwarat
'Amalkan dia janganlah berat
supaya tertolak segala muḍarat

****

* Tercap di Lingga in Street Printing Office *
Muḥarram 1304

ثمرة المهمة
ضيافة للأمراء والكبراء
لأهل المحكمة

راج حاج علي الحاج بن راج حاج أحمد ريو

خزانة الفطانية

كوالا لومڤور
٢٨
١٤٢٠ هـ \ ١٩٩٩ م

تڠكه لاكو تياد كلولو * فركتاءن كاسر كلوار سلالو
تيدق ممكيركن عائيب دان مالو * بنچيله اورڠ هيلير دان هولو
ايتوله اورڠ عقلپ كورڠ * مبڠك ديرين فندي سوءرڠ
تكبر تيدق ممبيلڠ اورڠ * كسان كماري فرڬي مڠڬارڠ
ستڠه يڠ كورڠ عقل دان بهاس * تڠكه دان لاكو باڬي رسڤسا
شرع دان عادة كورڠ فرقسا * سفرة هريمو مڠجر روسا
كسان كماري لڠڬر دان رمفوه * اف يڠ تركنا هابيسله روبوه
سديكية ماره هندق مملوفوه * اينله فربواتن ساڠة چروبوه
انقندا جاوهكن كلكوان اين * سبب كبنچين توهن رحماني
جك دباوا كسان سيني * تيدقله لاكو ساتو ديواني
جك ممرنته لمه دان لمبوة * كفد تمڤت بارڠيڠ فاتوة
اورڠ فون باپق سوك مڠيكوة * اف كهندق تيدق ترسڠكوة
جك ممرنته دڠن چمتي * دڠن ڤركتاءن فستي فستي
سكلين اورڠ بنچي له هاتي * تياداله سوك بربواة بقتي
اينله نصيحة ايهندا نن توان * كفد انقندا مودا بڠساوان
نفسويڠ جاهت هندقله لاون * سڤاي انقندا جاڠن ترتاوان
اينله اخر كلام ترسورة * كفد ميدان علم مشورة
عمل كندي جاڠنله برة * سڤاي ترتولق سڬال مضرة

+ ترچف دليڠك ان ستريه فرنتيڠ اوفيس +
محرم 1304

تيف٢تمڤت دهنتركن ڬورو * سمبهيغ مڠاجي دبها٢رو٢
ملايك اورڠ جاڠن دكارو * فكرجاڽن شريعة جاڠن كليرو
اجريڠ بايك داجركن . . * حلال دان حرام دخبركن . .
مرك الله دتاكوتكن . . . * بلاسن شرڬ دپتاكن . . .
بربواة بايك دفوجوڬن . . * بربواة جاهت دهينتاكن .
جالن كهيدوفن دتنجوڬن * بركبون برلادڠ دسوكاكن . .
رزقي يڠ حلال داوسهاكن * دڠن بلنچ دبنتوكن . . . . .
جاڠن دبري اياڤ فڤڠن * منچاري نفقه مينم دان ماكن
مدهمداهن براوبه فراڠيڤ * كارن ماتسي بڬيتو عادتڤ
برڬنتي٢ فعل لاكوڤ . . * دڠن ببراف جالن سببڤ
تيلكله ايدران دنياڤ . . . * زمان دهولو بڬيمان خبرڤ
زمان سكارڠاف روفاڤ * برلاين٢ علم كفندايتڤ . .
سياست اين هندقله چوبا * كفد سڬال رنيت دان همب
جاڠن سڬرا طمع دان لوبا * مڠلوارڬن حاصل باڬي دتمبا

فصل ٥

نصيحة ايهندا انقندافيكركن * خيانة شيطان انقندا جڬاكن
اورڠ برعقل انقندا همفيركن * اورڠيڠ جاهت انقندا جاوهكن
ستڠه اورڠ فيكر كليرو . . . * تيدق مڠيكوت نڠجاران ڬورو
توتر دان كات هارو بيرو . . * كلكوان سفرت هنتو فمبورو

اصلپ جاتوه دمكين اين * علم دان عقل هابيسله فاني
دبونه دغن كندبق دان بيني * نام فون بورق كسان سيفي
برگندبق بربيني تياد ساله * اصلكن جاغن لوفاكن الله
مندبريكن اوكام جاغنله لله * بارغيغ هاروس فربواتله
اكن تتافي هندقله ايغت * اكن سكال تنقرا دان رعيت
هندقله جكاكن سكال يغجاهة * سفاي كراجاكن جاغن مضرة
بابقله راج سده تركنا * دودق ددالم كنده كولانا
محكم يغ جاهت كسيني‌سان * كورغن تيدق مغكين مرانا
دبونه ساتو كورغ سديكيت * كمدين يغلاين فول ممبغكيت
دتغكف فول دفرساكيت * يغلاين فول كلوار مغكيكيت
اد يغ دتوتف ددالم كوا . . * اد يغ دحكوم دبواغ پاوا . . .
دبواغ ساتو تمبولله دوا . * تندا كجهاتن نفسو دان هاوا
جك دمكين پتاله ترغ * ددالم دنيا بابقله اورغ . .
يغ بايك‌ايت ساغتله تركورغ * يغ كبابقكن مللوي لارغ .
سبيپ ايت بودوه سلام * سرت جاهل اكن اوكام . .
تيدق مغاجي كفد علماء * دمانكن دافت فيكر اوتام
جك سكيراپ راج مفريما * اد جوك فيكر اومفام
انتهفون بنر انتهفون چوما * دچوباكن فرنته دوا برسام
فرنته يغ لام دقواتكن . . . * تغكف دان بواغ دجالنكن
فرنته يغ بهارو دچوباكن * فري اوكام داجركن . . . .

يعني جاڠن ليڠه دان لالي * فكرجاءن راج دهالي بالي
ليڠه دڠن ناسيء دان ڬولي * اخرپ كلق بدان ترسالي
كيت منجابة فكرجاءن اورڠ * جاڠن دفربوات سبارڠ بارڠ
جك راج فراڠيپ ڬارڠ * كناله كيت مرك دان بيرڠ
تركادڠ كنا ماكي دان نستا * داڤتله مالو نام يڠ لتا . . .
كفد سياف هندق دكات * سبب ساله درفد كيت
جك كيت جاڬ دان هيمة * تيدقله داڤت مرك يڠ عظمة
نام كيت تيدقله لومة * بادن كيت داڤت سلامة

فصل ٤

ايوهي سڬال راج منتري * سرت فڬاوي كانن دان كيري
هندقله جاڬ ايڠتكن نڬري * فرمفق فپامون كمفاء ڤنچوري
كهيدوڤن رعيت جاڠنله لوف * فقير مسكين هينا دان فاف
جاڠن سكالي توان نن الف * اخرپ بلا داتڠ منرفا . . .
ببراف نڬري تركنا بلا . . . * سبب ڤربواتن كفال كفال
كارن ڤربواتن بايق يڠ چلا * داتڠله مرك الله تعالي
جك داتڠ مركان توهن . . . * اهل نڬريپ تيدق كتهوان
كلكوان سڤرت بناتڠ دان حيوان * هيلڠله مالو هيلڠ بڠساوان
كاچوله نڬري تيدق ترفري * يردڠكي دڠكين سام سنديري
اومڤة دان فوجي سهاري * كفد راج تيدقله ڠري
راج فون سده هيلڠ هيبتپ * كفد سڬال رعيت تنتراپ
سبب كارن لالي الفاپ * سرت دڠن فاسق ظالمپ

فصل ٢

جلك انقكو منجادي قاضي * هندقله ايكوة سلف يغ ماضي
عادل دان انصاف ددالم ارضي * الله دان رسول سفاي راضي
هندقله مشورت دغن علما * سفاي حكومن تياد چوما
رشوه دان سوروغ جاغن دتريما * سفاي توان براوله نام
كتاب الفقيه حديث دان تفسير * هندقله طلعه سورت برفيكر
جاوهكن طمع لوبا دان كيكير * كرسكن معروف جاوهكن منكير
لفس برحكوم باپقكن استغفر * كفد توهن اله الغفار
سفرتيك مالم سجادة دهمفر * برديري مغات الله اكبر
جاغنله ساغة دودق ترماس * دنيانن تمفت منچاري جاس
منجاتهكن حكوم هابيسكن فرقسا * سفاي جاغن مندافة سقسا
فد برحكوم جاغن فمارة * جاغن ڤركتان كروة دان كرة
خصوصا فول بچارا دارة * جاغنله ظالم بارغ سذرة
تتكال برحكوم مانيسكن موك * فادمكن سكالي مارة دان مرك
مغهمبورکن كلام دغن برجغك * سفاي اورغ برهاتي سوك
اينله فسن ايهندا نن توان * كفد انقندا مودا بغساوان
بواغكن فعل فراغي حيوان * سفاي مندافة فغكة درماون

فصل ٣

ايوهي سكال فكاوي سلطان * هندقله جاك فد جباتن
كامو ايت سڤرت انتن * جاغن دبواغكن كدالم هوتن

فصل ١

جك انقندا جادي منتري * اورغ برعلم انقندا همفيري
لاوان مشورت لاوان برفري * سفاي فكرجاڭ جادي اوڭهري
هندقله فرقسا ادبپ وزير * ددالم كتاب سده تراوكير
هندقله جاوهكن فكرجاڭ منكير * سفاي جاغن جادي گلنچير
جك ترگلنچير فكرجاڭ ساله * فكرجاڭ انقندا براولـه لله
رعيت تنترا تنتو بنچيله * بارغكالي داتغ مركان الله
جك انقندا منجادي بسر * توتر دان كات جاغنله كاسر
جاغن سڤرت اورغيغ ساسر * باپقله اورغ مناروه گوسر
توتر يغ مانس انقندا توتركن * فراغي يغ لمبوت انقندا لاكوكن
هاتي يغ صبر انقندا تتفكن * كملوان اورغ انقندا فيكركن
كسوكاڭ اورغ انقندا چاري * سفاي هاتيپ تياد لاري
مشهورله انقندا ددالم نكري * سبب كلكوان بجق بستاري
هندقله انقندا جڭاكن نام * مندپريكن بجق دغن سڤسام
فكرجاڭ بدعه جاغن دتريما * ولو فون كچيل سڤرت هام
كهيدوڤن رعيت فيكركن بنر * سفاي جاغن بربوات هونر
جاغن دايكوتكن فيكر يغ نانر * تياد لاين ممنوهكن لسنر
هندقله صبر لله دان ڤنت * مغرجاكن راج ولو فون تنت
جاغن برصفة منتري خيانت * مڠكير ستيا كورغ امانت
ممبوك رهسيا جاغن سكالي * چاهت ادب ساڠت فمالي
كفد رجاپ يغ ترعالي ... * سفاي برنام بڠساون اصلي

هندقله انقندا مغاجي سلالو * دار يغ لاين لبهكن دولو
حد شرع جاڠن دلالو * تيدقله انقندا براوله مالو
سڭال ڤربواتن دڠن برعلم * ملك كبجيكن بوله برتمو
جلك سبارڠ بارڠ درامو * اخرپ انقندا جاتوه ترسمو
علم ايت بسر فائدهپ * ممبيذاكن حق دڠن باطلپ
مڠتهوي رعية بنر سمالهپ * سفاي دحكومكن دڠن عادلپ
جلك علم تيدق دانده * سبب انقندا چاڤق ڤرموده
رعيت داتڠ ممباوا كنده * انقندا ترچڠڠ تندق تڠاده
هندق محكومكن تياد تاهو * هندق ديم هاتي تاء ماهو
برفلوْ توبه تاڠن كباهو * مڠلوه مڠوچف مڠات اللهو
تركادڠ دودق مندیمكن ديري * سفاته تيدق مڠلوارڭن فري
ڤنت دودق بڠكيت برديري * لالو ماسوْ كدالم فوري
اورڠ بردعوي دودق مننتي * سرت دڠن برساكية هاتي
حيران تعجب تيدق مڠرتي * سبب بچاران بلومله فستي
تركادڠ دحكمكن دڠن بلاده * بوكنپ شرع بوكنپ عاده
امبيل لكس جالن يڠ موده * سفاي جاڠن برهاتي كنده
جلك دمكين اف جاديپ * حكوم تاء بتول دڠن جالنپ
دهداڠن مجلس دتريماپ * دبلاكڠ كلق داومڤتپ
جلك يڠ بنر كيت حكمكن * دبلاكڠ جاڠن كيت هيروكن
اومڤة دان فوجي كيت بيركن * كفد الله كيت شكسيكن

كمدين مك دايريغي قول دغن بيراف بيت شعير يغ مناسبه
يعني يغ برفاتوتن باڭ يغ وقع درفد ثركتاڭن يغ ترسبوة
ددالم كتاب اين سفاي منجينقكن
باڭ هاتي يغ ليار انتهي

اينله اي شعيرپ
دغر اولهم

تمتله كتاب دكارغ اورغ * عقلپ ڤندق علموپ كورغ
درفد ساغت حاجتكو ڭرغ * دڤربوات جوڭ سبارغ بارغ
ملڤسكن هاتي يغ تربوكو * فغجاران كفد سكلين انڤكو
مدهمداهن بتول تغكه دان لاكو * فراڤي يغ بائك بير ترفاكو
دغركن توان ايهندا برفري * كفد انڤندا مودا بستاري
نصيحة كبجيكن ايهندا بري * عملكن جاڤن مالس دان ڤري
ايوهي انڤندا مودا رماج * جك انڤندا منجادي راج
هاتي يغ بتول هندق دسهاج * سرت راجين فد بكرج
كرج كبجيكن جاڤنله مالس * ظاهر دان باطن جاڤنله چولس
جرنيهكن هاتي هندقله اخلاص * سڤرت اير ددالم ڭلس
مننتوت علم جاڤنله سڭن * علمو يغ بنر جاڤن يغ بوكن
يائت علم يغ كبجيكن * دكتاب اين سده دسبوتكن

الابصارالاية يعني تله برفرمان الله تعالي جاڠن اڠكو سڠكاكن الله تعالي ايت يڠ الي درفد بارڠيڠ دكرجاكن اوله سڭال مريكئيت يڠ ظالم هان سسڠكه٢ بارڠيڠ دتاڠكركن مريكئيت باڭي هاري يڠ ترچليق ددالمن سڭال مات انتهي تم .

اينله اخر٢ بارڠيڠ دكرنياكن الله تعالي اتهكو فد منظاهركن سديكية ترتيب كراجاٴن دان رهسيا فكرجاٴن اهل‌المحكمه اتس فهمكو يڠ سيڠكة دان اتس٥علموكو يڠ كورڠ اكن تتافي درفد ساڠة حاجتكو هندق منظاهركن اتس قوم قرابتكو فد تمڤتكو اين ملك اكو ڤربواة جوك علي قدر فهمكو يڠ كورڠ جكلو اكو بوكن اهلي درفد دمكين اية سكاليفون سرة مڠهارڤ اكو اكن دامفون دان دمعافكن اوله الله تعالي بارڠيڠ ترساله دان تركورڠ ددالم كتاب اين اداب شهدانلاڭي ساڠتله هارڤ اكو اكن سياف٢ اورڠيڠ عالم٢ يڠ برتمو دڠن كتابكو اين ممڤرسا دڠن سبالك٢ فرسا بارڠكالي اد يڠ لبه اتو يڠ كورڠ اتو چاچة چدران سام اد درفد لفظن اتو معنين اتو اتوراڽ ملك سڭرا بتولكن كارن اداله اكو يڠمڠهمفونكن كتاب اين سيڠكة فهم دان سديكية علم اداب تمتله مختصر كفد سفوله هاري بولن شعبان مالم ثلاث جم فوكل دوا سنه ١٢٧٥

علي يدالفقيرالحقير بذنب كثير والتقصير الراجي الي
عفومولاه الغني الرحيم وهو الحاج علي ابن راج
احمدابن راج حاجي يڠدفرتوان مودا المرحوم
الشهيد في سبيل‌الله انتهي .

قلمن ترڬلنچير دڠندي تافق كاكين ملك دبتولكنن سڬال يڠ بڠكوٗ دڠن
حد يڠ مموتسكن يعني فدڠ دان ترهمبورله عادلن فد سكلين مانسي
كتيڬ راج هوي يعني راج يڠ تياد تاهو اكن معني راج يڠ تله ترسبوة
كفد باب يڠفرتام دان كفد فصل يڠكدوا ددالم كتاب اين يائتوله راج
يڠ سسة سڠكان فد معني كراجاٗن كارن سڠكان معني راج اية ممڤربواة
اف سوكان داتس رعيتن جاديله اي مڠيكوتكن هوا نفسون تياد تاهو
اكن حلال دان حرام دان دوسا دان فهلا دان صح دان بطل سرت
ملاليكندي درفد ممنوهكن فروتن دڠن مكانن يڠ لذة٢ دان ممبطلكن
عقل چرديقن دڠن ممباڽقكن سكدودقكن دڠن فرمفوان سبب ممنوهي
شهوتن سرت طمع دان لوبان فد براستري دان برڬنديق. سهڠڬ
برجالنله سڬال عسكرن سڬنڤ دوسن دان كمفوڠ٢ رعيتن منچاري
فرمفوان يڠ بائك٢ روف سفاي ممنوهي نفسو شهوة رجان جادي باڽقله
سڬال رعية تنتران فچه بله هاتين سهڠڬ ليار هاتي مريكئيت كفد
رجان دڠن سبب ڤربواتن يڠامة ضلالة اين شهدان افبيل سلسي درفد
ممواسكن هوا نفسون سسة فول اي دڠن لالي فد ڤرماينن يڠ سيا٢ دڠن
تفوٗ تاري دان پاڽي دڠن سروني دان كچافي بيولا تياداله اي هيرو اكن
نڬرين كراجاٗنن بتاف ادان دان بتاف تيادان ملك راج يڠ كتيك
اين دتاكوتي اتسن چمتي الله تعالي داتڠ كفدان اما ددالم دنيا اتو ددالم
اخرة سڤرت فرمان الله تعالي ترسبوة ددالم قراٗن العظيم قال الله تعالي
ولاتحسبن الله غافلا عما يعمل الظالمون انما يوٗخرهم ليوم تسخص فيه الا فيه

ممفرسمبهكن جاس كفدان دان جلك سده ماتي امفمان يڠ برجاس
اية هندقله جوك دتمفقكن كفد اهل‌البيتن يڠتڠكل ادڤون بلاس راج
ايت مان٢ قدر لايقن اداب انتهي ٠

كاءمڤة بلس لايبال‌الدين

ستڠه درفد صفة كچلاءن كفد راج دان كفدءاورڠ بسر٢ تياد
هيرو اكن اوڠام دان مريڠن٢كن اوڠام سڤرت منڠكلكن سمبهيڠ جمعة
دان منڠكلكن فواس دان منڠكلكن ممبري زكاة دان‌منڠكلكن منتوة علم
تياد هيرو اكن بولن٢ يڠملياد دان تياد ممبسركن هاري راي يڠكدوا يعني
هاري راي رمضان دان هاري راي عيدالاضحي سرت هاري تشريقن انتهي
يڠترسبوة چاچة ايت يڠ بسر كفد راج دان كفد اورڠ بسر كارن افبيل
راج٢ دان اورڠ بسر٢ لمه كفد اوڠام دان تياد تاكوتكن الله تعالي ننتي
سڠال رعيتن منورة كلكوان راج دان كلكوان اورڠ بسر٢ كارن افبيل تاكوة
اكن الله تعالي كلوار درفدان ببراف كبجيكن دان افبيل تياد تاكوة اكن
الله تعالي كلوار ببراف كجهاتن ملك فكرجاءن اين مجرب برمول كات
ستڠه حكماء برمول راج ايت تيڠ راج ڤرتام راج اوڠام ملك يائت
لازمله اتس سڠال رعية مڠيكوة اكندي كارن امر نهين موافقة دڠن سڠال
حكم شرع كدوا راج مملييهراكن سڠال يڠدحرامكن ملك بهواسن مندبريكن
اي فكرجاءن اوڠام دان فكرجاءن دنيا دان لازمله اتس سڠال ماتسي
دڠن مڠيكوة شرع دان مملييهراكن اتس سڠال مروة دان جاديله اي
يڠ مهيمفونكن انتارا قلم‌دان فدڠ ملك بارڠسياف برفاليڠ درفد شطر

تائني سڤرت يڠ تله دسبوة ايت كارن تائني بڤرلهانن سرت صبر دان لمه لمبوة فد فكرجائن يڠ دننتي٢ اكن كبجيكن دبلاكڠن اتو كڤتائن بنر سالهن دبلاكڠن فد حال فكرجائن ايت ددالم شبهت دان ددالم‌ترسامر كڤتائنن ملك تائنيله يڠدفاكي دسيني ادفون تسويف ملمبوتكن فكرجائن يڠ تتف فد شرع دان قد عادة فاتوة دكرجاكن سبب چوكف شرط دان تياد سسوات مانع ملك دلمبتكنڤ مڠرجاكندي ملك جادي تسويف ايت ببراف سبب فرتام سبب لالي يڠتله ترسبوة فد يڠكائنم درفد صفة يڠ كچلائن ايت كدوا سبب مالس دان سجورهسيان داتڠڤ درفد جاهل اتو بودة اتو كورڠ‌مالو اتو كورڠ تاكوة اكن الله تعالي كتيك تسويف ايت سڠاج جاهت فراڠي دان ظالم مڠيكوتكن هاوا نفسو شيطان يڠ كنا رجم سبب اينله ترلبه حق‌اتس راج٢ دان اورڠ بسر٢ مندڠر سوات فكرجائن يڠ منچاچتكن كفد كراجائنن دان نكرين هندقله سكرا دفرقسا سرت دبچاراكن انتهي

كتيك بلس لم يجزاء الخير

ستڠه‌درفد صفة كچلائن‌كفدراج٢ دان كفد اورڠ بسر٢ ايت تياد ممبالس اورڠيڠ ممبواة بايك دان بربواة جاس كفدان خصوصا فول اورڠيڠ منمباهي كبساراتڤ دان كملياننن دان اورڠيڠ براني ممبواڠ پاوا سبب كارنن ملك يائت تيادالله لايق كفد راج٢ دان كفد اورڠبسر٢ فكرجائن دمكين ايت شهدان ملك هندقله ممبالس راج دان اورڠبسر٢ كفد اورڠيڠ بربواة كبجيكن كفدان علي قدر لايقن سفاي راجين‌مريكفية

سده ممفربواة دمكين ايت دشكان لفسله ديرين درفد سبب سده دلفسكن درفد حكومن فد حال لوف لالي اي يڠ سده كنا دڠن كملوان دان كهينائ اورڠيڠ دڤربواتن دڠن گوفوهن ايت ملك ترگنتوڠله كڤد باتڠ لهيرن كملوان دان كهينائ اورڠ ايت هڠك موة انتهي ٠

شهدان اينله اتس اورڠيڠ مستور يعني اورڠيڠ ترتوتف حالن درفداورڠ يڠ بايك٢ ادفون اورڠيڠ ظاهر سده كجهاتنن دان تياد ممفوڤاي مالو دان موة سفرت فنچوري دان فيامون يڠ مشهور ملك يائت اتس اجتهاد راج٢ دان اورڠ بنسر١له فد منظاهركن مريكئيت كفد اورڠيڠ جاهة دڠن سكيرا١ لايقن جوا شهدانلاگي فول هندقله راج٢ دان جاڠن گوفوه بارڠ يڠ هندق دكرنياكن دڠن سبورڠ ملينكن دڠن سهابيس٢ مشورة دهولو يائت امڤت فكرجائ ڤرتام فكرجائ مولاي فرڠ كدوا فكرجائ ممبري نام دان گلاران كتيك فكرجائ ممبري چڤ دان مهور دان تندا تاڠن كامڤة فكرجائ ممبري كواس دان مڤرهكن سوات كفد سبورڠ ملك فكرجائ يڠ امڤة اين ملك هندقله مندهولوكن مشورة يڠ كبجيكن اداڤ انتهي ٠

كدوا بلس تسويف

صفة كچلائ يڠممبري چاچة كفد راج٢ دان كفد سكال اورڠيڠ بسر٢ تسويف يعني ملنجوتكن اكن فكرجائ يڠ كبجيكن تتف فد عقل دان فد عادة فاتوة دكرجاكن ملك دلمبة٢كنن ملك جاديله بلس ببراف فكرجائ دان ملوفوتكن ببراف كبجيكن برمول تسويف اين بوكنن سفرت

جاهت٢ سفرت يڠترسبوة ددالم قصه٢ سڬال انبيا٬ دان رسل عليهم السلام دان اصحاب رضي الله عنهم اجمعين ٠

فرع

اين سانو چاوڠ اداله مضرة كڤد ديري راج٢ دان اورڠبسر٢ دان كڤد اورڠيڠ لاينن٠ اينله مثلن سفرت سؤورڠ راج اتو سؤورڠ اورڠ بسر٢ سرت داتڠ سؤورڠ اورڠ مڠادوكن كفدان كجهاتن سؤورڠ دڠن كتان بكينى٢ فد حال راج دان اورڠ بسر٢ ايت بلوم ناهو اكن يڠ مڠادو دان يڠ دادوكن ايت اكن احوال كدوان كتيڬ ڤركارا فرتام فاسقكه اتو عادلكه ساله سؤورڠ درفد كدوان ايت كدوا اداكه اي سده برعداوه٠يعني برستڑو انتارا كدوان ايت كتيڬ اداكه كدوان ايت بردڠكي دڠكين سوات يڠدفربواتكن سام اد فد هرت اتو قد كبساران اتو فراوليهن ملڬ سبلوم ظاهر كڤد راج دان كڤداورڠ بسر٢حال يڠ بتيڬ اين ملڬ ددهولوكن مارة يڠ امت ساڠت سبرت دڠن فركتا٬ن يڠ كجي سڤرت دفرماكي دان دڤرسومفه تركادڠ دسورة جندي اتو عسكر ممڠكيلن دڠن كرس دسورة رنتونكن دان دهيلاكن دڠن كهينا٬ن سرت دهيلڠكن عزهن سڤرة دايكة دان دفاسوڠ اتو دبلڠكو ملڬ تتكال دفرقسا ملڬ ددافت٠كبنرانن ملڬ دسورهله لفسكن فد حال همب الله ايت سدهله كنا مرڬ دان كنا هيناكن دڠن درنتون رنتا٬ دان فاسوڠ بلڠكو سفرت سده ستڠه كنا حكومن يڠ بسر استميوا فول اورڠ بايڬ٢ يڠ تعفف سانو كلمه فركتا٬ن يڠ كجي٢ سفرت سراتس چمتي اتسن ملڬ اورڠ بسر٢ يڠ

دنتتي ٢كن كبجيكن دبلاكڠن شهدان ڬوفوه ايت صفة كچلاٴن كڤدسڬال
مانسي دان جك موجود كفد راج ٢ دان اورڠبسر ٢ مك ترلبه سڬرا فد
ممبنساكن كراجاٴن دڠن سبب ڬوفوه اين كفد راج ٢ دان كفد اوڠبسر ٢
باپقله اورڠ يڠ تركنا حكومن سبلوم لاڬي تتف سالهن اتو ترسامر سالهن
دڠن سبب ڤڠكوان دان شكسي يڠتياد دافت دڠن شرط شكسي اتو
دڠن سبلوم هابيس شرط فرقسان جادي اد يڠ مندافت فوكل دان
اد يڠ مندافت بونه اده يڠ مندافت ممباير واڠ دڠن بوكن مستحقپ
دان جك سكيرا ٢ برفلهانن نسچاي مندافتله كپتاٴن كبنارانن ايت مك
اينله سبب دتڬهكن ڬوفوه اف لاڬي ڬوفوه فد منريما فركتاٴن اورڠيڠ تياد
عادل مك يائت ساڠتله ممبري مضرة كفد راج ٢ دان كڤد اورڠ بسر ٢
كارن اورڠيڠ تياد عادل دان اورڠيڠ فاسق ٢ ايت غالب فراڠين كورڠ
مالون جك كدافاتن بوهوڠ دان تياد فول اي هيروكن جادي مضرة
كفد اورڠ سبب اي تياد تاكوة اكن الله تعالي خصوصا فول جك اد
فرخباران ايت فتنه كفد سترون مك يائت تياد هاروس سكالي ٢ سڬرا
دفاكي دان ماسوٴ فول فكرجاٴن سترو ايت اورڠ بايك ٢ دڠن اورڠ
جاهة ٢ دان اورڠيڠ فاسق دڠن اورڠيڠ عالم ٢ يڠ معملكن علمون كارن
مريكئيت سئوله ٢ مات ٢ الله تعالي ترلبه معلومله كيت بارڠسياف يڠ
هندق بربواة جاهت منچوري دان مپامون بارڠسباڬين درفد ملڠڬر
فرنته راج مك بنچيله اي اكن مات ٢ ايت كارن اينله نبي ٢ عليهم
السلام دان اولياء ٢ رحمة الله عليهم ببراف سترو مريكئيت درفد اورڠيڠ

ترتوكرله كبون بوغاءن دغن تمفت ممبواغ نجيس يعني دعبارتكن تحفة مجلس راج٢ دان اورغبس٢ ايت كبون بوغاءن دان فركتاءن يغكجي٢ ايت تمفت اورغ ممبواغ نجيس ادان انتهي٠

كسفولة الجزع

سنغه درفد صفة كچلاءن ليت الجزع يعني كلوه كسه كتيك كداتاغن ستوات بلاء دان سوسه ملك هندقله راج٢ دان سكال اورغبس٢ جاغن كلوه كسه فد كتيك كداتاغن بلاء دان سوسه هندقله اي تتف سرت تاجم ممندغ دغن مات هاتين سكال بلاء دان سوسه يغ داتغ ايت سرت صبر دان توكل كفد الله تعالي برفكغ كفد جنجي يغ سبنر سرت فهيتكن ديري دان مروفاكن براني كفد سكال رعيت يغددالم نكري خصوصا فول جك بلاء دان سوسه ايت درفد فكرجاءن برمسوهن يائت ملك هندقله برسوغكه٢ منتفكن كلكوانن اكن تتافي دسرتاكن دغن چاك دان ايغت دان ستدي فد منولقكن بلاء ايت كارن رعيت تنترا ددالم نكري كلوه كسه مريكئيت دغن سبب كلوه كسه راج دان لازمله راج دان سكال اورغ بسر٢ منتفكن مريكئيت سقاي تياد هورو هارا نكري ادان انتهي٠

كسبلس عجله

سنغه درفد صفة كچلاءن دان ممبري چاچت دان چدرا كفد راج٢ دان سكال اورغ بسر٢ عجله يعني كوفوه كفد فكرجاءن يغ هاروس دفرلهنكن لوانن تاءني يعني بفرلهانن سرت لمه لمبوة فد فكرجاءن يغ

راج٢ دان كفد اروغبسر برمول دكهنداكي برڬوراو٢ دان برسندا١ دسيني يڠ ملفوي درفد يڠدهاروسكن شرع يائت سفرة برڬوراو٢ دڠن فركتاٗن يڠ كوتر٢ اتو دڠن كلكوان يڠ كجي٢ سفرة برتمبوٗ دان برفوكل فوكولن يڠ ممچهكن كاين باجو اتو يڠ مڽاكيتي بادان ملك يائت يڠدتكهكن ادفون برڬورو٢ يڠسديكية دڠن مولة سرت دڠن فركتاٗن يڠ هالوس ملك يائت تياد مڠاف تركادڠ دهارويسكن فول سفرة برڬوراو٢ كارن مڽوكان جموان اتو هندق مڽوكاكن هاتي صحابة هندي كارن منونجوٗكن دي ملك يائة فكرجاٗن يڠ فاتة ادفون ممفرسندا١كن اورڠ دان ممفر لولوٗ٢كندي دڠن دهينا١كن يڠ ممچهكن هاتين سفرة دچونتيڠ دڠن هارڠ موكان اتو دتلنجڠكن اتو دايكة كاكي تاڠن دان بارڠ سباڬين درفد فكرجاٗن يڠ مهينا كندي يائت حرام لاك ترتكه ادان انتهي.

كسمبيلن الكذب

سڠته درفد صفة كچلاٗن كفد ليده الكذب يعني دستا مخلف الوعد يعني مڽلاهي جنجي الكلام الفاحش يعني فركتاٗن يڠ كجي٢ ملك هندقله راج٢ دان اورڠبسر٢ ايت مڽوچيكن ليدهن صفة يڠ تيك فركاراايي كارن افبيل راج٢ دان اورڠبسر٢ ايت بربواة بوهوڠ يڠتياد دهاروسكن شرع نسچاي كورڠ عدالتن هڠك منجادي شكسي فون تيادهارس دان افبيل راج٢ دان اورڠبسر٢ ايت مڽلاهي جنجي دڠن تيادعذور شرع جاديله اي اورڠ منافق يعني لاين دلوار لاين ددالم دان افبيل راج٢ دان اورڠبسر٢ اية برتوتر كات دڠن يڠ كجي سفرة منچاروة دان مماكي٢ دمجلس نڠادافن

ممبري فائيده كفد شرع دان كفد عادة دان ممباڽق باڽقكن ممبواڠكن
هرت فد فكرجاءن لمفو يڠ درفد عادة دان درفد حاجة سبب مڠيكوتكن
هاوانفسو شيطان اداله روفان ايت سفرة ممبواڠكن بلنج يڠ لبه درفد مروءة
دان كملوان سكيرا٢ چوكف دڠن سديكيت بلنج فدمنولقكن مروءة دان
كملوان ايت ملك تيبا٢ دبواڠكن بلنج دڠن يڠ امت باڽق هرت اد
موجود يڠترلبه فرض درفد ايت برمول اسراف اين منداتڠكن فاف اتو
مڠكوسوڠكن حزانه فربندهراءن تركادڠ ممبناسكن كراجاءن سفرة داتڠ سواة
فكرجاءن يڠ بسر فد حال هرت تياد ددالم خزانه نڬري ملك جاديله
بناس تركادڠ معني اسراف ايت تياد هيرو اكن سواة درفد هرت بندا دان
الة سنجات دان تانم تنامن دان رومه كمفوڠ ادفون هرت بندا دبيركن
روسق بناس دماكن هولة دان سموة اتو دبير فچه بله تياد هيروكن ادفون
سنجات دبيركن روسق دماكن كارة سرة تياد دتنتوكن سئورڠ مملیهراكن
ادفون كمفوڠ هلامن رومه تڠڬ بيركن چمر ٢ داي سمفه ادفون تانم
تنامن دبيركن روسق بناس دماكن هولة دان تياد دڬمئوكن دان تياد دبواڠ
رمفوتن ملك سڬال يڠترسبوة ايت ستڠه درفد معني اسراف جوڬ ملك
هندقله راج٢ دان اورڠبسر٢ ايت مملیهراكن كچچاتن دان كچدراءن اين
سفاي جاڠن هيلڠ عزهن ادان انتي.

كدلافن المزح

ستڠه درفد صفة كچلاءن المزح دان مستهزاء يعني برڬورو٢ دان
ممفرسنداكن اورڠ دان ممفراولو٢كن دي يائة ساڠة فول چاچة دان چلا كفد

منتدبركن كراجاءن مك يائت ساعت ممبري چاچت دان ممبري چدرا كفد راج٢ دان كفد اورغبسر٢ ادفون سبب لالي دان ليغه ايت ببراف سبب ستغه درفدان سبب لالي دان ليغه برماين دغن فرمفوان ددالم استانن سفرت استرين دان كندبقن سهغك كفياهن سكال اورغ بسر٢ دان سكال رعية تنترا هندق برجمف مغادف هندق مشورة اكن فركارا نكري كه اتو لاينن دلن كفياهن فول رعية هندق مغادو حالن دغن سبب راج اتواورغ بسر٢ تياد تورن كمجلس فغدافن سبب لالي دان ليغه دغن برسوك سوكاءن دغن ايسي استانن دان ستغه درفدان سبب لالي دان ليغه دغن فرمائينن يغ سيا ٢ اتو دغن فكرجاءن يغ سيا٢ يغ ترلمفو درفد حد يغ دبيلغكن كفد حاجة سفرة ليغه دغن برماين چاتور دلن تابل اتوليغه دغن برماين بيول دغن تفوء تاري دان پاپي سكيرا٢ دفنوهكنن سكال وقت دغن فرمائينن يغ سيا٢ اية تركادغ ممباواكفد حرام سفرة ملوفاكن سمبهيغ دان لوفاكن ورد دان ستغه درفدان لالي دان ليغه دغن تيدور دان باريغ سبب منورتكن هاوا نفسو يغ مالس تركادغ برجاك سفنجغ مالم دان تيدور سفنجغ سيغ دان تركادغ ددالم سهاري سمالم امفت ليم كالي برباليق٢ تيدور دان جاك مك سكال يغترسبوت ايت ممبري چاچة دان چدرا كفد راج٢ دان كفد اورغبسر٢ ادان انتهي.

كتو جه اسراف

ستغه درفدان صفت كچلاءن اسراف يعني برلبه‌لبهن برمول اداله اسراف اين براف ماچم ستغه درفدان برلبه‌لبهن فد ممبواتكن هرت يغ تياد

راج ٢ دان اورغبسر ٢ ممبواغن دان دمكينله سكال سياسة انبيا دان اوليا سبب ايتوله فرمان الله تعالي ددالم قرآن العظيم ولتكم منكم امة يدعون الي الخير ويأمرون بالمعروف وينهون عن المنكر يعني هندقله جادينكن ستغه درفد كامو ايت سكورغ امة مڤروكفد كبجيكن دان دغن معروف دان منكه درفد يغ منكر هڤث اخراية برمول مقصودن ايت هندقله فد ساتو٢ نكري دان دوسن سكورغيغ وعاظ يعني اورغيغ مغاجر دان منجاك اكن مڤوره كفد بربواة بايك دان ملارغ دغن بربواة جاهة دغن مغاجر تاكوت اكن الله تعالي سفاي مريكئيت طاعة كفد الله تعالي منجاوهي معصية درفد يغدحرمكن الله تعالي سغرة مڤامون دان مرمفق دان منچوري دان لاينن سكال يغدتكهكن الله تعالي سرة دسوكاكن مريكئيت دغن شرك جك اي منجاوهي سكال يغترسبوة ايت دان مذاكوتي دغن نراك جك مريكئيت مغرجاكن سكال يغدتكهكن الله تعالي دان لاينن داجركن اتس مريكئيت مان٢ يغدسورهكن شرع مدهمداهن نيفيس هاتي مريكئيت مندغر دان مغيكوة اجرانن ايت مك جاديله منفعة يغبسر داتس نكري سرة امان الامان مك سفاتوتڤله اتس راج ٢ ممبواغكن بلغ فد مغرجاكن سكال يغترسبوة ايت سڤاي جاغن مندافت بهيا بخيل ايت سڤرت يغترسبوة ددالم بيراف كتاب يغلاينن مك تيادالله دسبوة قد مختصر اين ادان انتهي.

كاءنم مغفل

ستغه درفد صفة كچلاءن مغفل يعني لالي دان ليغه قد

دان سرت مصروفن اتس اهل ظلب العلم علي قدركواس راج خرجت يڠ حاصل درفد كراجاءن سڤاي باڤق اورڠيڠ برعلم دان برادب ددالم نڬرين كارن ددالم نڬري اڤبيل تياد برديري مدرسه يعني تمفة اورڠ برلاجر علم دان برلاجر ادب دان بارڠسباڬين درفد علم يڠدڤوجي شرع دان كتاب يعني تمفة كانق٢ برلاجر قراءن تسچاي باڤقله رعية٢ڤ جادي جاهل دان بڠسة تياد برادب دان برسوفن سرت كورڠ مالون سرت تياد تاكوة اكن الله تعالي سبب جاهلڤ اكن حلال دان حرام دان صح دان بطل دان فرض دان سنة ملڬ اڤبيل برڤنجاڠن دڠن يڠ دمكين ايت ملڬ باڤقله اورڠيڠ جاهة٢ ددالم نڬرين سفرة ڤنچوري دان ڤرمفق دان ڤيامون دان بارڠسباڬين ٠

شهدان بوله جوڬ دبواڠ كجهاتن اين دڠن ككراسن راج سڤرة دلڤكردان دفراڠي دبونه دان دتخكف دبواڠ دان دفرسكسا دڠن ڤكرجاءن يڠ برساكية٢ دان برسهسه٢ تركادڠ هيلڠ ساتو تمبول ساتو يڠلاين هڠڬ برڤنتي٢ دڠن يڠدمكين برفنجاڠن سبب برهنتي ڤكرجاءن يڠ جاهت ايت كارن تاكوت اكن راج جوڬ بوكنن كارن تاكوة اكن الله تعالي اتوبرادب دان برسوفن دان برمالو ملڬ اڤبيل الف سديكيت كاول راج دان جاڬ راج كمبالي فول اي سمول فد ڤكرجاءن دمكينله حالن شهدان جلڬ مويكئيت تاكوة اكن الله تعالي سرت برمالو دان برسوفن دڠن سبب اد علمون ددالم هاتين يڠ مترڠكن بادنن درفد ممبيذاكن بايلڬ دڠن جاهت ملڬ يائت ديري سنديريله ممبواڠن دڠن تياد سوسه دان فايه دياتس

اخرة سڤرت تياد ماهو مڠلوارکن زکوة يڠدفرض الله تعالي دان براف
لاڬي بهيان خصوصا فول ملارة بخيلن ايت يڠ ممبري چدرا کڤد
کراجاٴن درفد فيهق مصروف سڴال منتري٢ دان اورڠ بسر٢ دان فڴاوي٢
يڠ تتف فد فکرجاٴن يڠتياد ممبري چاچة ددالم فکرجاٴن يڠ ممبري اندة
کفد کراجاٴن ملك تياد دسمفيکن مصروفن يڠ فاتوة دان لايق کفداڤ
اتو دبرين اکن تتافي تياد منچوکوفي کفد حقي دان کفد نفقه اهليڤ
سرت کواس راج ايت ميمفرناکن دي ملك تياد دسمفرناکن سبب
بخيل ملك يائت امت چدرا کڤد نام کراجاٴن کارن سڴال مريکئيت
يڠترسبوة ايت جلك تياد دسمفرناکن حقن نسچاي بمبڠله اي ددالم
ممڴڠ جباتن دڠن سبب منچاري اوسها اتو حيله سڤاي منچوکوفي حق
اهلين ملك افبيل ددالم فکرجاٴن ڤرهدافن ساتو ملك برچاڤ دوا دڠن
يڠلاينن نسچاي کورڠله سمفرنان فکرجاٴن ايت ترکادڠ جلك مريکئيت
کورڠ ٢ صبرن دان مالون سمفي جوك ممبري عائب فدکراجاٴن سڤرة
منريما فمبرين اورڠ ددالم بچارا منڠکالهن اتومنريما رشوة يڠ دحرمکن ملك
يائت جلك ساله فون فد فکرجاٴن اکن تتافي بردير حجهن داتڠ
سببن ايت درفد بخيل راج ايت ايڠت هباي٢ هندقله راج ايت
ايڠت بايك٢فد کبنساٴن اين دمکين لاڬي هندقله دفليهراکن برسوڠکه ٢
مناهن درفد بخيل يڠممباوا کفد مهمفاکن نکري درفد اورڠيڠ طلب
العلم يائت هندقله براني مڠلوارکن بلنج درفد تمفت کانق٢ اتو اورڠ يڠ
عاقل بالغ طلب العلم سڤرت دبلنجاکن ممفربواة مدرسه دان کتاب

بسر٢ دغن طمع لوب سرت مغيكوة هوا نفس يغ جاهت ايت سمفي خيانة اكن انق استري اورغ دان دغن سبب طمع لوب ايت فول جادي انڤاي كفد حكومن تركادغ ممباوا فول چدرا كفد نام سرة ممباوا كفد يغدحرمكن سفرت منريما رشوه ددالم ممبچاراكن اورغ دان لاينن ملك هندقله راج٢ دان اورغ بسر٢ منجاوهكن لوب اين كارن ممباوا كفد مڤاكيتي رعيت دان ايسي نڬري اداڤ انتهي.

كليم بخيل

ستڠه درفد صفة كچلاٴن بخيل يعني كيكر برمول بخيل ايت صفة كچلاٴن يغ ممباوا چاچة كفد سڬال مانسي استميوا فول كفد راج دان كفد اورغ بسر٢ دان افبيل راج٢ دان اوڠبسر٢ برصفة بخيل نسچاي فوتسله فڠهارافن فقير مسكين يغ ددالم نڬرين تركادغ ممباوافول كفد مڠهيلڠكن مروه فد فكرجاٴن يغ مستحق يغدهاروسكن مڠلواركن بلنج سفرة ممبالس فرسمڤاهن اورغ اتو ممبالس هديه راج٢دان اورغ بسر٢ يغ سدرجة دڠندي اتو مڠورڠكن قدر ڤمبالسن ايت سبب كارن بخيل ايت تركادغ ممباوا فول كفد بردوس سفرة تياد مڤمفرناكن دان ممچكيكن حق مصروف اهليڤ تركادغ ممباوا فول كفد ظالم دان عاٴيب يائت سفرت مناهن اتو مڠورڠكن اوفه دان نفقه سڬل بدواندا يغبرخدمت كفدان.

شهبدان سڬال يغترسبوة ايت جادي چاچت دان چدرا كفد راج٢ دان كفد اوڠبسر٢ تركادغ مندافت بهيا يغامت بسر ددالم

ايت ملك دلفسكله اي درفد جباتنن اتو دڤهكن درفد دالم نڬري كارن جلك موجود اورغيغ دمكين ايت ددالم نڬري تيادد افت تياد يغ راج ايت سوسه جوڬ دفربواتن اخر٢ن كمبالي كفد كبنسائن نڬري جوا كارن افبيل اوغبسر٢ ددالم نڬري اتو كباڤكن رعيت ددالم نڬري ايت بردغكي دغكين فسچاي باڤكله ادوان كفد راج سرت باڤكله ادو ادوان يغ دستا دان اومفة فوجي دغن تياد سبنرن تركادغ جلك باڤق فردعوائن دان ڤربنتاهن ددالم نڬري ايت سرت لمه راج درفد ممبچاراكندي سهڠك برفوكل ڤوكولن اتو بربونه بونهن ادان راج فون مندافتله كسوساهن يغمها بسر سبب نڬرين گادوه شهدان اينله كبنسائن دان كروسكن افبيل باڤق ايسي نڬري ايت بردغكي٢ دغكين برمول راج يغ عادل ايت برسوغڬه٢ اي فد منچاريكن مصلحة ملفسكن درفد جالن يغ ممباوا كبنسائن اين اداڤ انتهي٠

كاٴمفة طمع

يعني لوب كفد فراوليهن دنيا دان لوب فد ڤراوليهن هوا نفس يغ ملمفوي درفد حد شرع يائت ساڠت دچلا كفد سكال مانسي اف لاكي كفد راج٢ دان كفد اورغ بسر٢ كارن دغن سبب طمع ايت مندافتكن ببراف كجهاتن سفرت مغهيلغكن مالو اتو مللهكن بادن براوسهاكن لوب يغ برلبهن٢ تركادغ دغن سبب طمع ايت ممباوا كفد ظالم دان انڤاي كفد اورغ سمفي ممباوا خيانت كفد هرت بندا اورغ اتو بكد پاوا بادن اورغ اتو كفد كمالوان اورغ اف لاڬ راج٢ دان اورغ

دڠن كيت رندهكن ديري كفدان دان جلك داتڠ دڠكي كيت ايت هندق منجاتوهكن اورڠ يڠ ددڠكيكن ايت چاري عقل دان حيله سڤلي برتمبه٢ ناڤيكن يعني نايك كفد فڠكة دان درجة دان جلك داتڠ دڠكي كيت هندق مناهن نعمت كفد اورڠ يڠ ددڠكيكن ايت ڬاڬهكن نفس كيت دڠن مڤمفيكن نعمتن دان جلك داتڠدڠكي كيت هندق مندعاكن دي دڠن كجهاتن ملك توكركن دڠن مندعاكندي دڠن كبجيكن شهدان افبيل كيت فربواة له‌اوبت عمل اين انشاء الله تعالي مدهمداهن سمبوهله فياكيت دڠكي موايت سفرة برباڤ٢ دعاء كفد الله تعالي منتڤا سمبوهمن فياكيت دڠكي مو ايت كارن فياكيت دڠكي اين فياكيت فساك درفد ابليس لعنة‌الله تتكال الله تعالي مول٢هندق منجاديكن داتوء نينيء كيت نبي الله ادم عليه السلام سفرة يڠترسبوة ددالم قرأن العظيم سيڬيان هندقله راج٢ دان سڬال اورڠبسر٢ منجاوهكن فياكيت نجيس بردڠكي دڠكين ايت كارن افبيل باڤقله دان ظاهرله ددالم ساتو نڬري اكن اهلين باڤق بردڠكي دڠكين علامت نڬري ايت اكن بناس جوڬ اخرن اف لاڬي اورڠبسرن بردڠكي دڠكين مڠكين سڬراله بناسن ملك هندقله راج اية بايك٢ بنر سياسة كفد قوم قرابتن دان كفد منتري هلوبالڠن يڠ بردڠكي دڠكين ايت دان جلك ددافت هندقله چاري عقل دان حيله سڤلي ترتكه فكرجاڬنپ دڠن اف٢ جالن دڠن دفوجڬو اكندي اتو دصلوحكن‌كه دڠن فكرجاڬن يڠ فاتوة دان جلك تياد جوڬ‌اي ماهومنريما دڠن دواجالن

چيتا سرت برسما دوسن يغتياد برچري كارن اورغيغ ددغكيكنڤ ايت تياد لفس درفد نعمة دغن سبب دغكين ايت جادي دودقله اي سهاري٢ ددالم سبوسه هندق منچاري تيفو حيله بيار اورغيغ ددغكيكنن ايت جاتوه نعوذ بالله منها كتوجه اورغيغ دغكي ايت دبوت كن الله تعالي مات هاتين هغك تياد مندافت فهم سوات حكومن درفد حكوم الله تعالي يغمليا سبب هاتين ترالو بنق دسلافوة اوله دغكي اية كدلافن اورغ يغ دغكي ايت ترتكه درفد سمفي مقصودن دان حاجتڤ دان تياد دتولوغ الله تعالي اتس سترون سبب بنچي الله تعالي اكندي دان اورغ يغ ددغكيكن ايت جوك يغ مندافت سغرت كهندقن دري سبب سي دغكي ايت اورغيغ ظالم دان يغ ددغكيكنن ايت اورغيغ كنا مظلوم برمرل الله تعالي ايت عادیل لاك مغسهاني اكن همبان يغ كنا مظلوم يعني يغ ترانياي اوله سي دغكي ادان انتهي٠

اوبة دغكي

ادفون اوبة فياكية دغكي ايت يائية دغن علم دان عمل ادفون علم ايغة كنله بايك٢ كجهاتن دغكي دان چلاكان دان بهيان سفرة يغتله ترسبوة ايت ادفون عمل مك هندقله تيلك بنر٢ هاتي كيت دان جاك٢ بنر٢ كهندق هاتي يغ هندق دغكي ايت جاغن ترلفس كلوار كفد اغكوت شهدان جك داتغ دغكي ايت هندق منچاچة اتومنچلا اكن دي توكركن دان كلوارکن دغن ليده ممبايكي دان مموجي اكن اورغيغ ددغكيكنن ايت دان جك داتغ دغكي كيت هندق تكبر اتسن توكركن

ددالم حديث دان ببراف كتاب العلماء اكن تتافي فد كتاب اين دڤندقكن ڤركتاءنن سقدركن دسبوة سكيرا٢ پات بهيان ددالم دنيا دان ددالم اخرة جادي ڤنجڬاءن كفد راج٢ دان كفد اهل المحكمه مك يائت اينله اي انتهي *

بهيا دان كبنساءن دڠكي

فرتام ممبنساكن عمل عبادة تياد مندافت فهلا سديكيت جوا فون هابيس عمل عبادتن ايت دماكن اوله دڠكي سفرت مماكن افي اكن كايو يڠ كريڠ كدوا دڠن سبب دڠكين ايت ممباوا كفد معصية سڤرت مڠومفة دان بربواة بوهڠ دان تركادڠ سمڤي برماكي ماكين دان سوكاكن اورڠيڠ ددڠكين ايت مندافت بلا اتو سمفي بربنته دان بركلاهي دان برتومبئو دان برتينجو دان برتيكم نعوذ بالله منها كتيڬ دڠن سبب دڠكي اية ترتڬهله شفعة رسول الله كفد هاري قيامة كارن سبد رسول الله صلي الله عليه وسلم اورڠيڠ دڠكي ايت بوكن درفد اكو كاءمڤت ماسئو نراك كارن فربواتنن يڠ دڠكي سئوله٢ ميالهكن الله تعالي يڠ مڠرنياكن اتس همبان سئوله٢ الله تعالي له يڠدمارهكنن ايت كليم تركادڠ ممباوا كڤد مضرة كڤد اورڠيڠ ددڠكين ايت سفرت دفربواتن فتنه يڠ بوكن٢ فاتوة سبب اينله رسول الله صلي الله عليه وسلم مپوره برلندوڠ كڤد الله درفد كجهاتن سي فدڠكي سڤرت برلندوڠ درفد كجهاتن شيطان يڠ كنا رجم دان يڠ كنا لعنة سفرت يڠترسبوة ددالم حديث كاءنم اورڠيڠ دڠكي ايت سننتياس ددالم بلاء سوسه دان ددالم بلاء دوك

الحسد

برمول حسد يعني دڠكي ايت ساتو صفة يڠمها بسر كچلاءن بارڠ يڠ ددالم هاتي واجب سكال مانسي افلاكي راج٢ دان اورڠ بسر٢ ملك يائت من باب الاولي كارن صفة دڠكي ايت ممباوا كفد كبنسائن ديربن هڠك سمڤي ممبنساكن اورڠيڠ لاينن نعوذ بالله منها برمول معني دڠكي ايت يائت سوك سورڠ اكن هيلڠ ضعمة سورڠ يڠ لاينن سام ادنعمة دنيا اتو نعمة اكام دان جلك داتڠ دڠكي كفدهاتي سورڠ دڠن تياد اختيار ملك تيدق دايكوتكن دڠكي ايةدان تيدق دظاهركن كفد اڠكوتان دڠكين ايت سرت بنچي اي اكن كرق هاتين يڠ دڠكي اية برسوڠكه٢ اي منچاري داي اوفاي ملڤسكن دڠكي هاتيپ ملك يائت تيدقله منجادي مضرة دان جكلو دايكوتكن دڠكين ايت سرت دظاهركن كفد اڠكوتان سڤرة كلوار قركتاءن منچلا اتو منچاچة اكن اورڠيڠ ددڠكيكن ايت اتو دتكهكن اف٢ كبجيكن يڠهندق داتڠ كفد اورڠيڠ ددڠكيكن ايت سام اد بيار فولڠ نعمة اورڠيڠ ددڠكيكن ايت كفدان اتو تيدق ملك برنماله دڠكي يڠ جاهة لاكي حرام دوس بسر كارن سجاهة٢ اورڠ هندق منڠكلكن نعمة اورڠ دان قراوليهن اورڠيڠ دبري الله تعالي كفد سورڠ دكهندكين بيار دي فول مندافة نعمة ايت اتو قراوليهن ايت الله الله اينله اورڠيڠ چلك بدبه يڠ ددافتن جوك بالس كجهاتن اية ددالم دنيا دان ددالم اخرة ادفون كچلاكان دڠكي دان بهيان ايت ددالم دنيا دان ددالم اخرة امة باڤق سڤرت يڠترسبوة ددالم قرءن دان

دفيكركن موده برڬنتي ڬنتين سڬال يغترسبوة اية كارن ببراف اورڠ يڠ برعلم جادي بودوه سبب هيلڠ عقل دان ببراف اورڠيڠ بربڠسا منجادي هينادان ببراف اورڠيڠ بايك روف منجادى جاهة روف سبب كنا فياكية دان ببراف اورڠيڠ كاي منجادي مسكين دان ببراف اورڠيڠ ڬاڬه جادي لمه سبب فياكية اتولاينن بتفاكه كيت هندق تكبركن سڬال صفة يغترسبوة ايت اينله ستڠه درفد اوبتن علي الجمله جلك كيت هندق هابيسكن سڬال بچارا تكبر اية تيليكله كفد كتاب يڠ ڤنجڠ٢ اداپ انتهي ٠

غضب

برمول فماره اين صفة يڠ كچلاڠن يڠ ددالم هاتي هندقله راج٢ دان اورڠ بسر٢ منجاوهكن صفة اين كارن راج٢ دان اورڠ بسر٢ افبيل فماره فد يڠ بوكن دهاروسكن شرع ملك جاديله ممبنسكن ببراف اورڠيڠ كچيل٢ دان اورڠيڠ لمه سبب تاكوتن دان ڬرونن اتو سبب بنچين تركادڠ تياد سمفي٥ادو ادوان مريكئيت ستڠه اتس ستڠهن سبب تاكوتكن مرك دان ماره تركادڠ ملارة فول سمفي جاتوه كبنسان رعية ايسي نكري اد يڠ تركنا فالو اد يڠ تركنا تعزير اد يڠ تركنا عايب دان دڠن سبب فماره ايت جلك ترساڠة سمفي مڠهيلڠكن عقل دان مالو دان سمفي ملالوي حد شرع دان سمفي مڠهيلڠكن مروه سبب بربنته دان بركلاهي دان برنونه بوتهن دان برلوك لوكان سبب برتومبؤ دان برفالو اتو برماكي ماكين سموا يغترسبوت منچدراكن كراجان دان منچدراكن اورڠ بسر٢ اداپ انتهي ٠

مندغر اجاران اورڠ دان سوك اي مڠيڠتكن اورڠ دان مارة اي اكن
اورڠيڠ مڠيڠتكندي دان جك اد ڤربواتن دي ايت ساله سكاليفون
تركادڠ سوك اي دبسركن اورڠ دڠن ظاهر دان مارة اي فد اورڠيڠ تياد
ممبسركندي سمفي جادي بربنته دان بركلاهي تركادڠ تياد سوك اي
ڤرڬي زيارة كفدماورڠ دان سوك اي دزيارهكن اورڠ دان سوك اي
زيارة كرومه اورڠ بسر٢ دان تياد سوك زيارة كرومه فقير٢ دان سوك
اي ممڤرڬي جمفوتن اورڠ بسر٢ اهل‌الدنيا كارن دنيان دان تياد سوك
اي ڤرڬي جمفوتن دان جموان اورڠيڠ فقير٢ دان سوك اي ددودقكن
اورڠ فد تمڤة يڠ تڠڬي يعني يڠمليا مارة اي ددودقكن اورڠ كفد تمڤة
يڠ كورڠ جكلو لايقن دودقكندي فد تمڤة ايت سكاليفون تركادڠ كلوار
توتر كتان دڠن كاسر دان بوڠكق سبب اي ممندڠ سڬال اورڠ ايت
هينا سهاج درفدان شهدان ملك ڤركارا يڠترسبوة ايت سموان ملياركن
دان ممبنچيكن هاتي اورڠيڠ ممفوبا٘ي مات هاتي يعني اورڠيڠ برعقل
دان باڤقله ڤركارا تكبر اين ترسبوة ددالم كتاب٢ اهل‌الصوفي افلاڬي ددالم
قرا٘ن دان حديث قدركن دسبوة دسيني منجڬاكن باڭ راج٢ دان
اورڠ بسر٢ درفد صفاة يڠ كجي اين جلك بركهندقكن لبه سڤرت سڬال
تفصيلن رجوعله كفد سڬال كتاب تصوف يڠمڤبوتكن ڤركارا كچلا٘ن هاتي
برمول اوبتن هيلڠ تكبر ايت ملك هندقله دتيليك داتڠن صفاة تكبر
ايت اداكه داتڠ درفد علم اتو روف اتو درفد قوات دان ڬاڬه اتو
درفد هرت بندا دان اتو كبساران ملك يائت اوبتن علي‌الجمله هندقله

ممليهراكن نام سفلي منداڤة نام يڠ بائك تياد داڤة تياد هندقله كيت كتهوي ترتيب سكال كجهاتن هاتي يڠ ممباوا كفد اڠكوت يڠ ظاهر يائة يڠلاكي اكن دسبوتكن فد خاتمه كتاب اين انشاءالله تعالي اداڽ انتهي ٠

خاتمه

فد مڽتاكن بارڠيڠ جادي چاچة دان چدرا كفد راج٢ دان كفد اورڠ بسر٢ درفد صفاة يڠ كچلاڽ يڠ ددالم هاتي اتو لاينڽ يڠ جادي منداتڠكن كفد ديرين مضرة يڠ بسر اتو كفد لاينڽ ملك يائت امة باڤق اكن تتافي فد كتاب اين تياد هابس دسبوتكن سبب كارن يڠدسبوتكن دسيني يڠ مضرة كفد ديرين تركادڠ ممباوا كفد لاينڽ ملك يائت اينله يڠترسبوة دباوه اين انتهي *

فرتام

تكبر يعني ممبسركن ديري فد يڠ تياد داڽنكن شرع ادفون معني ممبسركن ديري ايت يائت ممندڠ سسئورڠ مخلوق دڠن تيليك يڠ كورڠ درفدان دان ممندڠ ديرين لبه سمات٢ سام اد كفد علم دان عمل اتو كفد روف دان بڠسا اتو كفد قواة دان كاكه اتو كفد هرت بندا ملك دنماءيله اورڠيڠ تكبر برمول كبنسائن ايت اد كلا٢ن ظاهر اد كلان باطن سڤرت سبدا نبي صلي الله عليه وسلم من تكبر وضعه الله ومن توضع رفعه الله يعني بارڠسياف تكبر يعني ممبسركن ديري ننتي درندهكن الله دان بارڠسياف مرندهكن ديرين ننتي داڠكتكن الله ادفون يڠ ظاهر ايت امت باڤق كارن غالب كفد اورڠيڠ تكبر ايت تياد سوك اي

اورغ بائك ادفون سجاهة٢ نام كفد راج٢ دان كفد اورغ بسر٢ ايت
يائت نام ظالم دان نام بودوه دان نام لالي دان نام ڤناكوت ادفون
نام ظالم سكجي٢ نام راج دان نام اورغ بسر٢ دان ارتي ظالم ايت فد
لغة كلم تربية درفد ظالم يظلم ظلما فهو ظالم اسم فاعل يڠ كلم يعني كلم
درفد ممبيذاكن محق دڠن باطل دان فد اصطلاح شرع دان دڠن معني
انياي يعني ملاكوكن اتس سڤورڠ بوكن دڠن سبنرن سام اد درفد حكومن
اتو كلكوان يڠ ميلاهي دڠن حكومن قرائن دان حديث دان اجماع سام
اد فد پاوا دان بادن اورڠ اتو فد هرث بندا اورڠ اتو فد كمالوان اورڠ
لاون ظالم ايت عادل يائت محكومكن اتو ملاكوكن سوات اتس سڤورڠ
دڠن فاتوتپ دڠن موافقة دڠن قرائن دان حديث دان اجماع اتو
ملاكوكن سوات يڠدبيلڠكن انده دان فاتوة سرت منفعة كفد اورڠيڠ بنر
دان كفد اورڠيڠ ممفوپاءي مات هاتي شهدان اداله فكرجائن ظالم-اية
دوا بهڮي فرتام منظالمي ديرين كدوا منظالمي اورڠيڠ لاين ادفون منظالمي
ديرين سڤرت مڠرجاكن اي اكن فكرجائن يڠ ممباوا مضرة كفد عقلن
اتو كفد بادنن سڤرت دكرجاكنن دڠن ديرين بربواة معصية اتو مللهكن
ديرين دڠن ڤرماينن يڠ سياء اتو ماكن مينم اي يڠ ممبري مضرة كفد
عقل دان كفد بادن اتو منسيا٢كن عمرن دڠن تياد مڠرجاكن يڠ كبجيكن
ملك يائتوله منظالمي ديرين ادفون منظالمي اورڠيڠ لاينن ملك يائت
تراله معلوم سڤرت يڠ تله ترسبوة كفد معني ظالم ايت شهدان افبيل
كيت كتهويله نام يڠ جاهة دان نام يڠ بائك ملك تتكل كيت بركهندق

هندقله جاڠن لكس دچابوت بير سلسي انزلن ڤرمفوان ايت افبيل سلسي هندقله دباسوه ذكر كيت ايت دهولو جكلو كيت هندق جماع سكالي لاڬيفون شهدان ممباڽقكن جماع ملمفوي درفد عادة سبب مڠيكوتكن هوا نفسو كارن ممباڽقكن جماع يڠدمكين ايت مڽڬراكن توا منداتڠكن فڽاكية لمه سندي٢ استميوا فول جلك كيت ممفوڽاءي طبيعة سوداء يعني سجوء كريڠ يائت ترلبه ساڠة سڬرا ممبري مضرة كفد بادن ادفون برڬرق٢ يائت منداتڠكن صحة جوا كارن افبيل باڽق ديم بادن اية لمفوي درفد وقتون تياد قواة ڤرجلانن داره افبيل سجوء داره ترتاهنله اي درفد برجالن يائت ممباوا كفد فڽاكية دان هندقله كيت ڬرقكن بادن كيت ايت تيڤ٢ هاري قدر يڠ فاتوة اد كلان دڠن مڠندراءي كودا اتو دڠن برسيار٢ اتو دڠن ممبواة سوات فكرجاءن استميوا فول لفس ماكن فتڠ سكورڠ٢ن امڤة فوله لڠكه اداڽ ادفون مڠناكن بادن دڠن هوا دان اڠين يڠ لمه لمبوة يائت منصحتكن بادن جوا دان هوا يڠ بائك اية بعدالصبح دان قبل الطلوع الشمس يعني كمدين درفد سمبهيڠ صبح دان سبلوم لاڬي تربية متهاري ادفون اڠين يڠ بائك يائت اڠين لمه لمبوة درفد فيهق مشريق شهدان اينله سڬال يڠترسبوة اية سيڬيان راج دان اورڠ بسر٢ معملكن بارڠيڠ ترسبوة اية علي قدر كواسان انتهي ٠

فصل ٣

فد مڽتاكن مملیهراكن نام برمول تياد داڤة تياد راج٢ دان اورڠ بسر٢ ايت مملیهراكن نمان يعني مملیهراكن نام يڠ جاهة سفاي دسبوة

دان رمفه٢ فون دمكين جوڬ برمول طبيعة بادن اية تيادالة ترسمبوڽي
كفد اورڠيڠ اهل النبط دان دمكين لاڬي خصية٢ مكانن دان رمفه٢ فون
تياد جوڬ ترسمبوڽي كفد اهل الطبيب دان فرايدارن سڬال فصل
ايتفون تياد ترسمبوڽي كفد اهل الفلكيه يائت مڠتهوي سڬال بروج يڠ
دلاڠية دان منزلة متهاري دان فرايدارنن دان برڤندهن درفد ساتو بروج
ملك تيف٢ برڤندهن ايت مڠوبهكن طبيعة هوا دنيا اين دان جلك
هندق اكن تفصيلن علمو اين هندقله تياكن كفد سڬال اهلين دان فاتوة
جوڬ راج٢ دان اورڠ بسر٢ دان مڠتهوي علمو اين سفاي دافة اي
ممبيذاكن بادنن دڠن مكانن دان دڠن رمفه دان دڠن طبيعة فصل٢
دنيا اين سفاي داوبتكن بادنن دڠن مكانن دان دڠن فصلن سفاي
منجادي صحة دان عافية دان هندقله ماكن ميڠم دڠن ادبن سڤرت
ددالم كتاب الاداب اداب لاكل تفتوة اولهم اكنده ادفون تيدور هندقله
دڠن هڠكان جلك مالم جاڠن تيدور ملمفوي دلاڤن ساعة دان جلك
سيڠ جاڠن ملمفوي ساتو ساعة قيلوله لبه كورڠ سديكية تياد مڠاف
سكيرا٢ منداڤة اول وقت ظهر يائت يڠ اولي دان ممباڤكن تيدور
ايت منسيا٢كن وقت دان مڠهيلڠكن چهيا موك دان منسيا٢كن عمر
ادفون جماع هندقله دڠن وقتون يائت فد كتيك داتڠ شهوة سرت
سدي منى دان هندقله دڠن ترتيب دان ادبن سڤرت بارڠ يڠدسنتكن
نبي صلي الله عليه وسلم دان جاڠن برتلنجڠ بوڬيل كدوان سڤرت بناتڠ
دان جاڠن ممندڠ كفد فرج فرمفوان ايت افبيل كيت انزل دهولو

الله تعالي سبب حكمتن تياد كيت كتهوي انتهكن اف٢ يڠ جادي كبجيكن كفد كيت جاڠنله كيت كلوهكسه مڠادو٢ كسان كماري دمكينله كيت كرجاكن فد مملیهراكن روح شهدان جك هندق تراڠ كپتاٴن ڤركارا يڠترسبوة ايت هندقله مطالعه كتاب٢ اهل الصوفي سڤرت كباڤقكن كتاب الغزالي دان لاينن انتهي ٠

فصل ٢

فد مملیهراكن بادن دان منتدبركن صحة يائت ساڠة بركهندق كفد راج٢ دان اورڠ بسر٢ فد مملیهراكن بادن ايت كارن فپاكية ايت مموتسكن ببراف فكرجاٴن برمول منتدبركن بادن سفاي صحة ايت يائت ليم ڤركارا ڤرتام فد ماكن دان مينم كدوا تيدور كتيڬ فد جماع كاٴمڤت فد برڬرق٢ كليم فد برهوا ادفون فد ماكن مينم هندقله دڠن براتور دان برحد مك هندقله ماكن فد كتيك لافر دان مينم فد كتيك دهڬا افبيل ماكن جاڠن كنپڠ دڠن هوا نفسو جاڠن مماسوٴكن مكانن سبلوم لاڬي هنچور مكانن يڠ بهارو دماكنن دان جاڠن ماكن دهيمفونكن سوسو سرت ايكن دان جاڠن ماكن اكن مكانن يڠ سده باسي دان هندقله مميله اكن مكانن يڠ برفاتوتن دڠن طبيعة بادن سرت برفاتوتن دڠن طبيعة فصل عالم كارن اداله طبيعة مانسي امڤة عناصر يائت فانس كريڠ دان فانس باسه دان سجوٴ كريڠ دان سجوٴ باسه دان فلك لاڠية فون امڤة ڤرايدارن جوڬ ڤرايدارن فانس كريڠ دان ڤرايدارن فانس باسه دان ڤرايدارن سجوٴ كريڠ دان ڤرايدارن سجوٴ باسه دان طبيعة مكانن

بلاء دغن دساكيتي اوله قوم يهودي كمدين بتاف فد اخر فكرجائنڤ
داڠكتكن الله تعالي كلاڠية دغن كملياءن دان سڤرت نبي كيت محمد
صلي الله عليه وسلم ببراف بلاء دڤرساكيتي اوله قوم قريش دغن ددستاكن
دان دغن دفراڠي دان دڤراوسير دري نڬري مكةالمشرفه سمفي كمدينه
كمدين دڤرايكوة اوله قوم قريش كمدين دغن دفراڠي دغن سبنر٢ سوسه
ڤرموسسهن يڠ بسر٢ ببراف كالي كمدين فد اخر فكرجائنن بتاف روفان
سياف يڠ دتولوڠ الله تعالي دان سياف يڠ دبنسكن فيكرله اولهم دغن
فيكران يڠ سمفرن سبب كارن اينله تياداله يڠ ترلبه بسر اوبة فياكيت
انوع البلاء درفد قرآن العظيم دان حديث سيدالمرسلين دان كتاب٢
كراڠن علماء العاملين مك يائت ترلبه سڬرا اوبة مهافوسكن سڬال انوع البلاء
يڠ تله ترسبوة ايت شهدان ستغه درفد يڠ ممبري منفعة مملیهراكن راج
يائت هندقله سكدودكن دغن اورڠيڠ برعلم درفد علماء اتو اورڠيڠ صالح٢
اورڠيڠ يائك فراڠي بياس صبر دان ريضا اكن قضاء الله تعالي دان توكل
كفد يڠدجنجيكن الله تعالي درفد رزقي دان لاينن دان هندقله جاڠن
دهمفيري سڬال سبب يڠممباوا دوكچيتا دان سوسه يڠتياد دسورهكن
شرع ددالمن دان جك داتڠ سوسه دان دوكچيتا دغن جالن دسورهكن
الله تعالي دان رسولن مك هندقله صبر سرت ريضا سرت برهارف اكن
كبجيكن دان توكل كفد الله دان منتاء تولوڠ كفدان دغن منتاء دعاكه
اتو دغن سمبهيڠ حاجة دان جك سڬرا دتولوڠن مك هندقله شكور
كفدان دان جك لمبة دتولوڠن هندقله صبر سرت بائقكن سڠك كفد

هندقله جاڠن كيت ايكوتكن سوسهن كارن تياد برڬون سوسه دان تياد ترتولق فرنته الله تعالي دڠن سبب سوسه كيت ايت دان تياد بوله كيت منڬهكن تقديرن اكن تتاڤي جلك دلاون سوسه كيت ايت دڠن صبر دان ريضا دان توكل مدهمداهن برتمو كيت دڠن بارڠ يڠدجنجيكن الله تعالي ددالم قرائن العظيم يائت الله تعالي كاسيهكن اورڠيڠ صبر دان ملواسكن اورڠيڠ توكل ددالم دنيا دان ددالم اخرة دان ممبري فهلا فول اورڠيڠ صبر ددالم بلاء دان مڬنتي فول الله اكن اورڠيڠ صبر ددالم بلاء دڠن ببراف كلبيهن ددالم دنيا دان اخرة سڤرت حكاية سڬال انبياء٢ يڠترسبوة ددالم قرائن سڤرت نبي يعقوب دبري بلاء برچري دڠن انقن يوسف عليه‌السلام كمدين بتاف اخرن يائت دڤرتموكن الله تعالي دڠن باف دان دڠن سڬال سودران ددالم نڬري مصر فد حال دڠن كملياڠن دان كبسارانن منجادي راج ددالم نڬري مصر دڠن بركة صبرن اكن بلاء انتهي دان سڤرت نبي الله ايوب عليه‌السلام دبري بلاء دڠن فياكية دان كماتين سڬال اهلين كمدين بتاف فد اخرن يائت دصيحتكن بادنن تولبه بائك درفد دهولون دان دكمبالیكن سڬال انق٢ن دان سڬال هرتان تولبه بايق درفد يڠ بناس ايت دڠن بركت صبرن انتهي دان نبي الله موسي عليه‌السلام دبري بلاء دڠن برموسه دڠن راج فرعون دڠن ببراف ماس كمدين بتاف اخرن يائت دتڬلمكن الله‌تعالي راج فرعون دڠن سڬال قومن دان لفس نبي الله درفد بلاڠن دان مڬنتيكنله اي اكن كراجاڠن فرعون دڠن بركة صبرن انتهي سڤرت نبي الله عسي عليه‌السلام دبري

فياكية كفد بادن دان كفد توبه كتيڬ سبب برچري دغن ككاسيه
سايڠ سام اد كفد مانسي سڠرت كماتين انق استري اتو سنق سودرا
قوم قرابة دان صحابة هندي اتو سبب برچري دغن ككاسيه سايڠ درفد
فڠكة دان كبساران دان كملياٴن اتو كاسيه سايڠ درفد هرت بندا امس
فيرق سڠرت تڠكل سڬال يڠترسبوة ايت درفد ڬڠكامنن يعني ترلفس
درفدان دغن كهيلاڠن اتو كروڬين كاٴمڤة دغن سبب كدتاڠن سوسه
درفد فيهق يڠدتاكوتكن هيلڠ پاوا اتو مضرة كفد پادن يائت كسوساهن
فد فيهق سترو سڠرت ددالم ڤرموسهن دان ڤرڬادوهن اتو لاينن يڠ سڬال
فكرجاٴن يڠدتاكوتي كليم سبب كدتاڠن دهيناٴكن مانسي سڠرت
داومڤة اورڠ دان دچلا اورڠ دان دنستا اورڠ اتو بارڠسباڬين سڬال
فكرجاٴن يڠجاتوه ديرين يڠجادي مڤوسهكندي ملك اينله سڬال يڠترسبوة
اية يڠ مندااتڠكن فياكية روح هندقله برسڠكوه٢ مڠوبتكن دان مملييهراكندي
كارن فياكية اين بناس كفدبادن ملك واجبلهمملييهراكندي دان مڠوبتكندي
برمول مملييهراكندي دان مڠوبتكندي علي الجمل تياد يڠ ترلبه بسر دان
ترلبه سڬرا فد ممبايكي دي ملينكن مندڠر قراٴن العظيم دان حديث
سيدالمرسلين دان ڤركتاٴن دان نصيحة دان اجران صحابة دان اولياٴ
دان علماٴ دان حكماٴ المتقدمين والمتاٴخرين سڠرت ممبكركن معنان
دان مفهومن سڬال ڤركتاٴن مريكئيت دان فد مڤورة صبر دان ريضا
دان توكل افبيل كدتاڠن سڬال انوع البلاٴ يڠ تله ترسبوة ايت كفد كيت
كارن ددالم دنيا اين تياد همفا درفد انوع البلاٴ يڠترسبوت ايت ملك

فصل ١

فد مڤتاكن مملیهراكن روح يعني ڤاوا دان‌هاتي برمول معني روح دان معني قلب دان معني نفسو دان معني عقل اية يائت برقنجاڠنله بچاران ددالم كتاب يڠ ڤنجڠ٢ سڤرت ددالم احياءعلوم‌الدين دان لاينن ملك تيادالله بوله فاتوة دتڠكوڠكن فد كتاب مختصر اين‌سهڠك كوڤتاكن اتس معني روح يڠ غالب اتس فڠتهوان اورڠيڠ عوام جوا كارن اداله فد فڠتهوان اورڠيڠ عوام اداله مانسي يائت توبه بادن برهمفون كفدان ببراف اڠكوت سڤرت مات دان تليڠا دان ليده دان هيدوڠ دان تاڠن كاكي دان فروت دان ذكر ملك يائت منريما فياكية يڠ ظاهر يڠ دافة داوبتكن اوله طبيب دڠن ببراف اوبة يڠ ظاهر يڠ برلاينن خصيتن دان فاءيدهن ادفون روح دان هاتي ايت ممرنتهكن سكال اڠكوت يڠ ظاهر ايت حال كادائن جسم لطيف يعني جسم يڠ هالوس يڠ تياد ددافة اوله ڤنچاء اندرا يڠ ظاهر دان منريما اي اكن فياكية يڠ باطن دان تياد ددافة داوبتكن دڠن اوبة يڠ ظاهر دان سڤرت دفكڠ دان دجابة اكن تڤافي منريما فول اي اوبة يڠ‌لطيف يڠ‌هالوس٢ اكن‌لاكي داتڠ سبوتن انتهي.

برمول‌فد فيهق مملیهراكن روح دان مملیهراكن هاتي دان نفسو ايت فرض كارن جلك ساكية سكال يڠترسبوة اية ممباوا كفد ممبنساكن كفد اڠكوت يڠ‌ظاهر جوا برمول اداله فياكية يڠ‌داتڠ كفد راج اية يائت انوع‌بلاء يعني كدتاڠن ببراف باكي بلاء دان سوسه ڤرتام فد رزقي يعني سبب كفچقكن رزقي يعني كهيدوڤن سبب فاف كدوا سبب كدتاڠن

پاوا کامو اتو بدان کامو اتو هرت کامو انشاءالله تعالي انتهي ٠

کدوا

برسڠکوه٢ کامي٢مملیهراکن٢نام کامو دان مملیهراکن مروه کامو دان مملیهراکن کمالوان کامو سام اد فد دیري٢کامو اتو فد اهلي٢ کامو انتهي ٠

کتیڠ

سبوله٢ن بهوا کامي مڽمفیکن حاجة٢کامو یڠدهاروسکن ددالمن فد شریعة دان فد عادة یڠ بوله سکواس کامي مڽمفیکن فد فکرجا٢ن یڠ لایق دان یڠ فاتوة کفد کامو انتهي ٠

کا٢مڤة

کامي بیبسکن کامو برجمفا کامي دان برداتڠ سمبه کفد کامي جك اد ڤربواتن کامي یڠ تیاد بربتولن دڠن شریعة دان عادة اتو بارڠ یڠ تیاد سدڤ کفد هاتي کامو تڠکه لاکو کامي اتو اهلي٢ کامي ملك یائت بیبسله کامو برجمڤا کامي دان برداتڠ سمبه کفد کامي کفد تمڤة یڠ فاتوة دان فد ماس یڠ فاتوة دڠن حال کلکوان یڠ فاتوة انتهي ٠

باب یڠکتیڠ

بارڠ یڠ تیاد داڤة تیاد درفد راج٢دان اورڠ بسر٢ مملیهراکندي یائت تیڠ ڤرکارا ڤرتام مملیهراکن روح یعني پاوا کدوامملیهراکن بدان دان جسد کتیڠ مملیهراکن نام شهدان ملك ددهولوکن دسین فد مملیهراکن روح یعني پاوا *

اخوانن يڠ ددالم سفركرجاٴن ايت اداڤ انتهي ٠

ستيا ١٢

افبيل دسورو٥ راج اتو يڠ سام ساتو فكرجاٴن ايت درفد خبر كراجاٴن اتو لاينن جاڠن سكالي٢ بوهڠ دان جاڠن دتمبه دان دكورڠكن سڤرت هندق مڠمبيل وظيفه بهكين كبساران ديري سنديري دڠن سبب سوكاكن كمڬاهن ديري سنديري دان دڠن قصد منظهيركن بجقسان دان تڠكي همتن افلاڴي بربواة بوهڠ هندق مڠهينداكن تولنن دان ممبودهكن راج دان ممبودهكن تولنن يڠ سام سفركرجاٴن دڠندي ملك يائت حرام لاڴي ترتولق درفد ڤنتو امانة الله الله الله سكال اخوان جاوهكن سكالي٢ درفد برهڠ اين كارن افبيل الله تعالي ممبري كفد سوات همبان بوهڠ كهيناٴن اتس همبان دان ممبري گوگور ڤندڠ دان تيلك سودران يعني هينالا كفد مانسي كارن تيف٢ بوهڠ ايت كدفاتن جوك سده برلاكو عادة الله تعالي اتس يڠدمكين ايت اداڤ انتهي ٠

شهدان افبيل تتڤله دان براتورله سكال ستيا٥ يڠترسبوة ايت سرت دڤرسمبهكن كفد راج ستيان اية دڠن ريضان سرت دڠن كتراڠنن ملك هاروسله راج اية ممبالس قول دڠن دكرنياكن اتسن ادفون جنجين ايت دمكين بوڤين بهوا كامي راج انو ممبري ڤرجنجين كفد منتري انو اتو سيانو اتو لاينن اف٢ نمان بهوا دڠن دكرنياكن امڤة ڤركارا انتهي ٠

فرتام

بهوا كامي تياد ممڤربواة فكرجاٴن ظالم داتس كامو سام اد فد

هندقله دكتاكنڽ دهداڤنڽ سام سئورڠ جك مالو هندقله دكتاكنڽ كفد يڠ سام سفركرجاءن تياداله هاروس داومڤتڽ كفد سڬال ايسي نڬري دان كفد رعية نڬرين افلاڬي نڬري يڠ لاين اداپ انتهي ٠

ستيا ١٠

جاڠن سكالي٢ مناروه دڠكي دان دندام اتس سام سفركرجاءن سبب كورڠ درجتڽ دان ڤراوليهنڽ كارن لبه دان كورڠ اية سمات٢ كرنيا الله تعالي اتس همبانڽ دڠن فميلهنڽ يڠ ازلي دان حكمتڽ يڠ مڠتهوي اكن حقيقةالامور دمكين لاڬي راج اية ملبهكن دان مڠورڠكن ستڠه اتس ستڠهڽ دڠن اجتهادڽ مك تياد هاروس كيت اعتراض اتس يڠدمكين ايت شهدان فكرجاءن اين امر قبلي دان فپاكية هاتي بارڠكالي تياد كواس مريكئيت ممليهراكن دان مناهن اتس فكرجاءن ايت كارن غالب تيڤ٢ يڠ نعمة دان لبه ايت تياد سوپي درفد حسد جك دمكين هندقله اي مناهن برسڠڬوه٢ درفد منظاهركن حسدڽ سرت دڠن استغفر كفد الله تعالي سرت منتاء استعاذه كفد الله تعالي من شر حاسد اذا حسد انشاء الله تعالي مدهمداهن دهيلڠكن الله دڠن كرنياڽ دان كلبهنڽ دان هندقله اي ممباچ سڬال كتاب٢ يڠ مپبوتكن ڤركارا حسد والمحسود سرت دعملكن برسڠڬوه٢ هاتي اداپ انتهي ٠

ستيا ١١

جاڠن سكالي٢ منتحقيقكن سوات فكرجاءن بائك اتو جاهة اتو ساله اتو بنرڽ اتو كبجيكن اتو كبنساءن كمدين درفد ظاهر اتس سڬال

ستيا ٧

اف٢ يڠ دائة ددالم فكرجاءن محكمه درفد خرجتن دان حاصلن اتودرفد اجرة المثل ث يڠبوكن دتڬهكن كفد باب يڠكدواكفد فصل يڠكدلاڤن ددالم باب اين يڠدهاروسكن اوله شرع دان قانون سڤرت بارڠ يڠ دموافقتكن دان دتتڤكن اوله راج فد تمڤت ايت دڤن مڠلواركن بلنجا سڤرت اجرة القسمه يعني اوفه ممبهڬيكن تانه٢ دان بومي فد يڠ برسكوتو دان لاينن بارڠ يڠدهاروسكن دان دعادتكن اوله راج ملك يائت تياداله اي بوله منريما ملينكن دڤرمعلومكن كفد راج اتو كفد فڠهولو محكمه ايالة يڠ ممبهڬيكن دڤن جالن يڠ عادل انتارا سڬال مريكئيت ملك هندقله منريما دڤن چوچي دڤن اخلاص فد بارڠ يڠدفاتوتكن اوله راج اتو فڠهولو محكمه ايت اداپ انتهي .

ستيا ٨

افبيل اد ڤرسلسيهن انتارا مريكئيت يڠ ددالم محكمه ايت يڠ سام ممڬ ددالم فكرجاءن كراجاءن ملك يائة تياد بوله دحكومكن دمجلس محكمه اكن تتافي اداله دحكومكن دان دبچاراكن ساتو تمڤة يڠ مستور تياد بوله حاضر اورڠيڠ بوكن ددالم محكمه ايت اداپ انتهي .

ستيا ٩

جاڤن سكالي٢ جك اد خلاف ببلن يڠ سام سفركرجاءن ايت داومڤة دان دچلا كفد اورڠ يڠدلوار محكمه افلاڬي كفد سڬال اورڠيڠ تياد ماسوء ددالم فكرجاءن دڤندي ملك جك خلاف ببل سودران اية

ستيا ٤

ملك بارڠسياف سده ماسوء ددالم فكرجاءن كراجاءن دان محكمه ايت مڽمبوڤيكن رهسيا اف٢ يڠدڤربواة ددالم محكمه سام اد رهسيا مصلحة فد اوڬام اتو تيفو حكمت يڠ هندق دلاكوكن كفد سڬال همب الله اتو سياسة كراجاءن افلاڬي درفد سڬال سورة٢ يڠتياد هاروس دڤتاكن كفد اورڠيڠ بوكن اهلين جلك اي ددالم محكمه٢سكاليفون ملك يائت تياد بوله دبوكان رهسيان٢ايةجلك٢كفدانق استرين اتو بفان٢سكاليفون ادان انتهي٠

ستيا ٥

هندقله مڠتهوي سمبوين كراجاءن ددالم محكمه اتو دلوارن دان تياد هاروس دظاهركنن سمبوين ايت كفد اورڠيڠ بوكن اهل٢المحكمه ادفون سمبوين ايت يائت فد تيف٢ هندق ممبواة ساتو فكرجاءن ملك دمشورتكنله دهولو سمبوين ايت اداڤ انتهي ٠

ستيا ٦

هندقله برتولوڠ تولوڠن اتس سام٢ سفكرجاءن ددالم محكمه اين درفد كسوساهنن اتو كضعيفنن اتو كمالوانن اتو كساكيتنن يڠدساكيتي اوله مانسي مان٢ سهابيس٢ قدر كواسن مڤولوڠ اتس يڠدمكين ايت هندقله مڠيكوة جالن ادب برسودار دان ادب برصحابة دان ادب جيران يعني ادب سام سكمفوڠ سڠرت يڠترسبوة ددالم قراءن دان ددالم حديث دان ددالم سڬال كتاب٢السلف من٢العلماء العاملين الراسخين انتهي ٠

يڠدريضاكن الله تعالي مڠواتكن اوڬام اسلام دڠن منديريكن منولوڠ رجان بربواة عادل كفد سڬال رعيتن يڠدباوه فمرنتاهن يڠ موافقة دڠن جالن يڠ واجب دان يڠ مندوب دان يڠ مباح اداب انتهي .

ستيا ٢

هندقله برسمفه دان برستيا دڠن راج يڠ اي مڠاكو مڠرجاكن راج دڠن اخلاص دان سوچي هاتي جك جاتوه ددالم فكرجاءن اية منجادي فرڠ اتو قربنتاهن يڠ بسر مك يائت اداله اي سبله راج دان جك اد سودران اتو قوم قرابتن يڠ فد فيهق سبله موسه راج ايت مك يائت تياد بوله اي ڤندڠ لاڬي جك سده جاتوه ددالم قربنتاهن يڠ بسر سڤرة فرڠ امفمان ادفون جك بلوم جاتوه سڤرت يڠدمكين اية مك يائت بوله اي دمعافكن دان منجوتكن دان مموجدو قوم قرابتن دڠن نصيحة مدهمداهن بوله اي مڠيكوة اكندي ساتو فكرجاءن جك دهارف اكن حاصل مقصودن ايت اداب انتهي .

ستيا ٣

مك بارڠسياف يڠ ماسوء ددالم فكرجاءن كراجاءن دان فكرجاءن محكمه مك هندقله اي ساتو جالن دان ساتو فكرجاءن فد يڠ سام٢ ددالم فكرجاءن ايت فد سڬال حكومن يڠ سده صح فد شريعة يڠملياء يڠ سده دسبوتكن حكمت اوله راج اتو نائبن مك جاڠن سياف كلوار دان انكار درفد يڠدمكين ايت اداب انتهي .

ديرين برلومر دڠن نجس يڠكجي٢ اخر٢ن فعلن اية ننتي تربية جوڬ كلوار جاديله ممبري بوسوء ددالم نڬري دان ممبري بوسوء فول فد مجلس كراجاٴن افنبيل دبيركن رجان اكن نجس ايت تتف ددالم نڬري ننتي برهمبوران فول كفد نڬري يڠ لاينن دان افاله نام راج فد كتيك ايت هيڤله برسام٢ جوڬ برسكوتو فد بوسوٴن اية اداپ ٠

فصل ١٠

برمول افبيل حاصلله دان دڤراولهله اوله راج سڬورڠ يڠ مڤمڤرناكن حق يڠ فاتوة منجادي اهل‌المحكمه دان اهل ممڬڠ جباتن كراجاٴن ملك هاروس اتس راج ايت مندهولو ڤرجنجين سمفه ستيا عهدالمحكمه دان سمفه ستيا ممڬڠ جباتن كراجاٴن دهولو درفد دتوليهكندي يعني سبلوم لاڬي اي دبري نام اتو ڬلران يڠ ممڬڠ جباتن شهدان سمفه ستيا يڠ ترساڠة دچيتا٢ فد فكرجاٴن اين يائت دوا بلس يڠلاڬي اكن ترسبوة دباوه اين ٠

عهدالمحكمه

يعني ڤرجنجين يڠ ڤرتام اكن سڬال اهل‌المحكمه قال الله تعالي واوفو بالعهدان‌العهد كان مسئولا يعني فرمان الله تعالي سمڤرناكن اولهكامو اكن جنجي بهوا سڬوهن جنجي ايت اداله اي دتان فد هاري قيامة برمول بهوا تاٴ بوله تيدق اول ڤرمولاٴن بارڠسياف يڠهندق ماسوء افلاڬي سده ماسوء ددالم محكمه ملك يائت هندقله تصديق‌النية يعني ممبنركن نية كفد الله تعالي دان رسولن يائت دڠن نية مڠيكوة سكواسان اف٢

افبيل اي منريما بارڠ يڠ تياد هاروس ملك هندقله دماسوءكنڽ كفد ڤربندهـران بيت‌المال دان هاروس باڬ قاضي ڤرڬي كرومه اورڠيـڠ ممڤرسيلاكندي كارن جموان فڠنتين اكن تتافي جاڠن اي ڤرڬي كفد رومه جموان اورڠيڠ بردعواءن دان سـنة فول جاڠن برجوال بلي دڠن ديرين سنديري دمكين جلك كتيداءن اورڠيڠ دوكيلكنڽ ملك يائت هاروس سـبب ضرورة دان حرام فول اتس قاضي دان اهل‌المحكمه منريما رشوه يعني فمبرين اورڠ منتاء منڠكن بربچارا جلك اد حكومڽ دڠن يڠ حق سـكاليفون انتهي .

فصـــل ٩

برمـول هندقله دفيله اورڠ٢ اكن هندق دجاديكن اهل‌المحكمه اتو هندق دجاديكن اورڠ بسر٢ يڠلاين درفد فكرجاءن محكمه ملك هندقله دفيله اورڠيڠ بائك فراڠي لاڬي ممڤوپاءي مروه يڠ مناروه مالو سـوڤن دان برادب دان تياد بوڠكق فوڠه فد فركتاءن اتو كلـكوان لاڬي برعلم لاڬي غالب برعمل دڠن عمل يڠ بائك دان تياد سوك اكن فكرجاءن يڠدتڬهكن الله دان رسولڽ درفد سڬال يڠدحرامكن سڤرت جودي دان سابوڠ دان مادة افلاڬي زناه دان لاينڽ درفد سڬال معصية يڠ بسر٢ يڠ مواجبكن حد دان تعزير كارن افبيل سئورڠ سوك اكن يڠترسبوة ايت ملك تياداله اي ماره فد هاتيڽ اتس سـئورڠ يڠ مڠرجاكن سـڤرتيڽ بتفاله هندقكن دجاديكن اورڠ بسر٢ دان‌هندق دجاديكن اهل‌المحكمه كارن مقصود اورڠ بسر٢ منديريكن حق دان منجاوهكن يڠ بطل فد حال

محكمكن ڤردعوائن اورڠيڠ معاملاة دان سئورڠ دتنتوكن بچارا مناكحات دان سئورڠ دتنتوكن محكمكن فد حكومن جناية ملك سڬال مريكئيت برهدڤله ماسيڠ٢ فد جباتنڽ اينله سڬال فكرجائن يڠترسبوة ايت جك چوكڤ اورڠڽ سرت موجود شرطڽ برمول جكلو تياد موجود اورڠڽ سباڽق ايت مان٢ سهاج يڠ كواس فد راج اتو كفال٢ فد تمڤة ملولسكن دڠن جالن ضرورة اصلكن جاڠن همفا دان سيا٢ فكرجائن اوڬام اسلام انتهي برمول بارڠسياف٢ يڠداذنكن راج اتو قاضي ممرقسا ڤردعوائن اورڠ ددالم محكمه درفد سئورڠ منتري اتو لاينڽ درفد سڬال فڬاوي يڠ لاين ملك اداله اي مندودقكي فد تمڤت ترجمان دان بارڠسياف داذنكن مپورتكن ددالم محكمه اداله مندودقكن تمڤة كاتب دان بارڠسياف داذنكن مموتسكن ڤردعوائن اورڠ ددالم محكمه اداله مندودقكن تمڤة قاضي انتهي ٠

فصل ٨

برمول حرامله اتس قاضي منريما فمبرين اورڠيڠ تياد برعادة باڬيڽ دڠندي سبلوم لاڬي اي منجادي قاضي اتو سده برعادة اي ممبري اكن تتاڤي اي سده منجادي قاضي دلبهكنڽ فول درفد عادة سهاري٢ ايتفون حرام جوڬ اي لاڬي حرام فول منريما فمبرين اورڠيڠ بربنته كفداڽ جكلو برعادة سكاليفون اي ممبري سبلوم لاڬي اي منجادي قاضي سكاليفون كارن فكرجائن ايت اخر٢ڽ ممباوا كفد چندروڠ كفداڽ برمول تمڤة حرام منريما فمبرين اورڠ ايت فد اورڠيڠ دباوه فمرنتاهن ادفون اورڠيڠ دلوار فمرنتاهنڽ ملك يائت هاروس منريماڽ شهدان

برمول نام سورة٢ يغدكرجاكن جورو توليس محكمه ايت قرتام سورة محاضر نمان يائت سورة اورغيغ بردعوا مپتاكن دعوا سي فلن اتس سي فلن امفمان بارغ يغ جاتوه سبلوم حكوم كدوا سورة سجيل نمان بارغ يغدقربواة ددالمن حكوم كمدين درفد دعوا دفليهراكن سورة اين دروم قاضي كتيك سورة حكميه نمان يائت سورة حجه مفوتسن يغدبريكن كفد اورغيغ بردعوا ايت فد منغپ دان كالهپ جك بوله دغن خط قاضيله يغ ترلبه بائك شهدان افبيل سلسيله قاضي درفد ممونسكن حكوم دغن سده ملفظكن حكمت يعني تله سده اكو حكومكن ملك دتاروه چف مهور فد سورة٢ حكميه يعني سورة كفوتسن يغدبريكن كفد اورغيغ بردعوا فد منغ كالهپ ايت سرت دسورتكن نام مدعي دان مدعي عليه سرت دغن شهيدن دان دسبوتكن فول كفوتسن دغن مستندهن يعني قرسندارانن ددالم كتاب انو دان قول انو امفمان دمكين كلكوان كفوتسن حكوم ايت اداپ برمول افبيل سده دفوتسكن حكومن ددالم محكمه ملك يائت تيادالة بوله درومبق سمول ملينكن افبيل پات حكومپ ايت مپلاهي اكن نص اتو اجماع اتو مپلاهي يغترلبه مرجوح درفد مذهب شافعي ملك يائت برومبقله اي سنديرين انتهي ٢

فصل ٧

برمول هاروس فول بائك قاضي القضاة منتوكن سئورغ٢ كنتين منجابة سوات فكرجائن يغمطلق اتو خاص ادفون يغمطلق اف٢ فكرجائن قاضي القضاة دكنتيكنپاله سموان ادفون يغ خاص دتنتوكنن سئورغ ممكغ

اين يائت حكوم مذهب شافعي فد قول يڠ معتمدن دان يڠ اصحن
ادفون حكوم اجتهاد مصالح الدنيا يڠ ممبائك٢كي نكري دان منكوهكن
كراجائن جك تياد جادي بدعه يڠ سئية مك يائت دتليك اتس
ببراف ڤركارا ڤرتام جاڠن جادي مضرة كفد ڤاوا بدان اورڠ كدوا جاڠن
جادي خيانة كفد هرت بندا اورڠ كتيك جاڠن جادي سمڤي ممبري
مالو عائيب اورڠ كامڤة جاڠن جادي ممباوا كفد چاچة نام راج دان
نام منتري مك يائت هاروسله دفاكي واي كيران هباي٢ سكال قاضي٢
دان اورڠ بسر٢ يڠممكڠ حكومن هندقله اي برسوڠكه٢ طالب العلم سرة
دڠن راجين مطلعه سكال كتاب٢ فقيه سرت راجين براولڠ٢ كفد علماء
يڠ راسخين ممفرقسائ سكال مسئله يڠ مشكيل٢ دان يڠ نادر٢ يعني
يڠ جارڠ٢ سفاي جاڠن ترساله كفد محكمكن مانسي استميوا فول قاضي
ضرورة يعني قاضي يڠ تياد چوكڤ شرط قاضي سقدركن جاڠن همفا
مصالح المسلمين سڤرت كباڤكن قاضي٢ فد تمڤة كيت اين مك يائت
فرضوله تيڤ٢ هندق منجاتوهكن حكومن ممرقسا سكال كتاب٢ دڠن
سهابيس فرقسا انتهي .

فصل ٦

فد مڤتاكن اداله يغدنماكن حكوم يڠ فوتس ايت يائت افبيل
سلسي فمرقسائن سرت دڠن سكال شرطن مك يائت منجاتوهكنله
قاضي كفوتسن حكوم ايت دڠن لفظ ليدهن دڠن كتان حكمت كذا
وكذا يعني تله اكو حكومكن بكيني٢ جادي فوتس حكومڤ ايت

اورغ بسر٢ دنماكن فول فكرجاڭن ايت رزقي مرنده كونن ولا حول ولا قوة الا بالله العلي العظيم شهـدان ملك سڭال كجي٢ يغترسبوة ايت ملك سكالي٢ تياد منريما ددالم كتاب الله تعالي دمكينلاڭي ددالم سڭال كتاب يغدكارغ اوله علماء يغبسر٢ يغمغمبيل درفد نور قرآن دان حديث ملك جاوهله درفد سڭال يغترسبوة ايت دان سوچي٢ درفد قركارا يغظالم سبب كلواسن دغن ببراف ريب كتاب٢ سبب مسئله يغترسبوت داتس اين تياد مملميهراكن ماچم اورغن تياد مملميهراكن وقتون دان تياد مملميهراكن تمقتن اداپ انتـهي ٠

فصـــل ٥

فد ميتاكن حكوم يغترفاكي ددالم اوڭام اسلام يغدحكومكن اتس سڭال رعايهن يائت حكوم شريعة يغددالم قرآن العظيم دان ددالم حديث نبي صلي الله عليه وسلم يغسده دباينكن معنان دان مقصودن دان مفهومن دغن جالن يغتڭوه دغن علمو نقلي دان عقلي دان دغن قياس يغجالي درفد اهل السنه والجماعه يائت امام يغمها بسر لاڭي مجتهد المطلق يائت مالكي دان شافعي دان حنفي دان حنبلي يغممفوپاي مذهب يغدفاكي اوله امة النبي صلي الله عليه وسلم ببراف جنس درفد بغسا دان نڭري دان بنوا يائت تركي دان هندي دان عرب دان شام دان تاتر دان لاين٢ن تتافي كباڭكن بنوا٢ يغترسبوة ايت مماكي مذهب مالكي دان حنفي دان حنبلي ادفون كباڭكن فد فيهق جاوي اين مماكي مذهب شافعي جاديله حكومن يغدفوتسكن دسيني يعني فيهق جاوي

سكسا ايت سهاج تيبا٢ سرت دچاري سده تياد سبب اي تنتو تياد
كمدين كمبالي فول كفد دسكسا دغن يڠ لبه كرس لاكي ملك درفد ساعة
تياد ترتڠكوڠ بدانن اقرار فول سرت كتان دتمقة انو يڠ دسيمڤن بندا
يڠ دچوري ايت ملك كمبالي فول سمول منچاري كفد تمقة دتنجوقكن
دغن بوهڠن ايت سبب هندق ملڤسكن ساكيتن تيبا٢ سرت دچاري
تياد داڤة فول شهدان يغدمكين اية ببراف كالي براولڠ٢ تركادڠ سمفي
فاته كاكي تاڠن تياد بوله دفاكي لاكي تيبا٢ تياد براف انتاران داڤت
دغن كتراڠن دغن صح اورغيڠ لاين منچورين ملك يغدتودوه دغن اندڠ٢
بهارو اڠكڠ لالو بهارو رنتيڠ فاته تادي سدهله بناس تياد سياف داڤة
مڠكنتي كاكي تاڠن افلاكي پاوان ولا حول ولا قوة الا بالله العلي العظيم دان
ستغه ددير يكن فول اندڠ٢ فد فكرجاڠن يڠ شبهة فد دوا اورغيڠ براكو اكوان
شئي يڠ ساتو سڤرت كات سئورڠ اكو فون دان يڠ سئورڠ فون مڠات
اكو فون ملك ددير يكنله حكوم اندڠ٢ مپلم اير بارڠسياف يڠ لم ددالم اير
ايتوله يغدبنركن تركادڠ برچلور ميپق يڠ تڠه مڠكلكق بارڠسياف يڠ تياد
ملچور ايتوله يڠ بنر تركادڠ يڠ چرديق دچارين ساتو هوباتن يڠ تياد ملچور
تاڠن كفد ميپق يڠ مڠكلكق ملك ددافتپاله شئي ايت دغن دستان
تركادڠ جك ساعة ساكية هاتي انتارا كدوان ايت ملك ممولڠكنله كفد
راج شئي اية اتو كفد منتري مقصودن بير سام فوته مات ملك درفد
كورڠ همتن دان مروهن اورڠ بسر٢ اية ملك منريمالة اي دغن سوك
هاتين سرة بركات اين فكرجاڠن كامو كدوا يڠبتول تياد هندق مڠكادوهكن

درفد دمكين ايت انتهي ملك سبب اينله حيكيلن باڭه قاضي هندقله اي مشورت دڠن علماء دان ممرصاي ددالم بيراف كتاب متقدمين دان متاخرين سفاي تواس منچاري فيكران يڠكجيكن اداب .

شهدان جلك تركنا ڤركارا يڠ برسلاهن ايت كفد قانون دان عادة رجوعله كفد اندڠ٢ اتو كفد اثار يعني بكس دان رسم يڠ سده دجالنكن راج٢ دان اورڠ بسر٢ يڠ دهولو٢ يڠدبيلڠكن كفد انده دلن فاتوت دان عادل دان انصاف يڠ تياد ملڠكر كفد شريعة يڠملايا دتماكن كفوتسن ايت اتفاق اهل المحكمه جوا سام اد كفد ڤراطهن اتو يڠكيي اتو سلك اتو حق اتو كفد ادب اتو كفد مستحق انتهي دان جاڠن سكالي٢ مڠيكوتكن اندڠ٢ يڠ مڤلاهي شريعة دان مروسقكن ركن عادل سڤرت ستڠه درفد نڬري مغديريكن ساتو اندڠ٢ جلك شبهة ساتو حكومن ملك ددیريكنڤاله اندڠ٢ يعني سڤرت منودوه سؤورڠ يڠ لالو قد ساتو تمڤة فد جالن راي فد تمڤة ايت اد كهيلاڠن ملك تياد داڤة سكسي دان تياد اي اقرار ملك ددیريكن اندڠ٢ دسيني دڠن نام دان ڤربهسان بهارو اڠكڠ لالو بهارو رنتيڠ فاته ملك دتڠكڤله اورڠ اية دڠن كهيذان كمدين دسورهله اي اقرار ملك تيادالله ماهو اقرار ملك دڤرسكساله دڠن برباڬي سكسا سڤرت دتواس تركادڠ سمفي فاته كاكي اتو داڤية جارين سمفي فچه درفد ساكيتن مڠاكوله اي دڠن سبب تياد ترتاهن ساكيتن ملك دتان فول دمان اڠكو تاره بغدا دچوري ايت ملك درفد ساڠت ساكيتن دتنجوتكنڤاله كفد تمڤة يڠ سبارڠ٢ كهندقن ايت سفاي مرڠكڠكن درفد

سڬال كتاب٢ يڠدكارڠ اوله علماء يڠ متقدمين دان يڠ منتاخرين يڠ
دامبيل درفد نورالقرأن دان حديث يائت سڤرت لاوتن يڠتياد برتفي
دان تركادڠ اداله ساتو حكوم ايت ببراف فچاهنڽ درفد فرعڽ دان
قولڽ يڠجادي كمداهن دان رحمة اتس سڬال مخلوق معملكنڽ سڤرت
ساتو متن برفوله جلد شرحڽ دان ساتو شرح برفوله جلد حاشيهڽ
تياد ملواسكندي بلاكڠ اونتا دان فروة كافل دان رومه سهڠڬ مسئله يڠ
مشكيل سكيرا٢ جك اكنداتڠ ببراف مسئله يڠ نادر مك سدهله سدي
ميمڠ جوابڽ سڤرت حكوم مانسي بركفال دوا دان مانسي برانقكن بناتڠ
دان بناتڠ برانقكن مانسي دان لاينڽ درفد مسئله يڠ نادر٢ مك اداله
سموانڽ اية حكومنڽ يڠ سده دسدياكن اوله علماء متقدمين دان منتاخرين
ددالم ببراف ماس يڠ ڤنجڠ دان ددالم ببراف فرقسأن يڠ سوسه اد يڠ
سفوله تاهن اد يڠ هڠڬ دوا تيڬ فوله تاهن دڠن ببراف ڬورو دان
ببراف صحابة اورڠيڠ تربيلڠ٢ يڠمحفظكن قرأن دان حديث دان تفسير
دان لاينڽ درفد علموالة هڠڬ جك دمواتكن سئيكور اونتا تياد ترباوا
يڠترسورة ايت فد حال اد سكلينڽ ايت دحفظكنڽ ددالم فروتڽ دان
كفد هاتيڽ تياد كورڠ سوات حرف شهدان واي كيراڽ بتفاكه بوله
ملبيهي مشورة كيت يڠ ڬلڤ ڬليتا دڠن ماس يڠ سيڠكة دان سديكية
وقت يڠ كتيك بركمفول دڠن صحابة كيت ددالم ساتو جم اتو دوا جم
اتو لبه اكن بوله ملبيهي درفد سڬال كتاب المتقدمين دان منتاخرين
من العلماء الراسخين العاملين هيهات هيهات يعني تله جاوهله تله جاوهله

كفد اورڠيڠ داتسن كارن يڠ غالب اورڠيڠ تڠڬي ايت تڠڬي مراد
درفد فڠتهوان علم دان عقل يڠ جادي مصالح الدين جوڬ فڠتهوانڽ
دان جكلو تياد دافت كفد فڠكت يڠدباوه ايت ملك دفندهكن فول
كفد اورڠيڠ داتسڽ هڠڬ برتڠڬا٢له سمفي كاٴتس دمكين جوڬ ترتيبڽ
دان هاروس فول برمشورة تيف٢ سئورڠ درفد مريكئيت دڠن مستور
دڠن ستڠه اكن ستڠهڽ اوله كارن مملیهراكن حسدالمحسود يعني
بردڠكي٢ين يڠ تڠڬي همتڽ جك تيدق علة اين ترلبه بائك محاضره
دان مخاطبه انتارا مريكئيت دمكين جوڬ

فصل ٤

فد مڽتاكن جك مشورة ايت مختلفه فد سڬال اهل المحكمه
يعني برساله٢ هن مريكئيت فد فيكران دان فد اجتهاد ستڠه اتس
ستڠهڽ ملك يائت دتليك جك تركنا كفد فركارا اوڬام هندقله رجوع
كفد كتاب الله دان دنماكن فركارا شريعة دان رجوعله كفد سياسة العلماء
مڠمبيل مشورة كفد علماء جك تياد ممداٴي كفد فڠتهوان قاضي اكن
تتافي ترسبوة ددالم كباڽقكن كتاب الفقهاء سنة جوڬ قاضي اية مڠمبيل
مشورة كفد علماء جكلو ممداٴي كفد علموڽ سكاليفون كارن اداله سڬال
علماء ايت ترلبه لواس اجتهاد يڠدداڤتڽ درفد نور علم يڠترسبوة ددالم
كتاب٢ يڠمتقدمين دان متاخرين تركادڠ تركاي درفد اندڠ دان مشورة
كارن اندڠ٢ يڠدڤربواة يڠ لاينڽ درفد نور قراٴن دان حديث ايت ترلالو
ڤندق دان سيڠكة تركادڠ باڽق ڤركتاٴنڽ دان سديكية مفهومڽ ادفون

يغترسبوة ادبپ دان سنتن ددالم سكال كتاب فقيه يائت دودق فد تمفت يغ تڠكي سرة مغادف قبلة هندقله دفرهمفركن تمفت كدودقكن قاضي ايت دڠن همفاران يغ ممبذاكن دڠن يغلاينن دان برسندار كفد بنتل سراڠ دان سنة مماكي سربن هيتم دان لاينن سكال يغدسنةكن ددالم كتاب فقهاء ملك افبيل سلسي درفد سكال يغترسبوة ايت ملك هندقله اهل المحكمه ايت برصف٢ دودق فد فيهق كانن كيري قاضي ايت ماسيغ٢ فد منزله تمڤة مرتبتن دڠن كلكوان يغهيبة سرت ديم دان تتف مننتيكن اف٢ قركتاءن يغ ددڠرن درفد قاضي دان افبيل مغلوارکن قاضي سوات سؤال اتو سوات مشورة كفد سؤورڠ يغدخطبكنن اكن قرتياءنن ايۃ ملك تياد هاروس اورڠيڠ لاينن منجواب اتومنچمفوري قرتياءنن ايت هڠك دخطبكنن فول كفدان بهاروله هاروس اي منجواب دان جاڠن منجواب سبلوم لاكي هابيس قرتياءنن برمول افبيل اد سؤال دان مشورتن ايت دتنتوتن عام اتس سكلين جماعه يغ حاضر سڤرت كتان اكو تنتوة درفد تيف٢ ساله سؤورڠ درفد كامو اختيار دان مشورة فد فكرجاءن اتو حكومن يغ بكيني اف جواب كامو ملك هندقله منجواب ساله سؤورڠ درفد مريكئيت اتس قدر فغتهوانن اكن تتافي دمولاي درفد اورڠيڠ كورڠ فغكتن يغ سديكيت فغتهوانن فايدهن ايت بارڠكالي چوكف فغتهوانن ايت بربتولن دڠن شريعة دان قانون يغدتريما اوله جماعه سرة دتنتوكن اوله قاضي نسچاي سكراله فوتسن دنماكن كفوتسنن ايت اتفاق اهل المحكمه جوك ممداءيله تياد دفندهكن قرتياءن ايت

مشورة ايت يائت يغدسورهكن الله تعالي دان رسولن سفرت ترسبوت
ددالم قرأن العظيم قال الله تعالي وشاورهم في الامر فاذا عزمت فتوكل
علي الله ان الله يحب المتوكلين ارتين مشورتله اڠكو يا محمد سرت
مريكئيت فد سڠال فكرجاڠن ملك افبيل اڠكو منچيتاء يعني ملاكوكن
فكرجاڠن كمدين درفد مشورة ملك هندقله اڠكو برڤڠڠ كفد الله تعالي يعني
برڤڠڠ كفد الله اكن فكرجاڠن يڠ هندق دفربواة ايت جاڠن برڤڠڠ كفد
مشورة بهواسن الله تعالي ايت كاسيه اكن اورڠيڠ برڤڠڠ كڤدان دان تله
بركات ستڠه حكماء بارڠسياف دبري امفة فركارا تياد دتڠهكن امفة فركارا
فرتام بارڠسياف دبري شكر تياد دتڠهكن برتمبهن دان بارڠسياف دبري
توبة تياد دتڠهكن قبولن بارڠسياف دبري استخاره تياد دتڠهكن كبجيكن
دان بارڠسياف دبري مشورة تياد دتڠهكن كبنرانن انتهي

دان ترسبوة ددالم كتاب مستطرف علي الجمله هندقله دفيله مشورة ايت
وقتوب دان اورڠن إدفون وقتون جاڠن وقت ساڠت لافر اتو ساڠت
كنيڠ دان جاڠن ساڠت هندق بيرق دان كنچيڠ دان مڠنتئو ادفون
اورڠن جاڠن مشورة دڠن اورڠيڠ جاهل دان كفد سترو دان كفد اورڠيڠ
دڠكي دان كفد اورڠيڠ ريأ دان كفد اورڠيڠ فذاكوت دان كفد اورڠيڠ
بخيل دان كفد اورڠيڠ باڤق سكدودكن دڠن فرمفوان دان اورڠيڠ مڠيكوتكن
هوا نفسون كارن سڠل مرئك يڠترسبوة ايت بارڠكالي ددافة كچدراڠن
قد مشورتن انتهي ٠

برمول افبيل سده دودقله قاضي قد تمفت كدودقكن سفرة

تاكوة دان قواة ممڬڠ دان منديريكن تيف٢ حكومن يڠ سبنرڽ سرت براني جاڠن تاكوة دان سڬن دچاچت دان چلا دان دكچيل كن هاتي اوله اورڠيڠ بردعوا ايت اتو اورڠيڠ بوده٢ سبب تياد منورتكن هوانفسوڽ دان دمكين لاڬي هندقله اهل المحكمه ايت جاڠن برسندا٢ دان برڬورو٢ دان ترتاوا ڬلق٢ اتو سواة يڠددافة درفد اورڠيڠ بردعوا ايت يڠ مڠڬليكن هاتي مك سيڬيان جاڠنله اي ممفراولو٢كن يڠدمكين ايت دڠن ترتاوا ڬلق٢ هندقله اي فيكركن فد وقت ايت سئوله٢ ڤادڠ محشر اداكه ددالم محشر اورڠيڠ سوك٢ انتهي ٠

شهدان هندقله اهل المحكمه ايت برادب برسوفن دڠن كلكوان يڠ تتڤ دان هيبت سرت جاڠن هيڠر باڠر ددالم محكمه ايت دان ممفرلهنكن سوارفد فركتائنڽ ملينكن كارن حاجة دان هندقله اهل المحكمه ايت برهادڤ فد ماسيڠ٢ فكرجائنڽ جاڠن چمفور دان فضولي فد يڠ بوكن بهڬين فكرجائن ديرين ادفون جورو توليس جك بلوم داتڠ فردعوائن اورڠ هندقله منجابت فكرجائنڽ سفرت مپورة دان مپالين سڬال سجل دان محضره دان حكميه ادفون قاضي دان نائب القاضي هندقله اي ممفرايڠتكن سڬال حكوم الله تعالي دان جك اي تياد ايڠة هندقله اي مطلعه كتاب٢ ادفون ترجمان دان مزكي جك بلوم داتڠ فردعوائن اورڠ هندقله مريكئية مطلعه كتاب٢ يڠ مستحق باڬ جباتنڽ ٠

فصل ٣

فد مپتاكن بربچارا دان مشورة اهل المحكمه شهدان برمول فكرجائن

دباوه قاضي ايت نائب القاضي دان كاتب يعني جورو توليس دوا اورڠ دڠن شرط بهوا ادا اي عادل لاكي٢ يڠ مردهك يڠ تاهو اكن سكال شرط فرجباتن دان دوا اورڠ فول ترجمان يعني جورو بهاس درفد جنيس اورڠيڠ فاتوة اكن جادي سكسي دان دوا اورڠ لاكي فول مزكي نمان يعني اورڠيڠ ممرقسا عدالة سكال سكسي دان سئورڠ فول دره نمان يعني اورڠيڠ ممڠڠ جباتن ممولكل دان ممنجارا اورڠيڠ ساله ملك جمله مريكئيت سمبيلن اورڠ جادي سفوله اورڠ دڠن علماء جك دحاضركن ملك چوكفله سكال فكاوي محكمه سكورڠ كورڠڤ ادفون يڠلاين درفد اين يڠبرخدمة كفد مريكئيت يائت سكورڠ كورڠن سفوله اورڠ جندي يعني جمله عسكر جوا اداڤ

فصـــل ٢

فد مڤتاكن اداب اهل المحكمه ددالم محكمه ملك هندقله اهـل المحكمه تتكال برهمفون ددالم محكمه جاڠن اي عجب دان تكبر اكن ديرين يڠ اي مندافت فڠكت درفد جباتن منتري اتو فكاوي سفرت مريضاكنديري عجب يڠدمكين ايت اكن تتافي هندقله تفكر دان انصاف فد ممندڠ اورڠيڠ بردعوا ايت كارن اداله محكمه ايت سئولـه٢ سـاتو بهترا دلاوتن بسر دفوكل ريبوة يڠ امت بسر جك تياد بايك٢ اهـل بهترا ايت ممبچاراكن همفير تڠكلم بناس ديرين ددالم دنيا دان ددالم اخرة تياد لفس سكالي٢ درفد يڠترسبوة ايت ملينكن دڠن تاكوتكن الله تعالي سرت عادل دان سياست دان فرقسا هابيس٢ سرت صبر سرة

سفرت ڤكرجائن تياداله مناروه دڠكي دان حسد اداله ڤد هاتين سفرة اورڠيڠ ممبنتو اتسن فد ڤيكولن يڠ برة اداڤ

بهڬين ٣

يائت منورنكن بدواندا راج دان جواق٢ دان خدام٢ راج يڠدبري سواة جباتن يڠ كچيل٢ سفرة جادي تيكوه دان سورة سوروهن كفاسر دان يڠ منجڬائي افي دان فليتا راج دان يڠ مملييهراكن هيدوڤن٢ راج دان يڠ منجڬائي بالي دان استان راج دان بارڠسباڬيڤ درڤد فكرجائن يڠدنمائي خدمة ملك اداله اي دتڠكلكن درفد جباتن دڠن سبب تياد دسمفيكن شرط خدمة دڠن مالسن اتو دڠن خيانتن اتو دڠن لالين ملك اتس اجتهاد راج سام دڠن دتعزيركه اتو دڠن دتڠكلكن درفد جباتن سفاي جاڠن مريكئيت بياس مريكئيت مريڠن ريڠنكن فكرجائن راج سرت جادي بناس هرت راج دڠن جالن يڠ تياد فاتوة دان تياد تنتو انتهي .

باب يڠكدوا

فد مڤتاكن ترتيب كراجائن دان اتوران محكمه فد مشورتن دان حكومن ملك يائت ببراڤ فصل برمول اداله

فصل ١

فد مڤتاكن معني محكمه ايت يائت تمڤت مندبريكن حكوم اتس سڬال همب الله تعالي ملك دداڠمن ببراڤ اورڠبسر يڠ ممڠڠ جباتن يڠ برلاين لاينن ماسيڠ٢ دان فكرجائن اداله كفال مريكئيةيائة قاضي

اد بناس نكري رجان اتو مڠورڠكن سسواة كملياٴن رجان اتو حاصل رجان اين فكرجاٴن دنماٴي بيلوة دان ستڠه درفدبوڠكن دان سڠوالادب كفد رجان سام اد فد قركتاٴن اتو كلكوان ڤد تمفت يڠ دبيلڠكن برادب دان برسوفن دان ستڠه درفدان ممبوكاكن رهسيا رجان يڠ دسيمفنكن اوله رجان كفدان دان ستڠه درفد منچوڤي كراجاٴن دان كملياٴن رجان يائت دڠن پات علامة يائت سفرت اي ممبوروي دان مڠمبيل‌هاتي‌سڴال رعيت تنترا‌ن‌ددالم كراجاٴن رجان مقصودن ايت سفاي سڴال رعيت تنترا منڠڴلكن طاعة دان برهادف هاتي كفدرجان دان برڤاليڠ طاعة دان برهادف هاتي كفدان كمدين راج ايت اخرن تياد داڤت كواس دان تياد داڤت قواة دان تياد داڤت مڠراسي اتسن جك سكيراء اي انكر اكن امر دان نهي راج ايت نسچاي تياد كواس راج ايت مڠراسي اتسڤ سبب راج سده كسڠوراڠن ملك اينله سجاهت٢ نية فد منزله فكرجاٴن ملك اكن تتاڤي جكلو اي ممبوروي مڠمبت هاتي سڴال رعيت تنترا دڠن قصد والمراد يعني دڠن نية كهندق بسير مريكئية طاعة دان برهادف هاتي‌كفد رجان ملك يائة نية يڠ بايك اكن تتاڤي ادا برديري دسيني تيڭ علامت يعني تيڭ قرتندا‌ٴن فرتام اف دجالنكن سڴال مصلحة كفد مريكئيت دڠن نام دان بودي عقل راج كدوا اف٢ يڠدڤراوليهن درڤد مريكئيت درفد خرجة اتو كملياٴن ملك دفرمعلومكن كڤد رجاڤ تياد ترسمبويي رهسياڤ دڠن مريكئيت كفد رجان كتيڭ جك اد سڠورڠ تولڠن يڠ مڠرجاكن

يغفرتام دان يغكدوا ايت ستغه درفدان دغن سبب مغكيرستيا دغن رجان فد ستيا يغدلولسكن شرع دان ستغه درفدان سبب خيانة كفد رجان دان كفد ايسي استان رجان دان فد هرت بندا رجان سكيرا٢ جادي بناس كفد اوڬام دان كفد نام دان ستغه درفدان ظالم كفد ايسي نڬري سام اد كفد حق اتو كفد ملك اتو فد كهيدوڤن اورڠ دغن سبب تكبرن اتو دغن طمعن اتو دغن هوا نفسون بستغه درفدان منجوال نام رجان فد تمڤة يڠبوكن فاتوة سرت داڤة دغن جالن يڠلاين درفد منجوال نام رجان ملك كلوار دغن حال اين اذن راج دغن اذن مطلق فد مڤورهكن اي فد سوات فكرجاُن يڠ جادي كبجيكن كفد اوڬام اتو كفد كراجاُن يڠ دبيلغكن انده دان فاتوت كفد اورڠيڠ ممفوڤاُي مات هاتي يعني اورڠيڠ برعقل دان ستغه درفدان ممڤرلاكوكن ديرين سڤرت كلكوان رجان بارڠ يڠخاص كفد رجان بارڠ يڠسده ترموافقة اتو ترعادة سوات فكرجاُن يڠ ترتنتو راج سڤورڠ يڠ بوله سام اد فد ڤربهساُن اتو فكاين اتو اداب حال كاداُن دغن تياد ريضا رجان دان تياد اذن درفدان دان ستغه درفدان ڬوڬر مروه دان هيلڠ مالون كفد مات اورڠ يڠ تعفف يعني اورڠ يڠ مملييهراكن اوڬام دان نام سكيرا٢ ترسامر فكرجاُن دغن فكرجاُن اورڠ يڠ بغسة٢ دغن دسهجان دان دغن كرس هوا نفسون دان ستغه درفدان بيلوة فكرجاُن كفد موسه رجان سام اد دغن كلكوان اتو دغن مصلحة ددالمن سام ددالم حال ففراغن اتو دلوار ففراغن سكيرا٢ دغن ڤربواتن منتري ايت جادي سمفي ستغه درفد مقصود موسه رجان ايت سام

تتافي تمڤة هاروس منورنكن ايت دڠن شرط دڤراوله اورڠيڠ لاينڽ يڠ فاتوة جادي قاضي اتو اد يڠ لبه علمون درفدان اتو دڠن مصلحة يڠ منديمكن فتنه دان جك تياد سڤرت شرط يڠترسبوة ايت حرمله منورنكندي درفد جباتنڽ جك دڤراوله اورڠيڠ صالح يڠ اهل القضاء سكاليفون ادفون خليفهڽ دان نائيبڽ هاروسله قاضي يڠ بسر منورنكندي دڠن تياد سوات سبب شهدان اينله يڠدنقلكن مفهومڽ سديكية ڤركتائن شيخ الاسلام زكريا يحيي الانصاري ددالم كتابڽ يڠبرنام فتح الوهاب ادفون يڠ دداڤة ددالم كلام فتح المعين هاروس راج ايت منورنكن قاضي درفد جباتنڽ دڠن سبب باڽق ادوادوان اورڠ دالمڽ دڠن صح سرت بينه تياد ممدائي دڠن سمفه ادوان ايت دان دمكين لاڬي هاروس دتورنكن قاضي درفد جباتنڽ دڠن سبب فاسق برمول تياد تورن جباتنڽ سبلوم لاڬي سمفي خبر تورنڽ دان افبيل تورن قاضي تورن فول له نائيبڽ اكن تتافي جك نائيبڽ ايت درفد راج داتڠڽ تياداله اي تورنڽ دڠن سبب تورن قاضي ايت دان دمكين لاڬي تياد تورن قاضي اتو فڠولو٢ اتس سوات نڬري دان دوسن دڠن سبب ماتي راج اتو دڠن سبب لاينڽ انتهي .

بهڬين ٢

فد منورنكن وزير٢ يعني منتري٢ دان اورڠ٢ بسر يڠ ممڬڠ اكن جباتن كراجائن برمول فاتوة دتورنكن مريكئيت درفد فڠكتڽ دان دتڠڬل درفد جباتنڽ دڠن ببراف سبب ستڠه درفدان دڠن سبب يڠ تله لالو درفد سبب هاروس دتورنكن راج دان قاضي يڠ تله ترسبوة فد بهڬين

ببراف طائفه سفرت شافعي سكيراء مغات مريكئية تياد بوله دتورنكن راج ايت درفد كراجائن دغن سبب جاهة دان فاسق اكن تتافي هاروس دكنتي دغن يغ لاينن جك تياد حصل دغن دمكين ايت فتنه دان هاروس فول تورن درفد كراجائن لمه اي درفد مصالح المسلمين يعني لمه اي درفد ممبائكي اورغيغ مسلمين يغدباوه تعلق كراجائن دان هاروس فول تورن درفد كراجائن دغن سبب ترتاوان اوله موسهن يغ تياد دهارف اكن لقسن دان دمكين لاكي هاروس تورن درفد كراجائن جلك اي كيلا يغ مطابقه اتو بوتا دان تولي دان بيسو دان افبيل دقراولهن سكال صفة يغترسبوة ايت هاروسله اي منتا كنتي كفد سياف٢ يغ فاتوة اكن كنتين اينله حكوم يغترسبوة ددالم كتاب شرح اتحاف المريد انتهي *

بهكين ١

منورنكن قاضي يعني قاضي يغ بسر يغدتوليهكن اوله سلطان يعني قاضي المطلق برمول اداله فكرجائن منورنكن قاضي دتغكلكن درفد جباتنن ايت يائت دغن سبب هيلغ درفدان اهل القضا سفرت كيلا دان فيتم دان لالي دان تولي دان فلوفا يغ مغهيلغكن خبيط دان چرديق دان فيكر جادي تياد بركتنتوان حكوم دغن سبب توان اتو سبب ساكيتن دان جكلو كمبالي سمول صفتن اهل باكي قاضي تياد لولس حكومن سفرت وكيل٢ دان لاينن درفد سكال عقد دان هاروس باكين منورنكن ديرين سفرت وكيل جوا حكومن دان هاروس باكي راج منورنكندي دغن سبب چاچة يغ ظاهر درفدان دان ممداي دغن غالب ظن اكن

جباتن يائت سئورغ ممڠغ بچارا معاملات دان سئورغ ممڠغ بچارا جنايات انتهي شهدان دتنتوكن تيف٢ سئورغ درفد مريكئية محكمهن دان جورو توليسن دان‌تنتران دان هندقله دبري علامة تنترا سڭال اورغ٢ بسر يغترسبوة دغن فكاين يغ ممبذاكن ستغه اتس ستغهن انتهي ٠

فصل ٤

فد مڤتاكن فكرجائن منورنكن مريكئيت هندقله فول كيت كتهوي اكن جالن لولسن دان‌تيادلولسن برصول‌اداله فكرجائن منورنكن يعني ممچة دان منڠكلكن جباتن سڭال مرئك يغترسبوة ايت يائت تربهڭي اتس امڤة بهڭي ڤرتام منورنكن راج درفد فيهق كراجائن كدوا منورنكن دان منڠكل جباتن قاضي درفد جباتنن كتيڭ منڠكلكن وزير٢ درفد جباتنن كامڤة ملفسكن فكرجائن همب٢ راج دان تنتران درفد فكرجائن سبرمول ادفون امام‌الاعظم يعني سلطان تياد بوله دتورنكن درفد كراجائن جك هيلغ صفة عادلن سكاليفون اينله يغترسبوة ددالم متن كتاب جوهرةالتوحيد دغن كتان فليس يعزل ان يزول وصفه يعني تياد بوله دتورنكن راج ايت درفد كراجائن جك هيلغ صفة عدالتن سكاليفون كمدين ملك‌ما‌ستثناكن فول دغن كتان الابكفر فانبذن عهده يعني ملينكن جك اي كفر برفاليغ درفد اوڭام اسلام سام اد فد فركتائن اتو فد كلكوان اتو معالكن يغ حرام دان عكسن يغ ممباوا كفد كفر ملك يائت كيت لڤسكنله جنجين يعني تياداله هاروس كيت برجسا كندي اكن تقافي ترسبوة فول ددالم شرح جوهرةالتوحيد يائت اتحاف‌المريد سرت شرحن

ڤراتوران سڬال منتري سڤرت يڠترسبوة ددالم كتاب ايت بريهكي دوا
فيهق ساتو بهكي درفد مصالح الدنيا ساتو بهكي درفد مصالح الدين ادفون
مصالح الدنيا درفد وزير دان مصالح الدين درفد فيهق مفتي الاسلام برمول
هارس فول باڬي وزير اية مننتوكن ببراف اورڠ ممڬڠ جباتن ماسيڠ٢
دڠن جباتنن يڠخاص سڤرت سؤرڠ ممڬڠ جباتن مهندسه يعني سؤرڠ
توكڠ يڠ بجقسان يڠ ڤندي مماتوة اتوران نڬري سڤرت مڠاتوركن جالن
دان لوروڠن مماتوتكن تمڤت ممڤربواة كوت دان بنتيڠ دان مڠوكوهكن
نڬري رجان دان ممرقسا سڬال تمڤت٢ يڠ اد بناس ملك يائت هندقله
دبائككن دان دراميكن شهدان نڬاوي اين تياداله اي تتڤ فد ساتو
تمڤت اداله اي بركليليڠ تمڤت ددالم ساتو تاهن سكاليكه اتو بارڠ
براف كالي يڠ مڤمفورناكن حاجة فد يڠ دمكين ايت برمول هاروس
فول باڬي حاكم ايت منجاديكن نائب يڠ ممڬڠ جباتن ضابط سڬال
فوكو٢ كايو دان سڬال بومي يڠ دڤرلادڠكن دان مڤتهوي سڬال بنيه٢
دان تانم‌تنامن سوبرن دان تيدق سوبرن دان چاريكن اختيار سفاي
گمق تانم‌تنامن ايت كارن تانم‌تنامن ايت منجادي قواة سڬال رعيت
ددالم كراجاٴن رجان دان هاروس فول منجاديكن نائب سؤرڠ لاڬي
يڠ ممڬڠ جباتن حوادث الدهر يعني يڠ ممبهروي٢ ماس سڤرت بلاڠن
سڬال رعية دان ماتين دان برانقن دان كلوارن درفد نڬري دان ماسوٴن
دان سبب كلوار ماسوٴن هندقله دفرقسان دڠن جالن سياسة برسوڠكه٢ ادان
برمول هاروس فول قاضي القضاة ايت مننتوكن قاضي يڠخاص فد ممڬڠ

ايت ملفظكن قبول دڠن كتان دڤرهمب تريماله تيته فرنته رجاكو فد منجاديكن اكوقاضي يڠ مطلق فد محكومكن مانسي يڠدباوه تخت كراجاءن رجاكو ملك صحله توليهن دان لولسله حكومن دان قياسكنله فد فكرجاءن منتوليهكن يڠ لاينن سام اد يڠ منتوليهكنن ايت درفد فيهق وزير اتو درفد فيهق قاضي القضاة دمكين جوا كيفيتن انتهي

فرع

شهدان ادفون دباوه وزير يعني منتري يڠ مطلق ايت ببراف فول منتري يڠ ممڠڠ جباتن يڠ خاص يعني دتنتوكن سسوات جباتنن ملك ماسيڠ٢ نمان دان ماسيڠ٢ فڠكتن اتس عرف دان رسم دان عادة ڠكري دان عادة بڠسا اورڠن برمول ترسبوة ددالم كتاب درة المنظوم اداله ترتيب قراتوران وزراء دان امراء دان حكام دان قضاة ايت برفڠكة٢ مريكئيت ادفون وزير الاعظم ساتو فڠكة دڠن مفتي الاسلام يعني شيخ الاسلام يعني فڠولو اورڠ اسلام فد اوڠام فد تمڤة ايت يائت علماء يڠ بسر يڠ ممفتوي كن سڠال شرع الاسلام فد سڠال مانسي فد تمڤة اية ادفون امير يائت دباوه فڠكة وزير ملك يائت ساتو فڠكة دڠن قاضي القضاة ادفون حاكم دباوه فڠكة امير ملك يائت ساتو فڠكة دڠن قاضي يڠ خاص اتو سڠال نائب القاضي ادفون كاتب يعني جورو توليس جلك درفد فيهق قاضي دباوه قاضي دان جلك درفد فيهق حاكم دباوه حاكم دمكين ترتيبن ادفون درفد تنترا يڠ درفد فيهق امير دان يڠ درفد فيهق قاضي القضاة دمكينله ترتيبن يڠ ترسبوة ددالم كتاب درة المنظوم ايت شهدان بتاله

انتهي افبيل سلسي ملك هندقله ممباچ دعاء مان٢ يغ منناسبه دان
هندقله ملفظكن فول منتري اكن قبولڤ دمكين بوڤين تله قبولله اكو
منريما توليه رجاكو دغن چوچي هاتيكو انشاء الله تعالي برسوڠكه٢له٢اكو
مغرجاكن رجاكو دغن چوچي هاتيكو انتهي ادفون معني قاضي فد لغة
ملولسكن حكوم فد شرع منچريكن سكال حكوم انتارا دوا اورغيغ بربنته
دحكومكن دغن حكوم الله تعالي ملك يائت فرض كفاية كارن فرمان
الله تعالي ددالم قرائن وان حكم بينهم بما انزل الله يعني دان بهوا هندقله
اڠكو حكومكن انتارا مريكئيت دغن حكوم بارغ يغ دتورنكن الله تعالي
برمول اداله شرط قاضي ايت بهوا اداله اي اسلام دان بالغ دان برعقل
دان مردهك دان لاكي٢ دان عادل دان مغتهوي سكال حكوم كتاب
دان سنة حديث دان اجماع سكال علماء دان مغتهوي سكال اختلاف
دان جالن اجتهاد يعني مغنل كيفية مغمبيل دليل درفد سكال حكوم
الله تعالي دان رسولن دان مغنل فول درفد فيهق ڤهاس عرب درفد لغة
نحو دان صرف دان مغتهوي فول اي اكن تفسير كتاب الله تعالي دان
بهوا هندقله اي مندغر دان مليهة دان بهوا هندقله اي قندي مڤورة
فد قول يغمرجوح دان فد قول يغاصح مڤلاهي اكندي دان بهوا هندقله
اي حاك دان ايغت دان تياد صح درفد اورغيغ لالي انتهي ادفون
منتوليهكن قاضي ملك هندقله راج ايت ملفظكن دغن ليده تله كامي
جاديكن اڠكو قاضي يغمطلق يغمحكومكن سكال مانسي يغدباوه تخت
كراجاءن كامي دغن اذن يغ مطلق يغ خاص دان عامن هندقله قاضي

دفيله اكن اورڠيڠ اهل مملڭ جباتن يائيت اسلام دان مكلف دان
لاكي٢ دان مردهك يڠ ممفوڤاءي اجتهاد دان تدبير يڠ بايك يڠ امانة
دان بنر ليدهن دان يڠممفوڤاءي مروه دان براداب دان برسوفن دان
برعلم دڠن علم يڠ محتاج كفدان برعمل دڠن عمل يڠ بايك تياد سوك
برعمل دڠن عمل يڠ كجي٢ سڤرت يڠ لاكي اكندائڠ ددالم باب يڠكدوا
ددالم كتاب اين فد فصل يڠدفيله اورڠيڠ اكن جادي اهل المحكمه ادان
ادفون معني وزير يعني منتري ملك يائيت دمعناكن فد لغة منولوڠ
دان منڠكوڠ فكرجاءن يڠ برة مڠقوتكن دان مڠاتوركن فد فكرجاءن كراجاءن
سڤرت كات نبي الله موسي برداتڠ سمبه كفد الله تعالي تتكل اي
دتيتهكن الله تعالي كفد فرعون دمكين كتان واجعل لي وزيرا من اهلي
هارون اخي يعني جاديكن باڭيكو سؤورڠ وزير يعني منتري يڠ منولوڠ
درفد اهليكو يائيت هارون سودراكو اشددبه ازري واشركه في امري يعني
مڠقوتكن بلاكڠكو دان مڤڠتوي فكرجاءنكو شهدان جلك دمكين ڤتاله
تيدق دافة تياد اتس راج برمنتري كارن فكرجاءن فيكولن سؤورڠ داڠكة
بردوا ملك جاديله تولبه ريڠن كارن دنسبهكن فكرجاءن كراجاءن ايت
دڠن فيكولن يڠبرة انتهي برمول سيڭيان باڭي راج ملفظكن منتوليهكن
منتري يعني ممبري نام اكن منتري دڠن كات تله كوجاديكن سي فلان
وزير يعني منتري مڤڠتوي كامي دان منولوڠ كامي فد فكرجاءن كراجاءن
تله كامي اذنكن اكندي دڠن اذن يڠ مطلق ملاكوكن فمرنتهن كراجاءن
يڠدباوه تخت كراجاءن كامي خاصن دان عامن تله كامي سرهكن كفدان

بربواة سبارغ كهندقن سڤرت كودافة اصطلاح ستغه نكري منتشبهكن يعني مأمفماكن راج مريكئيت دغن معني بربوات بارغ سكهندقن تركادغ ترڬلنچير ليده مريكئيت دغن دامفماكنن دغن الله سبحانه وتعالي دغن كات مريكئيت راج ايت فعال لما يريد اتو فعال لما يشاء يعني بربواة بارغ سكهندقن ملك تشبيه اين تياد شك كفد حرامن بايك تاء بايك ممباوا كفد كفر نعوذ بالله منها شهدان افبيل ددافة حالن دان معني دان اشارة يغترسبوة ايت اتس سوات اورغيغتله منجادي راج ملك فرضله اتس سكال رعية تنتران طاعة اكندي يعني منجنجوغ تيته فرنتهن دان حرامله اتس سكال رعية ملالوي تيته فرنتهن يغ تياد ممباوا كفد كفر دان معصية دان جلك ملالوي فرنته رجان سرت تياد ددغرن فرنته رجان ايت ملك جاديله اي اورغيغ درهلك دان جلك رعية٢ن ايت بركمفول كفد ساتو تمفة دغن مغوكوهكن تمفتن فد ملاون رجان ملك يائت دنماكن اي اورغ بغات يعني اورغ درهلك دان برلاكوله حكوم بغات اتس مريكئيت سڤرت يغترسبوة ددالم كتاب فقيه دغن هاروس ممراعي مريكئيت دغن شرطن انتهي برمول اداله منتوليهكن يعني ملنتي٘ اتو مڠكلو وزير يعني منتري دان لاينن درفد سكال اورغ بسر٢ يغ ممڠغ جباتن كراجاٴن يائت جادي چاوغ درفد فكرجاٴن راج يغترسبوة ايت ستغه درفدان فرض كفاية .

فصل ٣

برمول منجاديكن وزير٢ اتو كفال٢ نكري ملك سيكيان هندقله

يڠ برڬنتوڠ دڠن مريكئيت دان مڤتاكن فول كيفية منجاتوهكن جباتن
كفد ستڠه مريكئيت دان دڠن سڬال شرطن دان ادابن دان مڤتاكن
فول فڠكة مريكئيت برمول معني راج ايت جك دكات راج ايت
دڠن معني خليفة بائت خليفه رسول الله صلي الله عليه وسلم فد مندبريكن
اسلام دان محكومكن اكن سڬال همب الله دڠن حكومن قرائن دان
حدئث دان اجماع جك دكات راج ايت دڠن معني سلطان ملك
بائت مڠرسكن حكومن اتس سڬال رعيتن دڠن حكومن يڠ عادل يڠ
داتڠ درفد الله دان رسولن دان جك دكات راج ايت دڠن معني امام
ملك بائت ايكوتن سڬال رعيتن فد سڬال حكومن دان فرنتهن يڠ تياد
ممبلوا كفد كفر دان معصية معني امام ايت دهداڠن يڠ دايكوة فرنتهن
سبب ايتوله بني اسرائيل كمدين درفد نبي الله موسي عليه السلام
منتا مريكئيت اكن مندبريكن سؤورڠ راج يڠ جادي ايكوتن مريكئيت
فد برفرڠ دڠن جالن الله تعالي سڠڬت يڠترسبوة ددالم قرائن العظيم
اذقالوا لنبي لهم ابعث لنا ملكا نقاتل في سبيل الله الاية يعني فد كتيك
تله بركات مريكئيت باڬي نبي مريكئيت بڠكيتكن اولهم باڬي كامي
اكن سؤورڠ راج جادي كفال سرت كامي فد فكرجائن فرڠ دڠن جالن
الله هڠك اخر اية يڠ منتممكن قصهن برمول يڠ دكهندكي نبي فد اية
اين بائت نبي اشمويل دان يڠ دكهندكي راج فد اية اين راج طالوة
شهدان اينله يڠكودائة ستڠه درفد معني راج فد اشارة ستڠه درفد كتاب
يڠ متقدمين دان يڠ منتاخرين دان بلوم اكو داڤة معني راج اية دڠن

ماس هيدفن فد يڠ فاتوة منجادي راج كمدين درفد فكرجاءن مشاورة دڠن ريضا سكال مريكئيت سفرت يڠ تله دفرباوة اوله سكال صحابة نبي كيت صلي الله عليه وسلم يائت خليفة العدل سيدنا عمر رضي الله عنه فد ماس هيدفن موافقة دان مشاورة دڠن بيراف صحابة مندبريكن كنتين كمدين درفد ماتيڽ يائت برمشاورة دڠن انم اورڠ صحابة رسول الله يڠ بسر٢ يائت سيدنا عثمان ابن عفان دان سيدنا علي ابن ابي طالب دان سيدنا زبير دان سيدنا عبدالرحمان ابن عوف دان سيدنا سعد بن ابي وقص دان سيدنا طلحه رضي الله عنهم ملك مميله مريكئيت اكن سيدنا عثمان ابن عفان اداڤ كتيك دڠن سبب تغلب يعني دڠن ككراسن سؤورڠ لاكي٢ يڠ ممفوڤاءي قواة مڠلهكن ساتو نكري ايت كمدين منجاديله اي راج دڠن دبرين سنديري شهدان اينله سكال سبب يڠ مڠصحكن منجادي راج ادڤون سكال شرطن علي الجمله بهوا هندقله راج ايت اسلام يڠ تكوه مكڠ اوكام اسلام دان لاكي٢ يڠ مكلف دان مردهكا لاكي عادل لاكي يڠ ممفوڤاءي اجتهاد يڠ ايلق دان ممفوڤاءي بچارا يڠ بايك دان ڤندڠران يڠ بايك دان فعليهاتن يڠ بايك دان ممفوڤاءي براني يڠ تتف دان يڠ راجين تياد جمو دان ماس درفد مندبريكن كراجاءن لاكي ڤنتس سكرا بربڠكية فد تيف٠ فكرجاءن يڠ جادي كبجيكن ملك اينله ستڠه شرط راج اتس يڠ دهمفونكن .

فصل ٢

. فد مڤتاكن معني راج دان معني منتري دان معني قاضي دان بارڠ

ـــ باب يڠفرتام ـــ

فد مپتاكن منديريكن راج دان منجاديكن سڬال اورڠ بسرٲ يڠ ممڬڠ اكن جباتنڽ كراجاٴن دان مپتاكن فول جالن يڠدهارسكن فد شرع دان فد عادة منورونكن دي درفد فڠكتڽ دان ملڤسكن دي درفد جباتنڽ مك ددالمڽ امفت فصل *

فصل ١

فد مپتاكن منديريكن راج برمول منديريكن راج ايت فد اوڬام اسلام فرض كفاية برمول اداله صح فرديرين راج ايت ياٴيت دڠن تيڬ سبب ڤرتام دڠن سبب بيعه اهل الحل والعقد درفد علماٴ يعني دڠن سبب دلنتيٴ كمدين درفد سلسي درفد موافقة دڠن مشاورة ببراف لاكيٲ يڠ عادل درفد اورڠ باٴيكٲ دان سرت كفالٲ دان سرت درفد علماٴ يڠ حاضر دان يڠ لايق فد تمڤة ايت دان ملفظكنله ستڠه درفد مريكئيت دان يڠتولبه اولي علماٴ دمكين بوپيڽ كامي سموا اهل الحل والعقد كمدين درفد موافقة دان مشاورة يڠ تله سوده فوتس منتوليهكن فولن منجادي راج كامي ددالم كراجاٴن نڬري اين دڠن سڬال تعلق دائرهڽ دان برلاكوله انتارا كامي دڠن راج كامي مڠيكوة سڤرت اية يڠ مهامليا فرمان الله تعالي ددالم قراٴن العظيم اطيعوالله واطيعوالرسول واولي الامر منكم يعني طاعتله كامو اكن الله تعالي دان طاعتله كامو اكن رسولڽ دان يڠممفوپاٴي فكرجاٴن يعني يڠممفوپاٴي حكوم درفد كامو اداپ كدوا دڠن سبب استخلاف يعني منجاديكن ساتو راج اكن ڬنتيڽ

تورة دان انجيل دان زبور دان قرأن دان ستڬه درفد مريكئيت انكركن هاري قيامة دان انكركن بڬكيت درفد قبور دان انكركن درفد فادڬ محشر دان انكركن بلاسن عمل يڬجاهة دان عمل يڬبايك ددالم اخرة دان انكركن شرك دان نراك دان بارڬيڬ برڬنتوڬ دڬندي ملك سڬال يڬترسبوة ايت درفد سبب جاهل سرت تياد مندالة علم درفد سڬال كتاب٢ يڬترسبوة ايت اتو تياد سليديق اكن سڬال دليل دان برهان يڬترسبوة ددالم سڬال كتاب‌الله ايت سبب كارن بودوهن دان جاهلن دان ستڬه درفدان كبنسأن جاهل تياد مڬتهوي حكوم عقل دان حكوم عادة دان حكوم شرع اد ستڬه درفد مريكئيت ماعتقادكن اكن سڬال اسباب‌العادية اين ممبري بكس دڬن قواتن دان طبعتن دان ملازمه ستڬه اتس ستڬهن دان لاينن درفد سڬال اعتقاد يڬ بطل دان ستڬهن درفدان دڬن سبب جاهل ايت تياد مڬتهوي حال حرام دان صح دان بطل فرض دان سنة دان تياد مڬتهوي سڬال معصية يڬ باطين يعني يڬ ددالم هاتي سڬرت تكبر دان دڬكي دان خيانة دان لاينن درفد سڬال‌معصية يڬ ددالم هاتي دان يڬ فد اڬكوت ملك اينله بهيان جاهل ددالم دنيا ددالتن چلاك دان ددالم اخرت ددالتن عذاب نعوذ بالله منها دان تياد بوله لفس درفد سڬال يڬترسبوة ايت ملينكن دڬن منونتوة علم سرت دعملكن اداب خصوصا فول سڬال راج٢ دان اورڬ بسر٢ جلك تياد دڬن علم دڬن اف هندق محكمكن سڬال مانسي دان باڬيمان بوله مڬتهوي بنر سالهن اورڬيڬ برددعوا ايت انتهي .

اكن سڬال انبياء دان اولياء دان علماءالعاملين دڠن ببراف كبنساءن
اد يڠ دتڠڬلمكن دڠن اير سڤرت قوم نبي الله نوح دان سڤرت قوم
نبي موسي دانلاڬي دبنساكن الله تعالي دڠن داڠكة نڬرين دجاتوهكن
كبومي هنچور لولوه يائت سڤرت قوم لوط ببراف لاڬي قوم٢ يڠدبنساكن
الله تعالي دڠن برماچم٢ عذاب سبب مريكئيت مپتروي الله تعالي
دان رسولن دڠن سڬال إنبياء دان اولياء دان علماءالعاملين كارن اولياء
دان علماءالعاملين ايت موريث انبياء يعني منجلاني اكن جالن انبياء
دان يڠ مپتروي اكن مريكئيت سڤرت مپتروي انبياء جوا مك جكلو
كيت هندق كپتاءن حال يڠترسبوة ايت مك هندقله كيت منيليق
كفد سڬال قصه مريكئيت اينله يڠ ددالم دنيا دان ادڤون يڠ ددالم
اخرة ببراف لاڬي فول يڠدجنجيكن اللهتعالي سيكس دان عذاب اكن
اورڠيڠ مپتروي الله تعالي دان رسولن ايت دان مپتروي انبياءن دان
اولياءن سڤرت يڠترسبوة ددالم قراءن ببراف اية دان ببراف حديث
دان ببراف اثار درفد سلف رضي الله عنهم اجمعين شهدان مك
پتاله دلبهكن الله تعالي اكن اهل العلم ايت دڠن عقل دان نقل انتهي .

ادڤون كبنساءن جاهل يائت امة باپق ستڠه درفدان تياد مڠنل
الله تعالي دان رسولن دان تياد مڠنل عالم اين قديمكه اتو محدثكه اتو
دڤربواتكه اتو دڠن سنديريپاكه سڤرت كباپقكن اعتقاد اورڠ كافر يڠ مپمبه
برهلادان اديڠبرتوهنكن بولن دان مات هاري اديڠ مپمبه كايو دان باتو دان لاينن
سڤرة مندستاكن نبي٢ دان انكركن كتاب٢ يڠ دري لاڠية سڤرة صحف دان

يائت امة پات دڠن دليل يڠ موده دان دڠن ڤندفاتن عقل يڠ سڠكة
فون بوله جوڬ سمفي كارن بناتڠ دڠن مانسي فد كجدين ستڠه درفدان
برسماڽن جوڬ دڠن مانسي سڤرت برداڬيڠ دان برداره دان برتولڠ
دان مندڠر دان مليهة دان برشهواة ماكن مينم تيدور جمع سموان اد
كفد بناتڠ تركادڠ لبه لاڬي اي درفد مانسي سڤرت قواة ڬاڬه فركسان
سڤرت ڬاجه دان هريمو دان يڠ لاينن درفد بناتڠ يڠ ڬاڬه٢ هپاله يڠ تياد
كفدان علم دان عقل يڠ سڤرت مانسي ملڬ جاديله كمدهن اتس
مانسي منڠكڤ دان ممرنتهن اينله يڠ ظهير كلبهن علم دڠن تياد
برفيكر امة فد مندافة اكندي دانلاڬي كلبهن يڠ ظهير فول جلڬ كيت
تيليك كفد مانسي ملڬ اصلن ايت برسماڽن سموان بني ادام سموان
ملڬ ددالم حال ايت ددالم دنيا اين برلبهلبهن سڠتڠه اتس سڠتڠه
سڤرت سڬال انبياء اولياء دان علماء ملڬ يائت لبه درفد سڬال اورڠ
يڠ عالم يائت تياد سبب لاين مليڠكن سبب علم يڠدكرنياكن الله
تعالي كفدان ملڬ دلاكوكن الله تعالي عادة حال مريكئية ممرنتهكن
سڬال همب الله يڠ عالم تياد هيرو مريكئيت اكن راج٢ دان اورڠ
كاي٢ دان اورڠيڠ ڬاڬه براني ملڬ بارڠسياف درفد راج اتو اورڠ كاي٢
دان اورڠيڠ ڬاڬه براني مڠرنتاڠي دان ملاون دان تكبر اتس سڬال انبيا
دان اولياء دان علماءالعاملين ملڬداتڠله مرڬ اللهتعالي اتس مريكئية
اد كلان دڠن تواني اتو دڠن برتڠكوه سڤرت كباڤكن حكاية٢ يڠدهولو٢
ببراف قوم يڠدبنساكن الله تعالي سبب تياد مڠيكوة سرت مڤتروي

لبســـــم الله الرحمن الرحيـــم

الحمد لله جل جلاله وعظم شانه من قبل ومن بعد امره له الملك والحكم واليه ترجعون وصلي الله علي سـيدنا محمد ومولانا محمد نبي المبعوث في اخز الزمان وعلي اله واصحابه وخلفائه من أهل الصدق والايمان

امابعد

يعني كمدين درفد ايت ملك بهوا اينله ساتو كتاب يڠ مختصر يڠ اكنماءي اكندي ثمرة المهمة ضيافة للامراء والكبرء الاهل المحكمة يعني بواه بواهن يڠدچيتاء حال كادائن جادي جموان باڬي راج٢ دان باڬي اورڠ بسر٢ يڠ ممفوڤاءي فكرجائن ددالم تمڠة برحكوم دان اكو اتوركندي ساتو مقدمه دان تيڬ باب ددالمن ببراف فصل دان ساتو خاتمه

مقدمه يعني ڤندهلوان فد مڤتاكن كلبهن علم

برمول ادڤون علم اية يائيت ثابة كفد نقل دان عقل ادڤون نقل درفد قرائن العظيم قال الله تعالي يرفع الله الذين امنو منكم والذين اوتوالعلم درجات يعني داڠكتكن الله تعالي سڬال مريكئيت يڠبرايمان درفد كام دان سڬال مريكئيت يڠدبري علم ببراف فڠكة ادڤون سبد نبي صلي الله عليه وسلم من يرد الله به خيرايفقهه في الدين ويلمهه رشده يعني بارڠسياف دكهندا كي الله تعالي دڠندي كبجيكن دبري فهم اي فد اوڬام دان دبري الهـام اي دڠن چرديق ادڤون كلبهن علم كفد عقل ملك

فهرسة الكتاب

فد مپتاكن اوبت دڠكي ـ .. ـ موك سورت ٥٤

كامفت طمع يعني لوب ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ٥٦

كليم بخيل ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ٥٧

كانم مغفل يعني لالي ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ٦٠

كتوجه اسراف ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ٦١

كدلافن المزح ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ٦٢

كسمبيلن الكذب ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ٦٣

كسفوله الجزع ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ٦٤

كسبلس عجله ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ٦٤

فرع ـ اين ساتو چاواڠ ـ ـ ـ ـ ٦٦

كدوا بلس تسويف ـ ـ ـ ـ ـ ٦٧

كتيڭ بلس لم يجزاء الخير ـ ـ ـ ـ ٦٨

كامفت بلس لايبال الدين ـ ـ ـ ـ ٦٩

اينله شعير نصيحة كبجيكن فد كسداهن كتاب يانڠ نصيحة

كفد اورڠيڠ منجادي راج ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ٧٣

فصل يڠفرتام نصيحة كفد منتري ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ٧٤

فصل يڠكدوا نصيحة كفد قاضي ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ٧٥

فصل يڠكتيڭ نصيحة كفد سڭال فڭاوي سلطان ـ ـ ـ ٧٥

فصل يڠكا مفة نصيحة كڤد راج دان منتري سرة سڭال فڭاوي ٧٦

فصل يڠكليم فڠها بيسن نصيحة كبجيكن اورڠيڠ مڠارڠ ـ ـ ٧٨

فهرسة الكتاب

ستيا يڠكدلافن - - - - - - - موك سورت ٣٧

ستيا يڠكسمبيلن - - - - - - - - - - - ٣٧

ستيا يڠكسفوله - - - - - - - - - - - ٣٨

ستيا يڠكسبلس - - - - - - - - - - - ٣٨

ستيا يڠكدوا بلس - - - - - - - - - - - ٣٩

بلاسن سومفه ستيا يائة درفد فيهق راج - ستيا يڠفرتام - - - ٣٩

ستيا يڠكدوا - - - - - - - - - - - ٤٠

ستيا يڠكتيڬ - - - - - - - - - - - ٤٠

ستيا يڠكاءمڤت - - - - - - - - - - - ٤٠

باب يڠكتيڬ فد مپتاكن بارڠيڠ تياد دافت تياد درفد راج٢ دان اورڠبسر٢ مملیهراكندي - - - - - - - - - ٤٠

فصل يڠفرتام فد مپتاكن مملیهراكن روح - - - - - ٤١

فصل يڠكدوا فد مپتاكن مملیهراكن بادن - - - - - ٤٥

فصل يڠكتيڬ فد مپتاكن مملیهراكن نام - - - - ٤٧

خاتمه فدمپتاكن بارڠيڠ جادي چاچةدان چدرا كفدراج٢ دان اورڠبسر٢ - ٤٩

فرتام فد مپتاكن تكبر - - - - - - - - - - ٤٩

كدوا فد مپتاكن غضب يعني فماره - - - - - - ٥١

كتيڬ فد مپتاكن حسد - - - - - - - - - ٥٢

فد مپتاكن بهيا دان كبنسائن دڠكي - - - - - - ٥٣

فهرسة الكتاب

فصل يڠكدوا فد مڤتاكن اداب اهل المحكمه ـ . موك سورة ٢١

فصل يڠكتيڬ فد مڤتاكن بربچارادان مشورة اهل المحكمه . . ٢٢

فصل يڠكاءمفة فدمڤتاكن جلڬ مشاورة اية مختلفه فدسكال اهل المحكمه ٢٥

فصل يڠكليم فد مڤتاكن حكوم يڠترفاكي ددالم اوكام اسلام . ٢٩

فصل يڠكاءنم فد مڤتاكن اداله يڠدنماكن حكوم يڠ فوتس . . ٣٠

فصل يڠكتوجه فد مڤتاكن هاروس قاضي القضاة مننتوكن سورڠ كنتين ٣١

فصل يڠكدلاقن فد مڤتاكن حرام قاضي منريم فمبرين ـ ـ ٣٢

فصل يڠكسمبيلن فد مڤتاكن ممبليه اورڠ يڠاكند جادي كن اهل المحكمه
اتو هندق دجايكن اورڠ بسر ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ٣٣

فصل يڠ كسفولـه فد مڤتاكن افبيل حاصلله اولـه زاج اكن سسئورڠ
يڠ فاتوة منجادي اهل المحكمه دان اهل ممڬ جباتين كراجاءن ـ ٣٤

عهد المحكمة يعني فرجنجين اهل المحكمة يائت ستيا يڠفرتام ـ ٣٥

ستيا يڠكدوا ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ٣٥

ستيا يڠكتيڬ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ٣٥

ستيا يڠكاءمفة ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ٣٦

ستيا يڠكليم ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ٣٦

ستيا يڠكاءنم ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ٣٦

ستيا يڠكتوجه ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ـ ٣٧

فهرسة الكتاب ثمرة المهمة ضيافة لامرا
والكبرا لاهل المحكمة

خطبة الكتاب - . . . . . موك سورث ٣
مقدمة يعني فندهلوان - فد مپتاكن كلبيهن علم ٣
باب يڠفرتام فدمپتاكن مندیریكن راج دان منجادیكن سڭال اورڠبسر
يڠ ممڭڠ لكن جباتن كراجاٴن دان مپتاكن فول جالن يڠدهاروسكن فد
شرع دان فدعادة منورونكندي درفدڤكتن دان ملفسكندي درفد جباتنن
مك ددالمن امڤت فصل دان ساتو فرع - ٧
فصل يڠفرتام فد مپتاكن مندیریكن راج - ٧
فصل يڠكدوا فد مپتاكن معنى راج ٨
فصل يڠكتيڬ فدمپتاكن منجادیكن وزير اتوكڤال دنڬري ١٠
فرع - اين ساتو چاواڠ ١٣
فصل يڠكاٴمڤة فد مپتاكن ڤكرجاٴن منورونكن مريكڤيت . . ١٥
بهڬين يڠفرتام فد مپتاكن منورونكن قاضي ١٦
بهڬين يڠكدوا فد مپتاكن منورونكن وزير ١٧
بهڬين يڠ كتيڬ فد مپتاكن منورونكن بدوندا دان سوٴمفامن ٢٠
باب يڠكدوا فد مپتاكن ترتيب كراجاٴن دان اتوران محكمه فد
مشورتن دان حكومن مك يائت ببراف فصل . . . ٢٠
فصل يڠفرتام فد مپتاكن معنى محكمه ٢٠

اينله كتاب يڠيرنام .

ثمرة المهمة ضيافة للامراء والكبراء لاهل المحكمة

كراڠن المرحوم راج علي الحاج

. ابن المرحوم .

راج احمد الحاج تغمده الله تعالى

برحمته واعاد علينا

من بركته

. امين .

LINGGA ENGKDERHO · ONDERKONING VAN RIOVIV

ترچف داوفيس چف گبرمنة ليڠك

1304

NEDERLANDSCHE

9 789839 701876


ثَمَرَةُ المُهِمَّة
ضِيَافَة للأُمَرَاءِ وَالكُبَرَاءِ
لِأَهْلِ المَحَكَمَة
راج حاج علي الحاج بن راج حاج أحمد ريو
الخزانة القطانية